

TRANSKRIPSI KEUPAYAAN TEKS DEALISME DALAM
MENGANGKAT KEUNGGULAN KARYA-KARYA *THRILLER*
RAMLEE AWANG MURSHID

KU NUR ASMIDA BINTI KU MOHD SHAHABUDIN

C18A0089

UNIVERSITI

IJAZAH SARJANA MUDA

MALAYSIA

2022

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

TRANSKRIPSI KEUPAYAAN TEKSDEALISME DALAM
MENGANGKAT KEUNGGULAN KARYA-KARYA *THRILLER*
RAMLEE AWANG MURSHID

KU NUR ASMIDA BINTI KU MOHD SHAHABUDIN

C18A0089

UNIVERSITI
MALAYSIA

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN
WARISAN DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
Dari tarikh _____ sehingga _____
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhadap yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

asmida

anis

Tandatangan
980722026488

No. Kad Pengenalan
Tarikh : 20 Januari 2022

Tandatangan Penyelia

PUAN SITI NUR ANIS BINTI
MUHAMMAD APANDI

Nama Penyelia
Tarikh : 20 Januari 2022

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah S.W.T Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah dan kurniaNya, saya telah menyiapkan penulisan kajian ilmiah yang bertajuk Keupayaan Teksdealisme Dalam Mengangkat Keunggulan Karya-karya *Thriller* Ramlee Awang Murshid dengan jayanya. Kerjasama dan sokongan padu daripada keluarga, pensyarah, ketua jabatan, rakan seperjuangan serta pelbagai pihak yang telah mempengaruhi impian saya dalam menamatkan penyelidikan bagi program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan melalui elektif Kesusasteraan Warisan ini. Kejayaan menyiapkan tesis ini memerlukan cabaran dan pengorbanan yang perlu dilalui bukan sahaja dalam diri sendiri malah membabitkan individu-individu tertentu yang telah banyak membantu malah berkongsi pengalaman terhadap setiap masalah yang dihadapi. Sesungguhnya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas segala budi serta jasa yang diberikan.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih tidak terhingga kepada pensyarah yang bertindak selaku penyelia saya iaitu Puan Siti Nur Anis Binti Muhammad Apandi yang penuh sabar dan komited memberi tunjuk ajar, bimbingan serta nasihat bagi membantu saya menyiapkan kajian. Sesungguhnya, ilmu yang telah dicurahkan akan dimanfaatkan sebaik mungkin sebagai satu keperluan dan ibadah dalam menerokan pengetahuan yang bermaklumat serta berguna kepada diri saya dan juga masyarakat.

Akhir sekali, saya juga mengambil peluang untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada insan tersayang iaitu ibu saya Kasmarani Binti Che muda dan abang saya Ku Mohd Ashraf Bin Ku Mohd Shahabudin yang tidak pernah putus dalam menghidupkan semangat untuk saya terus berjuang dalam urusan pengajian ini. Tanpa sokongan dari mereka, mungkin saya tidak mampu sampai ke tahap ini. Terima kasih sekali lagi atas segala nasihat, dorongan, doa dan restu bagi saya mencapai inspirasi dan berjaya menjalankan kajian ilmiah ini.

Sekian, terima kasih.

Transkripsi Keupayaan Teksdealisme Dalam Mengangkat Keunggulan Karya-karya

Thriller Ramlee Awang Murshid

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid menerusi novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah kepustakaan yang dianalisis secara deskriptif. Asas dan dasar kajian ini dianalisis menerusi empat prinsip yang terdapat dalam Teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, keunggulan Ramlee Awang Murshid dalam prinsip kehadiran Teori teksdealisme telah berjaya menghadirkan pengalaman melalui kehidupan masyarakat dan pengalaman melalui pengembaraan. Begitu juga prinsip pelanggaran yang membolehkan Ramlee Awang Murshid berani mengemukakan pelanggaran tema dan persoalan serta pelanggaran dari segi watak dan perwatakan yang memberi pembaharuan idea dalam kepengarangannya. Prinsip pengukuhan pula, membuktikan kesungguhan Ramlee Awang Murshid dalam meningkatkan kualiti kedua-dua novel melalui pengukuhan nilai murni yang disampaikan melalui setiap peristiwa yang terkandung dalam karyanya. Di samping itu, bagi prinsip individualisme pula telah mengangkat cita-cita dan personaliti Ramlee Awang Murshid melalui stailistik dan persembahan novel yang dipengaruhi oleh ideologi realisme. Keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid dibuktikan hadir melalui pengalaman yang mencetuskan idea dengan pembaharuan serta dikukuhkan dengan nilai-nilai murni selain turut mempertingkatkan personaliti kepengarangan. Justeru, kajian ini memberi implikasi kepada penyelidik sebagai asas memahami proses kepengarangan dan membantu pembaca memilih karya yang unggul serta mendorong pengarang kini mempertingkatkan karya dengan menampilkan elemen penting dalam proses kepengarangan.

Kata Kunci: Teori Teksdealisme, Keunggulan, Kepengarangan, Novel *Thriller*, Empat Prinsip Teksdealisme.

Transcription of the Ability of Textualism in Elevating the Excellence of the Thriller

Works of Ramlee Awang Murshid

ABSTRACT

This study aims to identify and analyze the excellence of Ramlee Awang Murshid's authorship through the novel *Tombiruo: The Guardian of the Jungle* and *Purple Karmila*. This study uses a qualitative study design with a descriptively analyzed literature method. The basis and policy of this study is analyzed through four principles found in the Theory of Textualism, namely the principle of presence, the principle of violation, the principle of reinforcement and the principle of individualism. The findings of this study show that, the excellence of Ramlee Awang Murshid in the principle of presence Theory of textualism has successfully presented experience through community life and experience through adventure. Similarly, the principle of violation that allows Ramlee Awang Murshid to dare to present a violation of themes and questions as well as a violation in terms of character and characterization that gives renewal of ideas in his authorship. The principle of reinforcement, on the other hand, proves the seriousness of Ramlee Awang Murshid in improving the quality of both novels through the reinforcement of the noble values conveyed through each event contained in his work. In addition, the principle of individualism has raised the ideals and personality of Ramlee Awang Murshid through the stylistics and presentation of novels influenced by the ideology of realism. The excellence of Ramlee Awang Murshid's authorship is proven through the experience that triggers ideas with innovation and is strengthened with noble values as well as also enhances the personality of authorship. Thus, this study gives implications to researchers as a basis to understand the process of authorship and help readers choose a superior work as well as encourage authors to now improve the work by featuring important elements in the authoring process.

Keywords: Theory of Textualism, Excellence, Authorship, Thriller Novel, Four Principles of Textualism.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

ISI KANDUNGAN

LATAR BELAKANG RAMLEE AWANG MURSHID

SINOPSIS NOVEL TOMBIRUO : PENUNGGU RIMBA

SINOPSIS NOVEL UNGU KARMILA

BAB 1	Pengenalan.....	1
	1.0 Pendahuluan.....	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	2
	1.2 Permasalahan Kajian.....	7
	1.3 Persoalan Kajian	9
	1.4 Objektif Kajian.....	10
	1.5 Definisi Konsep.....	10
	1.5.1 Pengarang.....	10
	1.5.2 Kepengarangan.....	12
	1.5.3 Keunggulan Kepengarangan.....	13
	1.5.4 Karya <i>Thriller</i>	14
	1.6 Skop Dan Batasan Kajian	15
	1.6.1 Teks	16
	1.6.2 Teori.....	16
	1.6.3 Spesifik Kajian.....	17
	1.7 Kepentingan Kajian.....	17
	1.8 Pembahagian Bab.....	18
	1.9 Kesimpulan	20

BAB 2	SOROTAN KAJIAN	21
	2.0 Pengenalan	21
	2.1 Kajian Lepas	21
	2.2 Kesimpulan	46
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORI	47
	3.0 Pendahuluan.....	47
	3.1 Metodologi Kajian	47
	3.2 Pendekatan Kajian.....	54
	3.2.1 Teori Teksdealisme	55
	3.3 Reka Bentuk Kajian	62
	3.4 Kerangka Konseptual.....	64
	3.5 Keterangan Kerangka Konseptual	65
	3.6 Kesimpulan	65
BAB 4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	67
	4.0 Pengenalan	67
	4.1 Aspek-aspek Keunggulan Kepengarangan Ramlee Awang Murshid	68
	4.1.1 Prinsip Kehadiran.....	68
	4.1.2 Prinsip Pelanggaran	71
	4.1.3 Prinsip Pengukuhan	73
	4.1.4 Prinsip Individualisme	75
	4.2 Analisis Aspek-aspek Keunggulan Kepengarangan Ramlee Awang Murshid Ke Atas Novel <i>Tombiruo : Penunggu Rimba Dan Ungu Karmila</i>	78
	4.2.1 Prinsip Kehadiran.....	79
	4.2.1.1 Kehadiran Pengalaman Melalui Kehidupan Masyarakat	79
	4.2.1.2 Kehadiran Pengalaman Melalui Pengembaraan	82
	4.2.2 Prinsip Pelanggaran	87
	4.2.2.1 Pelanggaran Tema Dan Persoalan.....	87
	4.2.2.1 Pelanggaran Dari Segi Watak Dan Perwatakan.....	91

4.2.3 Prinsip Pengukuhan	96
4.2.3.1 Pengukuhan Nilai Murni.....	96
4.2.4 Prinsip Individualisme	102
4.2.4.1 Stailistik Dan Persembahan novel	102
4.3 Kesimpulan	107
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	110
5.0 Pengenalan	110
5.1 Rumusan.....	112
5.2 Implikasi Kajian.....	114
5.3 Cadangan Kajian.....	116
5.3.1 Peranan Pengarang Membentuk Kepingarangan Unggul	117
5.3.2 Peranan Institusi Pendidikan.....	118
5.3.3 Peranan Penerbit Karya kesusasteraan Melayu	120
5.4 Kesimpulan	121
BIBLIOGRAFI/RUJUKAN.....	124

LATAR BELAKANG RAMLEE AWANG MURSHID

Ramlee Awang Murshid dilahirkan pada tanggal 4 November 1967 di Papar, Sabah. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kapayan, Kota Kinabalu dari tahun 1974 sehinggalah tahun 1979. Ramlee menamatkan pengajiannya selama empat tahun di Kolej Sabah, sekitar tahun 1984 dan beliau juga merupakan seorang pemegang Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Penglibatan beliau dalam dunia seni bermula sejak zaman remaja lagi. Beliau pernah melibatkan diri dalam teater sewaktu masih berada di bangku sekolah menengah dan banyak memainkan peranan sebagai seorang pengarah, penulis dan juga pelakon. Dalam dunia pekerjaan, Ramlee Awang Murshid merupakan seorang wartawan dan pernah berkhidmat dengan RTM lebih 20 tahun, bermula pada tahun 1986. Tugas kewartawanan ada kalanya membawa Ramlee menjelajah ke pelbagai negara dan menjadi penyumbang terbesar terhadap karya-karyanya. Sebahagian hasil tulisannya yang berlatarkan negara luar seperti Jepun adalah diinspirasi daripada pengalamannya.


Dalam dunia penulisan, Ramlee terkenal sebagai novelis seram serta *thriller*, dan sudah empat kali beliau memenangi sayembara penulisan yang antaranya melalui kejayaan novel *Pei Pan* yang diiktiraf sebagai pemenang kedua Hadiah Sako bagi novel Nasional 2002. Pelajar terbaik Komunikasi Massa 2000 UKM ini menyifatkan kejayaan *Pei Pan* meninggalkan kenangan paling manis kepadanya kerana beliau merupakan penulis pertama dari Sabah yang meraih kemenangan bagi hadiah tersebut. Beliau juga pernah menerima Watikah Penghargaan Khas daripada UKM pada tahun 2001 dan merupakan pelajar terbaik keseluruhan Pusat Pengajian Media dan Komunikasi (2002).

Sepanjang menjadi seorang novelis, Ramlee Awang Murshid telah menghasilkan sebanyak 34 buah novel. Antaranya *Tombiruo*, *Ranggau*, *Mandatori*, *Satu Janji*, *A.D.A.M*, *Semangat Hutan* dan *Rahsia Perindu*. Beliau banyak mempertaruhkan elemen seram, saspens dan ngeri dalam novel hingga mendapat julukan sebagai novelis thriller nombor satu di Malaysia. Novel *Bagaikan Puteri* dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Sastera Negeri Sabah dan sambutan peminat menyebabkan beliau teruja menyambung novel terbabit sehingga lahir trilogy *Bagaikan Puteri*, *Cinta Sang Ratu* dan *Hijab Sang Pencipta*. Di samping itu, adaptasi filem untuk salah satu daripada karyanya iaitu *Tombiruo* : *Penunggu Rimba*

merupakan filem di bawah kerjasama penerbitan Astro Shaw, penerbit buku Karangraf, Ideate Media dan syarikat penerbitan milik Ramlee Awang Murshid sendiri iaitu Layar Sunan. Filem tersebut telah ditayangkan pada tahun 2017. Kejayaan yang dikecapi oleh beliau sepanjang menjadi seorang novelis ini telah berjaya membuktikan bahawa Ramlee Awang Murshid merupakan seorang pengarang yang berpengalaman dan wajar menjadi contoh untuk pendatang baru dalam dunia sastera tanah air.



SINOPSIS NOVEL TOMBIRUO : PENUNGGU RIMBA




Novel Tombiruo : Penunggu Rimba merupakan sebuah karya *thriller* yang bergenre aksi mitos dan disandarkan kepada kepercayaan masyarakat pedalaman di Sabah mengenai semangat alam. Lebih 99 peratus latar tempat dalam novel ini adalah hutan. Hal ini sesuai dengan persoalan utama novel ini, iaitu kepentingan menjaga kesejahteraan dan keseimbangan antara alam serta kehidupan manusia. Novel ini juga sarat dengan simbolisme bagi memaparkan balasan alam terhadap perbuatan manusia sebagai subjek dalam novel. Tombiruo yang membawa maksud roh atau hantu dalam dialek kaum Kadazan Dusun di Sabah. Cerita dalam novel ini berkisarkan kepada watak Tombiruo, seorang lelaki yang sangat gagah tetapi mempunyai wajah yang hodoh. Tombiruo sentiasa memakai topeng untuk menutup mukanya yang hodoh.

Tombiruo mempunyai misi untuk mencari pembunuh bapanya, Pondolou. Ketika mencari pembunuh bapanya, Tombiruo berjumpa dengan Amiruddin iaitu seorang Pegawai Perhilitan di kawasan Hutan Keningau. Amiruddin tersalah anggap bahawa Tombiruo telah membunuh isterinya, Salina. Semasa berlaku pertelingkahan antara mereka berdua, timbul pula seorang wartawan wanita yang bernama Wan Suraya. Watak Wan Suraya banyak membantu menyelesaikan pertelingkahan yang terjadi antara Tombiruo dan juga Amiruddin. Pengembaraan Tombiruo yang bahaya dan penuh tragedi ini telah membawanya mengenali erti persaudaraan, kekeluargaan dan cinta. Hal ini secara tak langsung telah membuka hati


Tombiruo untuk menerima peranannya sebagai Penunggu Rimba. Dia tidak akan teragak-agak untuk mengasari sesiapa sahaja yang cuba membuat onar terhadap hutan yang menjadi tempat tinggalnya.



UNIVERSITI




MALAYSIA



KELANTAN

SINOPSIS NOVEL UNGU KARMILA



Arif dan Karmila pasangan suami isteri yang berpindah ke rumah baru mereka, Vila Sunyi sebuah banglo di Puncak Rimba, Cameron Highland. Vila Sunyi adalah hadiah Arif buat isterinya Karmila yang sangat dicintai sempena ulang tahun perkahwinan mereka yang pertama. Misteri muncul dan mula berlaku apabila Arif mula menunjukkan sikap yang menakutkan isterinya dan orang gaji mereka, Jainab. Perlakuan Arif mencurigakan dan memberikan kesedihan kepada Karmila. Satu malapetaka berlaku apabila mayat mereka bertiga ditemui oleh Tok Batin, ketua suku kaum orang Asli yang berhampiran datang ke rumah mereka untuk berdamai dengan Arif kerana perselisihan faham mereka berkenaan dengan spesies bunga liar yang diambil oleh Arif daripada 'kawasan larangan' di dalam hutan yang berdekatan. Sejak malapetaka tersebut, kejadian demi kejadian misteri berlaku, bermula dengan kematian Jikon, seorang pemuda orang Asli, abang kepada Ema yang bekerja sebagai pakar bioteknologi di UPM Serdang berkelulusan sarjana dari UKM. Ema difahamkan oleh ayahnya bahawa Jikon telah mati akibat puaka Vila Sunyi. Namun sebagai seorang yang berpendidikan, Ema tidak mempercayai cerita tersebut dan mengambil langkah membuat penyiasatan sendiri ke atas Vila Sunyi.

Pada masa yang sama juga, Arafat abang kepada Arif mengupah sekumpulan penyiasat untuk pergi ke Vila Sunyi dengan tujuan membuktikan bahawa Arif tidak membunuh Karmila dan Jainab. Apa yang terjadi semasa penyiasatan tersebut amat mendukacitakan dan mengerikan kerana seorang demi seorang daripada mereka mati kecuali Dino yang berjaya melarikan diri ke hutan. Ema yang juga kebetulan berada di dalam Vila Sunyi ketika itu turut menjadi mangsa. Dr. Ismadi, rakan sekerja Ema mula membuat penyiasatan ke atas kejadian tersebut dan hasil siasatan menunjukkan bahawa misteri Vila Sunyi bukanlah kerana puaka tetapi sebenarnya berpunca daripada Ungu Karmila, bunga kacukan yang dihasilkan oleh Arif. Ungu Karmila merupakan sebuah karya Ramlee Awang Murshid yang mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Kekuatan novel ini adalah pada pengolahan beliau yang berjaya membuatkan pembaca mempercayai misteri di Vila Sunyi adalah kerana puaka.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Pada bahagian pengantar atau pengenalan bagi projek penyelidikan kajian ini, ianya akan mengandungi latar belakang kajian, konsep bagi keunggulan teks, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, dan batasan kajian. Perbincangan ini turut mengupas mengenai keunggulan kepengarangan yang ada pada pengarang serta novelis thriller nombor satu di Malaysia iaitu Ramlee Awang Murshid. Oleh itu, sebelum menelusuri kepada fokus utama bagi aspek yang akan dibincangkan, seiring dengan pengaplikasian teori, maka pemahaman yang jelas terhadap keunggulan kepengarangan harus diketengahkan bersama-sama dengan persoalan, objektif, permasalahan kajian, definisi konsep, skop serta batasan kajian, pembahagian setiap bab, dan akhir sekali, kesimpulan untuk bab satu ini.

1.1 Latar Belakang Kajian

Sastera merupakan lembaga sosial yang menjadikan bahasa sebagai medium dan bahasa itu sendirilah yang menunjukkan ciptaan sosial. Menurut Hashim Awang, 1997 : 26, beliau menyatakan bahawa dalam sastera ianya telah menonjolkan gambaran kehidupan dan kehidupan itu sendirilah yang menampilkan kenyataan sosial. Dalam hal ini, kehidupan merangkumi sebuah hubungan di antara individu dengan masyarakat, antara peristiwa yang berlaku dalam diri serta jiwa seseorang dengan manusia lain. Peristiwa-peristiwa inilah yang

dijadikan bahan bagi penghasilan sastera yang dilihat menjadi pantulan dari hubungan perantara individu dengan individu yang lain atau kelompok masyarakat sosialnya.

Menurut Tun Abdul Razak (1986 : 33), seorang sasterawan menulis untuk zamannya sendiri dan apa yang ditulisnya sekarang dibaca hari ini, dinilai, ditimbang, difahami hari ini juga. Tetapi apa yang dikarang hari ini, boleh dilupakan pada keesokannya. Justeru itu, setiap sasterawan serta semua pengarang itu sendiri, mengarang cerita adalah buat pembaca pada hari ini dan bukannya buat para pembaca di masa akan datang. Para pengarang ini lebih arif dengan kehendak serta selera pembaca-pembaca yang hidup satu zaman dengan mereka berbanding dengan para pembaca yang hidup beberapa dekad yang lalu (A. Karim Abdullah, 1993 : 127). Namun begitu, karya-karya daripada beberapa orang pengarang atau sasterawan yang terulung daripada barat seperti Shakespeare, Dante, George Bernard Shaw, dan daripada negara kita sendiri iaitu Tun Seri Lanang telah disemat serta diabadikan dalam ingatan dan kenangan manusia sehingga ianya telah mampu menghasilkan karya yang unggul. Hal ini kerana, tokoh-tokoh ini menulis sesuatu yang abadi buat manusia iaitu sesuatu yang kekal dan tidak dapat mengubah sanubari hati, cita-cita, akal fikiran dan perasaan yang dimiliki oleh setiap insan. Perkara abadi serta kekal bagi sesebuah negara dan bangsa adalah kemahuan untuk melakukan perubahan hidup, mencari kebahagiaan dan keharmonian dalam hidup bermasyarakat yang bertamadun.

Keunggulan bagi konteks kesusasteraan dalam penghasilan karya terutamanya, dalam kalangan pengarang adalah satu tahap pencapaian puncak dalam sebuah penciptaan (Mana Sikana, 1996 : 76). Tuntasnya, setiap pengarang itu mempunyai keinginan yang tinggi bagi meletakkan karya-karya mereka di sebuah tahap yang dipanggil sebagai keunggulan. Bagi mencapai tahap keunggulan tersebut, para pengarang dituntut agar memiliki sifat-sifat kebijaksanaan dan keberanian dalam berkarya. Keberanian yang dimaksudkan adalah berani dalam mengeluarkan idea serta pemikiran baru yang lebih kritis dan bersedia untuk

melakukan transformasi terhadap teks karya. Manakala, kebijaksanaan pula ialah sifat yang menjurus kepada gerak kerja yang berlandaskan kepada kesedaran dan keilmuan. Sekiranya, pengarang tidak mampu mencapai sifat-sifat tersebut, maka karya yang dihasilkan hanya akan bergerak dalam kelompoknya yang tersendiri sahaja dan semestinya tidak dapat mencapai keunggulan teks dalam karya. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tentang keupayaan Teksdealisme dalam mengangkat keunggulan karya-karya pengarang yang telah dipilih.

Pengarang seharusnya berkebolehan dalam membina dan memiliki percaturan dalam kepengarangan bagi teks-teks karyanya, dapat mencipta disiplin tersendiri dan peraturan-peraturan pengkaryaan berdasarkan kebijaksanaan serta daya kreativiti mereka, di samping berkebolehan mewujudkan sebuah pembaharuan yang mengagumkan. Kebiasaannya, pembaharuan dan kelainan yang dilakukan oleh seseorang pengarang itulah yang akan membezakan diri mereka dengan karya-karya pengarang yang lain. Hal ini telah berjaya ditemui oleh pengkaji terhadap sebuah kelainan karya daripada pengarang tempatan iaitu Ramlee Awang Murshid. Pengkaji dapat melihat perbezaan beliau dengan pengarang yang lain adalah apabila beliau telah berjaya menghasilkan teks-teks yang berimajinasi tinggi dengan berentak thriller ataupun penuh dengan adegan-adegan suspen yang mampu menarik minat para pembaca. Sesungguhnya, pembaharuan dan kelainan seperti inilah yang dapat menjadi unsur penting pada teks karyanya yang dilihat bersifat dinamik serta idealistik yang mencapai keunggulan. Khalayak pembaca, sama ada bersifat analitis ataupun tidak akan dapat mengesan setiap perbezaan serta pembaharuan ketika mereka membuat kritikan ataupun sekadar pembacaan sahaja. Hal ini telah menunjukkan yang mana Teksdealisme itu sendiri mampu digunakan untuk menilai sesebuah teks karya dan pengarang itu sendiri di tahap keunggulan.

Oleh itu, bagi melihat kepada keupayaan Teksdealisme dalam mengangkat keunggulan kepengarangan ini, pengkaji telah memilih karya-karya Ramlee Awang Murshid sebagai bahan utama kajian. Hal ini kerana, beliau merupakan salah seorang pengarang novel thriller nombor satu di Malaysia. Karya thriller beliau dipilih kerana pengkaji ingin melihat bagaimana teks dalam novel yang berentak thriller ini mampu untuk menonjolkan keunggulannya berbanding dengan teks karya novel picians yang lainnya. Pada dasarnya, fiksi ataupun fiksyen merupakan sebuah karya sastera. Karya sastera terbahagi kepada dua iaitu karya sastera yang berbentuk fiksyen dan bukan fiksyen. Makna bagi karya sastera yang berbentuk bukan fiksyen ialah sebuah karya yang ditulis atau dihasilkan daripada sebuah kajian ilmu serta berdasarkan pengamalan. Manakala, karya fiksyen pula adalah sebuah karya sastera yang dicipta dan terhasil daripada imaginasi manusia dan disampaikan menerusi novel, cerpen, cerita rekaan (cereka) serta karya-karya sastera yang lainnya. Hal ini kerana, karya fiksyen merupakan karya yang bersifat naratif yang mana isinya tidak memfokuskan kepada sebuah fakta ataupun sejarah bagi sesuatu perkara.

Dalam hal ini, novel merupakan sebuah karya fiksyen yang dikarang dengan bersifat naratif dan kebiasaannya disampaikan dalam bentuk sebuah cerita. Penulis novel dikenali sebagai novelis. Sesebuah novel lebih panjang jalan ceritanya jika hendak dibandingkan dengan cerpen. Hal ini kerana, panjang patah perkataan bagi novel adalah sekurang-kurangnya 40 000 patah perkataan. Kebiasaannya, sebuah novel akan menceritakan tentang kehidupan serta ragam seharian dalam hidup manusia. Terdapat beberapa jenis kategori atau genre bagi novel, seperti kajian ini yang memfokuskan kepada novel yang berentak thriller karya daripada novelis Ramlee Awang Murshid. Karya thriller adalah sebuah karya yang berbentuk debaran, seram atau ngeri jalan ceritanya atas pembawakkan watak-watak yang menampilkan pelbagai aksi berbahaya yang boleh menimbulkan suasana tegang serta saspens bagi para pembaca. Novel-novel yang berentak thriller ini mendapat sambutan yang amat

mengalakkan sama ada di Malaysia mahupun luar negara. Hal ini kerana, pengarang novel genre ini dapat membuat para pembaca menerokai sebuah elemen yang baru bagi penulisan. Perkara inilah yang mampu mengangkat keunggulan kepengarangan bagi seorang pengarang kerana pengkaryaan berdasarkan kebijaksanaan serta daya kreativiti mereka, di samping berkebolehan mewujudkan sebuah pembaharuan yang mengagumkan.

Karya Ramlee Awang Murshid yang terpilih dalam kajian ini ialah *Tombiruo* : *Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* yang kaya dengan identiti kepengarangannya yang tersendiri. Kedua-dua karya daripada Ramlee Awang Murshid ini telah menonjolkan identitinya yang tersendiri dalam berkarya. Seperti novel *Tombiruo (Penunggu Rimba)*, yang menceritakan tentang kisah sebuah hutan di Sabah iaitu Hutan Keningau yang menjadi kebanggaan masyarakat setempat. Keunikan kisah-kisah hutan tersebut telah diolah dengan baik oleh Ramlee Awang Murshid dengan penambahan imaginasi dan fiktifnya yang tersendiri. Hal ini telah menonjolkan kebijaksanaan dan daya kreativiti pengarang ke atas karyanya. Seterusnya, jika dilihat kepada novel *Ungu Karmila* pula yang menggabungkan cerita-cerita ghaib bersama dengan unsur serta ilmu-ilmu sains di dalamnya adalah kerana pengalaman yang luas pengarang dalam bidang tersebut. Perkara ini amat bertepatan dengan prinsip kehadiran dalam Teori Teksdealisme yang mana ianya melibatkan sumber yang mendatangkan idea kepada pengarang ketika mereka berkarya. Kelainan dan pembaharuan yang dibawa oleh Ramlee Awang Murshid ini telah meletakkan karya beliau berbeza dengan pengarang yang lainnya.

Berkaitan kajian ini, teori yang sesuai untuk diaplikasikan adalah Teori Teksdealisme yang digagaskan oleh Mana Sikana. Teori Teksdealisme juga dikenali sebagai Teori Keunggulan (Mana Sikana, 1996, p. 75) dan keunggulan dalam kerja kepengarangan merupakan suatu tahap pencapaian puncak dalam penciptaan. Terdapat juga beberapa pandangan tokoh-tokoh lain berkenaan teori ini. Antaranya, Abdul Halim Ali (2011, p. 117)

yang menyatakan Teori Tekdealisme bergerak pada landasan yang mempercayai bahawa setiap pengarang memiliki dinamika kepengarangan yang akan mendorong seseorang pengarang berusaha memajukan diri dengan menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi. Selain itu, Abdul Rahman Napiah(1996, p. 95) pula menegaskan bahawa Teori Tekdealisme mengemukakan kaedah untuk menilai sesebuah karya itu perlu berlandaskan tiga aspek, iaitu pengarang, teks dan khalayak serta aspek pengarang paling penting kerana pengarang merupakan faktor utama dan sumber kepada budaya sastera. Apa yang dapat disimpulkan disini ialah Teori Teksdealisme membawa pengertian tentang teks-teks karya sebagai sebuah susunan idea serta pengalaman yang mengandungi pelbagai makna dengan sifat-sifat keunggulannya. Malah, keunggulannya bermakna teks karya tersebut memiliki nilai kualiti yang tinggi di samping mempunyai sifat-sifat keunggulannya yang tersendiri. Hal ini dapat dilihat oleh pengkaji menerusi karya-karya Ramlee Awang Murshid.

Dalam Teori Teksdealisme ini, ianya mempunyai empat prinsip utama iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan, dan individualisme. Bagi prinsip kehadiran, ianya adalah merupakan penciptaan terhadap teks dan pencarian maksud bagi sesebuah karya. Kita seringkali ditemukan dengan perbezaan bagi ciri-ciri di dalam setiap teks yang dibaca untuk kita menemukan signifikasi teks tersebut. Kita akan dapat memahami maksud serta makna sesebuah teks itu apabila kita cuba mendalami apa yang ingin disampaikan itu dengan teliti ketika membaca dan menghayatinya. Dalam prinsip pelanggaran pula, bagi mencapai makna baharu penulis akan menaik taraf hasil penulisan serta idea-ideanya ke arah yang lebih kontemporari serta urban iaitu ke arah yang lebih segar daripada pengarang-pengarang lain dan juga hasil karyanya sebelum ini.

Seterusnya, bagi prinsip pengukuhan pula, ianya adalah untuk mewujudkan kematangan serta kesempurnaan bagi setiap teks yang dihasilkan. Setiap pengarang semestinya menginginkan hasil karya yang bagus serta dapat diterima oleh para pembaca.

Justeru itu, tanpa melalui proses pengukuhan, tahap keberkesanan dalam teks tidak dapat diwujudkan. Dalam prinsip individualisme atau turut dikenali dengan prinsip keperibadian ini pula, penulis perlu mewujudkan sifat keperibadian atau jati diri masing-masing dalam berkarya. Dalam prinsip ini, terdapat empat faktor utama yang harus difokuskan iaitu bagaimanakah kesungguhan pengarang dalam mencapai tahap keperibadiannya, menghuraikan dengan jelas akan sifat-sifat keperibadiannya, seperti apakah penulis tersebut membawa sifat keperibadiannya, dan menceritakan tentang cara pengarangannya.

Teori Teksdealisme ini mengajak pengkarya dan pembaca itu sendiri untuk mencari pengalaman sebanyak yang boleh menerusi pelbagai sumber rujukan. Pengalaman yang banyak serta luas yang diambil oleh pengarang akan membolehkan mereka menghasilkan karya yang unggul. Bagi para pembaca pula, pengalaman mereka yang luas terhadap hasil-hasil karya yang diikuti akan memudahkan mereka untuk memahami, menilai serta menghayati keunggulan bagi sesebuah teks yang dibaca. Tuntasnya, Teori Teksdealisme mampu melahirkan keunggulan daripada pelbagai sudut seperti teks, pengarang, dan khalayak pembaca itu sendiri. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan mengaplikasikan keempat-empat prinsip ini dalam menilai keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid. Hal ini kerana, pengkaji dapat melihat keempat-empat prinsip ini dalam karya beliau yang telah meletakkan dirinya berbeza dengan pengarang yang lain.

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini membicarakan tentang keupayaan Teksdealisme dalam mengangkat keunggulan karya seorang pengarang berdasarkan kepada novel yang dihasilkannya. Menerusi kajian ini, permasalahan dihubungkan dengan proses kepengarangan sesetengah pengarang yang tidak mampu membina keunggulan diri sebagai pengarang dalam dunia sastera.

Kepengarangan dikatakan menjadi penggerak utama serta rahsia peribadi dalam diri pengarang dan jarang sekali dibincang apatah lagi dikaji. Selain itu, para pembaca dilihat hanya memfokuskan kepada hasil-hasil karya pengarang semata-mata dan tidak pula melihat keunggulan karya serta cara bagaimana karya tersebut dihasilkan. Mana Sikana (2013 : 230) menyatakan bahawa penyerlahan teks lazimnya dipengaruhi dan diwacanakan oleh pengalaman, ilmu pengetahuan, falsafah, pendirian, tanggapan dan nilai seseorang pengarang.

Oleh hal yang demikian, ciri-ciri unggul yang terdiri daripada pelbagai unsur dan elemen yang telah membangunkan keberhasilan teks wajar dikaji untuk memahami setiap isi kandungan teks serta dinamika kepengarangannya (Mana Sikana, 1996 : 71). Pengkaji berpendirian bahawa, kepengarangan Ramlee Awang Murshid tidak boleh diketepikan bagi memperlihatkan usaha beliau dalam menterjemahkan pemikiran menerusi penghasilan karya serta proses kreatifnya. Menurut Othman Puteh (2015), pembaca dan pengkaji akan dapat menelusuri jejak serta arah untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam memahami latar belakang untuk mencerna sesuatu karya yang lebih baik. Begitu juga bagi Rahimah A. Hamid (2017), kepengarangan amat penting bagi membolehkan pembaca mengetahui tujuan dan kepentingan kepada penghasilan sesuatu proses kreatif. Justeru itu, kajian tentang kepengarangan Ramlee Awang Murshid ini dilihat dapat membantu para pembaca dalam mentafsirkan mesej-mesej tentang karyanya dengan lebih tepat.

Seorang pengarang yang unggul akan mencuba sehabis baik dalam menghasilkan karya yang betul-betul boleh memberi impak yang positif buat masyarakat, disamping turut dapat menonjolkan imej kepengarangannya yang mempunyai kelainan dengan pengarang-pengarang yang lainnya. Impak-impak ini dilihat wujud ke atas karya mereka yang kaya dengan falsafah hidup serta nilai yang mengikut identiti dan gaya kepengarangan seorang pengarang. Hal ini bertepatan dengan kenyataan A. Halim Ali (2015 : 12) yang mengatakan karya kesusasteraan Melayu merupakan sebuah warisan bagi peradaban yang menawarkan

pencernaan nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan, nilai murni, dan falsafah hidup. Dalam hal ini, buat pengarang yang ingin mewujudkan keunggulan mereka dalam berkarya, mereka haruslah berusaha melakukan perubahan ke arah yang lebih kreatif agar ianya dapat menjadi kekuatan dalam penghasilan karya yang berbeza dengan yang lain.

Oleh itu, kajian ini akan memasuki kelopongan di dalam dunia sastera mengenai tajuk kajian seperti keupayaan Teksdealisme dalam mengangkat keunggulan karya-karya thriller Ramlee Awang Murshid. Teks yang digunakan merupakan sebuah teks yang unik kerana ianya memiliki identiti pengarang itu sendiri. Jika sebelum ini terdapat beberapa kajian kepengarangan tentang novelis yang lain dan masih belum ada lagi kajian kepengarangan terhadap karya-karya Ramlee Awang Murshid, pengkaji ingin mengisi kelopongan tersebut dengan adanya kajian ini.

1.3 Persoalan Kajian

Antara persoalan yang menjadi perhatian pengkaji ke atas kajian yang dijalankan ini ialah :-

- i. Apakah aspek-aspek keunggulan kepengarangan yang ada pada Ramlee Awang Murshid?
- ii. Bagaimanakah setiap aspek-aspek keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid diterapkan ke atas karyanya?

1.4 Objektif Kajian

Antara objektif dalam kajian ini adalah seperti berikut. Objektif-objektif ini juga adalah bagi menjawab kepada setiap persoalan yang telah disediakan.

- i. Mengenal pasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid dengan menggunakan Teori Teksdealisme.
- ii. Menganalisis aspek-aspek keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid berdasarkan novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* melalui Teori Teksdealisme.

1.5 Definisi Konsep

Kajian akan menggunakan beberapa istilah yang berkaitan dengan konsep bagi projek penyelidikan ini. Oleh itu, bagi mendapat kefahaman yang lebih jelas tentang istilah-istilah yang digunakan, pengkaji telah menyenaraikannya dengan definisi yang lengkap seperti berikut :-

1.5.1 Pengarang

Menurut Kamus Dewan (2020), pengarang merupakan orang yang mengarang sesebuah cerita yang disampaikan melalui lagu, sajak dan apa-apa yang berkaitan dengan bentuk penceritaan. Jika dilihat pada Kamus Pelajar Edisi ke-2 (DBP), pengarang ialah orang yang mengarang atau menulis cerita seperti novel dan cerpen. Hamed Mohd Adnan (2008) menyatakan pengarang ialah orang yang menyusun gagasan atau idea yang kemudiannya

disebar luas melalui buku. Hamedy mengaitkan maksud pengarang itu dengan lebih luas. Beliau menyatakan bahawa pengarang adalah seseorang, atau suatu kelompok orang, suatu lembaga, pemerintah, dan badan yang mempunyai tanggungjawab terhadap idea yang disusun. Turut dinyatakan bahawa pengarang pemilik mutlak karya yang dihasilkan. Ding Choo Ming (1999) dengan menyokong pendapat dua sarjana iaitu Laurensen dan Swingewood, menyatakan bahawa pengarang terbentuk daripada faktor sosial dan sejarah. Kesannya, setiap hasil penulisan yang dihasilkan oleh seorang pengarang akan dipengaruhi oleh faktor sosial dan sejarah pada ketika sesuatu karya dihasilkan.

Seterusnya, seseorang pengarang melahirkan persepsi (gambaran atau bayangan) mengenai sesuatu perkara atau isu. Akhirnya melahirkan idea baru kepada seseorang pengarang. Bagaimanapun, perkara yang dikemukakan oleh pengarang ini mungkin turut dipengaruhi oleh faktor latar belakang pendidikannya. Contohnya, pengarang yang berkelulusan dalam bidang komunikasi akan melihat pendapat dan persepsi sebagai sesuatu yang penting untuk melahirkan sesuatu idea. Allahyarham Zainal Abidin Ahmad (1934) menyatakan bahawa mengarang memerlukan penguasaan bahasa dan daya fikiran yang saling berhubung kait. Pengarang berpendapat mudah atau sukar menghasilkan sesuatu karangan adalah bergantung pada penguasaan bahasa dan keupayaan berfikir seseorang pengarang.

“Bahasa itu alat mengeluarkan fikiran supaya dapat diketahui orang dengan mendengar atau membacanya. Maka, jika bahasa yang dipakai itu tidak menepati betul-betul seperti maksud yang di dalam hati, tentulah orang tersalah faham atau tiada dapat oleh mereka tujuan yang dikehendaki itu.”. “Sebab itu bila mengarang wajibliah dihati-hatikan benar apa ertinya perkataan-perkataan yang dipakai di dalamnya, atau bagaimana rangkaian perkataan yang boleh mengeluarkan sebenar-benarnya maksud yang di dalam hati itu.”

(Zainal Abidin Ahmad : 1934)

1.5.2 Kepengarangan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, definisi kepengarangan merujuk kepada perihal yang berkaitan dengan pengarang. Jika pengarang membawa maksud tentang diri seseorang pengarang itu sendiri seperti latar belakang mereka, kepengarangan pula merupakan tentang hasil-hasil karya yang dihasilkan sendiri oleh mereka seperti puisi, cerpen, novel dan sebagainya. Setiap pengarang yang baru menceburi atau mereka yang sudah sekian lama dalam dunia penulisan ini kebanyakannya masih menganggapnya penuh dengan cabaran dan dugaan yang memerlukan kesabaran untuk dilalui. Terdapat pengarang yang dibentuk melalui bakat semulajadi dan terdapat juga yang dibentuk melalui panduan atau kursus yang bersistematik. Mereka yang mempunyai bakat semulajadi tidak memerlukan tahap pendidikan yang tinggi tetapi mampu menghasilkan karya yang berkualiti terutamanya karya kreatif atau separa ilmiah.

Pengarang yang dibentuk melalui panduan atau kursus bersistematik pula kebiasaannya mereka yang berpendidikan tinggi serta lepasan universiti. Cara pengajarannya pula dilakukan oleh tenaga akademik yang mahir dalam membentuk seseorang menjadi pengarang yang berupaya melahirkan karya yang bermutu dan berkualiti. Bagaimanapun, sebelum seseorang mampu menulis dengan baik, kebiasaannya karya yang dihasilkan harus bersedia untuk dikritik bagi memantapkannya. Menurut Zamri Mohamad (2009), penulisan yang baik bukan kerana wang semata-mata. Pengarang seharusnya menulis buku yang mampu membantu menyelesaikan masalah, memberi maklumat dan menunjuk cara kepada pembaca mengenai sesuatu perkara. Pengetahuan pengarang berkembang melalui aktiviti berkarya dari semasa ke semasa dan mampu menjelaskan sudut pandang penulis terhadap genre dan bidang ilmu yang diceburinya.

Manakala, Mohd Sidin Ahmad Ishak (1999) pula berpendapat bahawa penulis yang baik mampu berfikir tentang idea-idea yang ingin dituliskan, menyusun idea-idea itu dan menyampaikannya kepada pembaca dengan butiran-butiran yang minimum. Beberapa pandangan yang dikemukakan oleh pengarang yang dinyatakan sebelum ini turut disokong oleh pengarang barat antaranya Susan R. Horton (1982) yang menyatakan bahawa penulisan yang baik mempunyai hubungan sesuatu dengan cara munasabah, menarik serta meyakinkan. Menulis dengan baik lebih berhubung kait kepada sikap dan pemahaman iaitu pemahaman tentang permainan yang sedang anda mainkan dan mahu bermain dengan baik dan dengan mematuhi peraturan atau mengelak daripada melakukan kesalahan. Seterusnya, Susan R. Horton menambah, sebahagian sikap penulis yang baik ialah kesanggupannya menanggung risiko untuk menyatakan sesuatu yang baru. Ia juga merupakan kesanggupan untuk berjuang dan bergelut dengan idea dan menjadikannya bentuk.

Tetapi menulis dengan baik juga melibatkan membiasakan diri untuk memasang antena pada setiap masa, memerhatikan bahan yang mungkin digunakan dalam sesuatu esei. Bahan tersebut mungkin tersembunyi dimana-mana. Penulisan yang baik datangnya daripada pengarang yang baik. Pengarang yang baik haruslah banyak membaca bahan-bahan bacaan yang berfaedah. Susan R. Horton seterusnya menambah bahawa seseorang pengarang harus banyak membaca bagi membantunya bersedia menulis perkara yang dihayati dan seterusnya menemukannya dengan jawapan kepada soalan atau permasalahan yang ingin dirungkai.

1.5.3 Keunggulan Kepengarangan

Keunggulan kepengarangan merupakan pengarang yang senantiasa berusaha menghasilkan karya yang pada pandangan mereka perlu mencapai tahap tertinggi dalam berkarya sehingga dapat dilihat keunggulan terhadap teks tersebut. Karya digunakan sebagai medium

penyampaian mesej oleh pengarang untuk masyarakat sebagai elemen mendidik, menasihati dan menyedarkan serta menterjemahkan pemikiran pengarang terhadap isu-isu semasa. Menerusi keunggulan pengarang ini, pengarang juga membuat percubaan-percubaan dalam penggunaan diksi metafora, dan pelbagai aspek struktur bagi menghasilkan perbezaan dengan pengarang lain atau menampakkan pembaharuan. Maka dari sini, muncullah karya-karya berbentuk surreal, absurd dan yang sukar pembaca memahami maksud karya atau makna teks. Sebahagian pengarang beranggapan karya yang baik perlu digarap dengan gaya bahasa yang sukar difahami, bersifat terlalu peribadi dan sukar dijangkau oleh khalayak.

Berkaitan penggunaan bahasa dalam teks, Pendeta Za'ba ada mengatakan bahawa bahasa adalah alat mengeluarkan sesuatu yang difikirkan oleh seseorang, terutamanya pengarang. Seterusnya, kefahaman pembaca kepada apa yang difikirkan itu bergantung pada ketepatan bahasa yang digunakan. Penjelasan tokoh bahasa dan pemikir Melayu ini seterusnya mengingatkan kepada pengarang atau bakal pengarang bahawa ketepatan penggunaan perkataan haruslah diutamakan untuk melahirkan karangan atau karya sepertimana yang difikirkan. Za'ba juga menjelaskan bahawa Penguasaan tatabahasa iaitu pengetahuan atau pelajaran tentang pembentukan perkataan dan proses pembinaan ayat haruslah dikuasai oleh setiap pengarang. Proses itu dilihat sebagai satu kemahiran yang memerlukan latihan berterusan.

1.5.4 Karya *Thriller*

Thriller merupakan sebuah konsep yang merujuk kepada genre sastera atau sinematografi yang terarah kepada situasi ketegangan dan penuh rasa debaran buat khalayak terhadap jalan cerita yang cuba disampaikan oleh pengarang. Dengan erti kata lain, ianya adalah harapan atau rasa ingin tahu yang berkobar-kobar dengan penuh kebimbangan buat para pembaca

untuk mengetahui perkara lanjut yang berlaku di plot seterusnya. Cerita-cerita thriller kebiasaannya akan menghasilkan rasa takut buat para khalayak dan ditambahkan lagi dengan peristiwa yang tidak dijangka-jangka oleh mereka semua. Kreativiti yang ditonjolkan oleh pengarang dalam cerita yang sedemikian telah menunjukkan bahawa idea mereka dalam berkarya lebih luas dengan imaginasi yang tinggi.

Hal ini dapat dilihat dalam karya-karya thriller Ramlee Awang Murshid yang kaya dengan pemikirannya yang tersendiri, di samping pengalaman beliau dalam menerapkan unsur-unsur thriller ke atas karyanya. Seperti novel thriller beliau yang berjudul *Tombiruo : Penunggu Rimba*, sebuah karya legenda tentang seorang penunggu rimba yang dikenali sebagai Tombiruo oleh penduduk setempat. Tombiruo membawa maksud roh atau hantu, yang dipercayai wujud secara halus dan nyata. Kewujudannya juga dipanggil Boron. Kelahirannya yang bukan berwajah manusia itu sering kali disalah tafsir dengan pelbagai andaian dan kepercayaan. Menerusi cerita ini, pengarang telah berjaya menggarapnya dengan sebaik mungkin sehingga telah mewujudkan pelbagai adegan-adegan suspen yang mampu menarik minat pembaca.

1.6 Skop Dan Batasan Kajian

Skop bagi kajian ini dibatasi oleh fokus utama kajian iaitu keupayaan teksdealisme dalam mengangkat keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid. Keunggulan kepengarangan ini dapat menonjolkan kebijaksanaan pengarang dalam menghasilkan karya yang bermutu tinggi. Karya digunakan sebagai medium penyampaian mesej oleh pengarang untuk masyarakat sebagai elemen mendidik, menasihati dan menyedarkan serta menterjemahkan pemikiran pengarang terhadap isu-isu semasa. Justeru itu, kajian ini dibatasi

oleh tiga aspek utama iaitu teks, teori yang dipilih dan fokus utama yang ingin ditonjolkan dalam kajian ini iaitu keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid.

1.6.1 Teks

Kajian ini dibatasi oleh dua buah novel thriller Ramlee Awang murshid yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*. Oleh itu, pengkaji ingin memfokuskan kepada teks-teks yang telah dipilih itu sebagai penyempurnaan kepada penyelidikan yang ingin dilakukan. Manakala, analisis yang dijalankan ke atas teks-teks terpilih daripada karya Ramlee Awang Murshid ini adalah untuk melihat unsur-unsur keunggulan kepengarangannya berdasarkan kepada prinsip-prinsip keunggulan dalam teksdealisme seperti prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Hal ini kerana, pengkaji ingin membuktikan bahawa karya yang berentak thriller ini juga mempunyai identiti pengarang yang jelas di samping mampu menonjolkan teks yang unggul berdasarkan kreativiti dan penggunaan bahasa pengarang dalam menghasilkan karya tersebut.

1.6.2 Teori

Di samping itu, kajian ini turut dibatasi dengan penggunaan Teori Teksdealisme dalam usaha pengkaji menganalisis keunggulan kepengarangan berdasarkan karya yang dipilih iaitu novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*. Oleh itu, prinsip-prinsip dalam teori ini seperti prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme telah dipilih bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Hal ini kerana, prinsip-prinsip dalam teori ini dapat menilai keupayaan pengarang dalam menghasilkan karya yang bermutu tinggi.

1.6.3 Spesifik kajian

Kajian ini dispesifikkan untuk melihat aspek-aspek keunggulan kepengarangan yang ada pada Ramlee Awang Murshid berdasarkan ke atas dua buah novel beliau yang telah dipilih iaitu *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*. Oleh itu, kajian ini memilih untuk menggunakan pendekatan Teksdealisme dalam menilai keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid kerana pendekatan ini dilihat sesuai berdasarkan kepada fokus utama kajian yang berkaitan dengan keunggulan kepengarangan. Hal ini kerana, Teksdealisme merupakan suatu kaedah baru dalam penulisan teks yang mementingkan idealisme atau keunggulan dan dalam usaha untuk mencapainya, seseorang itu perlu melakukan pembaharuan dalam penciptaan, inovasi, transformasi, modifikasi dan demitefikasi (Mana Sikana, 1996 : 112).

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini telah memberikan sumbangan kepada pertambahan tentang keunggulan kepengarangan dalam konteks kesusasteraan Melayu, di samping dapat menyumbang kepada peningkatan mutu penyelidikan sastera yang bersifat multidisiplin. Sementalahan itu, kajian ini juga mampu memberi dorongan kepada para sarjana serta pengkritik sastera untuk menjalankan kajian dengan lebih mendalam serta menggunakan teori-teori lain sama ada teori dalam dunia sastera mahupun luar dari bidang sastera. Selain itu, kajian ini juga mampu menambahkan lagi jumlah kajian sastera yang menjurus kepada konteks kepengarangan dalam menghasilkan karya dan mempunyai kesedaran mengenai kepentingan atau keperluannya dalam mengembangkan dunia kesusasteraan di negara kita.

Seterusnya, kajian ini juga dapat memberi pengenalan kepada keunggulan kepengarangan yang perlu ada dalam diri setiap seorang pengarang. Hal ini penting buat

generasi yang ingin berjinak-jinak dalam dunia kepengarangan, kerana mereka perlu tahu langkah-langkah yang harus ada dalam diri seorang pengarang bagi menghasilkan karya unggul yang dapat memberi manfaat kepada khalayak pembaca. Hal ini kerana, Keunggulan kepengarangan merupakan pengarang yang senantiasa berusaha menghasilkan karya yang pada pandangan mereka perlu mencapai tahap tertinggi dalam berkarya sehingga dapat dilihat keunggulan terhadap teks tersebut. Karya digunakan sebagai medium penyampaian mesej oleh pengarang untuk masyarakat sebagai elemen mendidik, menasihati dan menyedarkan serta menterjemahkan pemikiran pengarang terhadap isu-isu semasa. Oleh itu, ciri-ciri keunggulan kepengarangan tersebut akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam kajian ini.

Kajian ini turut diharapkan dapat membantu serta memberi pendedahan kepada para pelajar bagi membincangkan ataupun melakukan kajian mengenai salah satu aspek penting yang terdapat dalam kandungan teks karya-karya Ramlee Awang Murshid. Hal ini kerana, setiap prinsip-prinsip daripada Teori Teksdealisme akan dijelaskan dengan mendalam oleh pengkaji bagi memastikan orang lain mendapat manfaat setelah meneliti kajian ini. Hal ini secara tidak langsung dapat memudahkan para pendidik dan pelajar itu sendiri bagi memahami dengan lebih jelas tentang penerapan teksdealisme dalam menilai hasil karya daripada pengarang. Oleh itu, menerusi kajian ini juga diharapkan dapat menjadi sumber rujukan kepada pihak universiti dan menjadi panduan kepada pelajar sebagai sumber rujukan sampingan dalam pendidikan serta juga projek kajian di masa akan datang.

1.8 Pembahagian Bab

Kajian ini terdiri daripada enam pembahagian bab. Bab pertama dimulai dengan bab pengenalan. Pada bab ini, ianya mengandungi latar belakang kajian, permasalahan kajian,

persoalan kajian, objektif kajian, definisi konsep, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, pembahagian bab dan akhir sekali ialah kesimpulan.

Seterusnya, pada bab kedua pula memuatkan kajian lepas. Dalam bab ini, kajian-kajian lepas akan dilaksanakan ke atas pengkaji terdahulu mengenai pengarang serta karyanya, fokus kepada kajian lepas ini ialah kajian mengenai keunggulan kepengarangan dan mengenai penggunaan teori teksdealisme terhadap kajian terdahulu tersebut.

Pada bab ketiga pula, adalah mengenai penerangan terhadap metodologi kajian dan kerangka teori ke atas kajian yang dijalankan. Pada bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan mengenai perkaitan dengan istilah yang tepat dalam Teori Teksdealisme yang digagaskan oleh Mana Sikana. Selain itu, di bab ini juga pengkaji akan menerangkan mengenai cara serta kaedah bagaimana setiap data berkaitan kajian diperoleh. Teknik analisis data kualitatif iaitu dari segi pembacaan, penerangan, pengelasan, pentafsiran akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam bab ketiga ini.

Seterusnya, dalam bab keempat pula pengkaji akan menerangkan tentang perbincangan kajian iaitu kedua-dua objektif kajian. Pada bahagian ini, pengkaji akan mengenal pasti dan menganalisis aspek-aspek keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid berdasarkan kepada novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* melalui Teori Teksdealisme. Aspek-aspek ini akan dilihat berdasarkan prinsip-prinsip yang ada dalam teksdealisme seperti prinsip kehadiran, individualisme, pelanggaran dan pengukuhan. Berdasarkan prinsip-prinsip tersebut, pengkaji akan menemui gaya sebenar kepengarangan yang ada pada Ramlee Awang Murshid.

Akhir sekali, pada bab kelima ianya akan merangkumi rumusan dan kesimpulan bagi keseluruhan kajian yang dijalankan. Selain itu, pengkaji turut akan memuatkan beberapa cadangan serta harapan ke atas kajian ini.

1.9 Kesimpulan

Konklusinya, bab satu ini merupakan penulisan bagi pengenalan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi konsep merantau, skop dan batasan kajian dan kepentingan kajian. Pada bahagian pengenalan ini juga, pengkaji telah membuat sebuah pendedahan yang padat bagi setiap hal yang berkaitan dengan tajuk kajian, bagi membantu mengukuhkan lagi kajian yang akan dijalankan kelak. Oleh itu, kajian berkenaan *Keupayaan Teksdealisme Dalam Mengangkat Keunggulan Karya-karya Thriller Ramlee Awang Murshid* ini kan dilaksanakan dengan lebih teratur kerana adanya pendedahan awal yang terperinci tentang apa yang harus difokuskan dalam kajian nanti. Penetapan teori yang jelas terhadap kajian ini juga membolehkan pengkaji memahami tujuannya yang jelas berkaitan dengan fokus yang hendak dicari dalam kajian ini. Justeru itu, pada bab pengenalan ini, ianya merupakan satu permulaan yang baik dan kukuh buat pembaca dan para pengkaji terhadap sesebuah kajian di masa akan datang.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Pada bab kedua ini, ianya merangkumi kajian-kajian lepas yang telah dipilih oleh saya berkaitan dengan tajuk kajian yang telah ditetapkan. Kajian ini meneliti tinjauan terhadap kajian-kajian lepas yang telah dibuat berkenaan dengan kajian keunggulan kepengarangan, kajian berkaitan teks novel yang dijadikan bahan kajian, dan kajian yang mengaplikasikan teori Teksdealisme. Tinjauan kajian ini akan memberi tumpuan kepada beberapa faktor, merangkumi unsur yang membina keunggulan kepengarangan kajian berkaitan pengarang dan kajian berkaitan teori dan pendekatan yang mengukuhkan kajian iaitu teori Teksdealisme. Oleh hal yang demikian, penelitian saya ke atas setiap kajian yang pernah dijalankan oleh pengkaji yang bertauliah sebelum ini akan memberi sedikit sebanyak panduan kepada saya tentang bagaimana menjalankan kajian dengan betul dan secara berilmiah.

2.1 Kajian Lepas

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat, dan Fauzi Hasan telah mengeluarkan sebuah artikel yang bertajuk Novel-novel Faisal Tehrani Dari Perspektif Teksdealisme pada tahun 2017. Artikel ini dikeluarkan menerusi Jurnal Pengajian Melayu. Kajian yang dijalankan oleh para pengkaji ini adalah dengan menganalisis tiga buah karya daripada seorang penulis muda yang kreatif dalam berkarya iaitu Faisal Tehrani. Novel-novel beliau yang menjadi pilihan para pengkaji tersebut ialah novel yang bertajuk 1515 (2003), Tunggu Teduh Dulu (2008), dan Bahlut (2010). Pemilihan setiap novel ini adalah kerana para

pengkaji dapat melihat sudut positif yang berkaitan dengan tajuk kajian mereka seperti novel-novelnya yang penuh dengan idea dan pemikiran mengenai sejarah, masyarakat, budaya, dan agama bagi setiap lapisan masyarakat yang mampu berfungsi sebagai panduan hidup. Kajian mengenai ketiga-tiga novel ini adalah berlandaskan kepada Teori Teksdealisme (Mana Sikana). Falsafah asas teori ini adalah bahawa setiap pengarang mempunyai niat untuk meletakkan teks mereka pada tahap yang cemerlang. Oleh itu, para pengkaji menyimpulkan bahawa bagi mencapai tahap tersebut, penulis harus berani dan penuh kebijaksanaan dalam berkarya. Teori ini menunjukkan empat prinsip dalam menganalisis karya sastera iaitu prinsip kehadiran, pertembungan, pengukuhan, dan sifat novelis yang menunjukkan gaya kepengarangannya menjurus kepada individualisme. Oleh hal yang demikian, bagi menjawab setiap persoalan dalam kajian ini, para pengkaji telah menggunakan kaedah kajian dengan penelitian menyeluruh dengan teknik membaca intensif dan analisis bagi setiap isi kandungan novel diterapkan dengan menggunakan prinsip Teori Teksdealisme. Hasil bagi analisis kajian ini, pengkaji telah menunjukkan kemampuan novel-novel Faisal Tehrani yang telah mencapai satu tahap kecemerlangan pengarang dalam berkarya. Di samping itu, pada akhir kajian ini mereka turut menggambarkan pengukuhan status terhadap Faisal Tehrani sebagai novelis yang kompeten dalam dunia sastera bagi negara kita. Kajian yang telah dijalankan oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat, dan Fauzi Hasan ini adalah berbeza dengan kajian yang akan saya jalankan. Hal ini kerana, kajian saya adalah berkaitan dengan penelitian terhadap keupayaan teksdealisme bagi karya Ramlee Awang Murshid. Namun begitu, teori yang akan saya gunakan adalah sama seperti mereka iaitu Teori Teksdealisme kerana saya dapat melihat kesesuaian yang jelas terhadap teori tersebut bagi kajian saya.

Demikian juga, Menerusi Jurnal Melayu (6) yang dihasilkan oleh Abdul Halim Ali pada tahun 2011 adalah berkaitan dengan Proses Kreativiti A. Samad Said Berasaskan Teori

Teksdealisme. Seperti tajuk utama kajian, pengkaji menyatakan bahawa artikel ini merupakan usahanya untuk memahami proses kreativiti Sasterawan Negara A. Samad Said dengan berasaskan Teori Teksdealisme. Analisis pengkaji adalah melalui kajian kepustakaan dan temu bual. Pengkaji mendapati bahawa proses kepengarangan A. Samad Said berada atas landasan yang sejajar dengan empat peringkat yang dicadangkan oleh Teori Teksdealisme seperti kehadiran, pelanggaran, pengukuhan, dan individualisme. Hasil bagi kajian ini telah menunjukkan bahawa proses kepengarangan A. Samad Said, sebahagian besarnya dipengaruhi oleh pengalaman beliau yang datang daripada sebuah keluarga yang menerima bahana peperangan, kemudian menjadi seorang pendengar cerita lisan yang setia, pembaca buku yang cekal hinggalah menjadi seorang novelis, penyair, cerpenis dan akhirnya diangkat sebagai Sasterawan Negara. Kajian ini memberi gambaran yang jelas tentang kepengarangan serta idea kreatif seorang Sasterawan Negara dalam menghasilkan karya yang berkualiti. Hal ini sedikit sebanyak dapat membantu saya dalam menjalankan kajian yang turut menggunakan Teori Teksdealisme bagi mengkaji keupayaan teksdealisme dalam mengangkat keunggulan karya-karya thriller Ramlee Awang Murshid. Dari penelitian saya terhadap kajian tersebut, saya dapati bahawa setiap prinsip yang terdapat dalam teori ini, ternyata akan memudahkan lagi proses menilai hasil kepengarangan dan ideologi bagi seseorang pengarang.

Seterusnya, Sara Beden (2019) melalui artikelnya yang diterbitkan oleh *Pendeta Journal of Malay Language, Education and literature* yang bertajuk Prinsip Kehadiran Dalam Novel-novel Jong Chian Lai : Analisis Teksdealisme. Pengkaji berpendapat bahawa pembaharuan atau inovasi sentiasa dilakukan oleh pengarang yang prolific dalam berkarya dengan menghadirkan pelbagai sumber dan idea untuk meletakkan teks ciptaannya mencapai tahap keunggulan. Justeru, kepelbagaian dan kesegaran merupakan sumber yang menjadi keutamaan seseorang dalam berkarya. Jong Chian Lai sebagai penulis yang prolific di

Sarawak sedar akan kepentingan melakukan pembaharuan dalam menghadirkan sumber dan idea yang baharu dalam teks-teks ciptaannya. Oleh itu, penerapan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Teori Teksdealisme telah mendasari kajian yang dilakukan oleh Sara Beden. Teori Teksdealisme mengandungi empat prinsip yang dapat digunakan untuk mengukur tahap kualiti kepengarangan seseorang pengarang. Namun begitu, kajian ini hanya mengaplikasikan prinsip kehadiran untuk menganalisis novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1986), *Pemberontakan* (1994) dan *Ensera Marga Timur dari St. Anthony* (2009). Hasil dapatan analisis memperlihatkan bahawa Jong Chian Lai sentiasa membuat inovasi atau pembaharuan dalam ketiga-tiga novel dalam usaha menghadirkan kepelbagaian sumber dan idea yang baharu menerusi pengalaman peribadi dan penyelidikan. Pengkaji meneliti pembaharuan ini menerusi sumber idea, struktur dan aliran dalam ketiga-tiga teks. Struktur penciptaannya mengalami perubahan selain memperlihatkan pengekalan terhadap struktur tertentu. Aliran turut menunjukkan pembaharuan dari realisme kepada aliran realisme magis. Impaknya, setiap teks ciptaannya menunjukkan pembaharuan dan pematapan yang dilakukan dari semasa ke semasa bagi mencapai tahap unggul sekaligus memberikan perangsang kepada penulis-penulis lain agar sentiasa membuat pembaharuan dalam penciptaan. Kajian ini berbeza dengan kajian yang akan saya jalankan kerana menerusi artikel ini pengkaji cuma mengaplikasikan satu prinsip yang terdapat dalam Teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran. Manakala, saya pula akan menggunakan keseluruhan prinsip-prinsip yang terdapat dalam teori tersebut. Hal ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas terhadap hasil kajian saya kerana saya dapat melihat keunggulan pengarang dalam berkarya.

Selain itu, penggunaan teori Teksdealisme dalam kajian juga turut dilakukan Ruziwati Abu Samah menerusi artikelnya yang diterbitkan oleh Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, dengan menjadikan novel-novel komsas sebagai bahan utama kajian beliau. Tajuk kajian ini

ialah Gaya Keibubapaan dalam Novel Komsas Sukar Membawa Buah dan Merentang Gelora Berdasarkan Analisis Teksdealisme. Justeru itu, prinsip-prinsip yang terdapat dalam Teori Teksdealisme menjadi teras utama bagi kajian tersebut. Artikel ini meneliti gaya keibubapaan dalam novel komsas sebagai satu saluran mendidik yang berkesan dan dapat mempengaruhi pembentukan sahsiah remaja. Novel Sukar Membawa Buah dan Merentang Gelora, telah dijadikan panduan untuk merungkai permasalahan remaja. Bagi merungkai setiap permasalahan tersebut, pengkaji telah mengaplikasikan setiap prinsip-prinsip yang terdapat dalam Teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keunggulan. Faktor persekitaran sosial dikenalpasti sebagai permasalahan yang cukup signifikan dalam pembentukan jati diri individu oleh ibu bapa. Kajian ini telah menemukan beberapa dapatan bahawa novel komsas yang menggunakan gaya keibubapaan memainkan peranan yang luas dalam pembentukan tingkah laku dan emosi anak-anak. Selain itu, hasil kajian mendapati gaya asuhan yang bersifat penolakan daripada ibu bapa mereka akan menyebabkan remaja terabai dan terjebak dengan delinkuensi manakala ibu bapa yang sering menghargai dan sentiasa menyokong anak-anak akan memberi peluang anak-anak berkongsi pendapat dengan ibu bapa mereka dan meningkatkan keyakinan diri mereka. Implikasi kajian ini dengan jelas membuktikan bahawa gaya keibubapaan memainkan peranan penting kepada pembentukan sahsiah remaja yang unggul seperti yang diaspirasikan oleh negara. Ternyata analisis teksdealisme bukan sahaja berkebolehan dalam menilai keunggulan teks serta karya pengarang semata-mata, malah ianya juga boleh menonjolkan manfaat sesebuah karya terhadap para pembaca yang membacanya. Hal ini dapat dilihat dalam kajian yang dijalankan oleh Ruziwati Abu Samah, kerana beliau menggunakan teksdealisme dalam menonjolkan kualiti sesebuah gaya yang boleh mendatangkan manfaat buat khalayak pembaca. Pengaplikasian teori dalam kajian ini berbeza dengan saya yang menggunakannya untuk

melihat keupayaan teksdealisme dalam mengangkat keunggulan karya bagi seorang pengarang.

Kajian kepengarangan yang mengaplikasikan Teori Teksdealisme turut dikaji oleh Mohd Nazri Zainuddin (2015) melalui kajiannya tentang Novel Tengku Menteri dan Urah Pesisir Analisis Kepimpinan Berkualiti dengan Teori Teksdealisme. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk menganalisis konsep dan prinsip kepimpinan dalam novel melalui prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan prinsip keindividualisme dalam teori Teksdealisme untuk membuktikan keunggulan pengarangnya. Pada dasarnya, kajian ini menjurus kepada kaedah analisis kandungan melalui reka bentuk kajian kualitatif. Ternyata hasil analisis membuktikan kepimpinan berkualiti wujud dalam watak Long Jafar, Ngah Ibrahim dan Kapten Speedy. Begitu juga novel Urah Pesisir yang wujud aspek kepimpinan berkualiti melalui watak Syarif Omar, Wan Idrus dan Paul Gray. Walaupun kepimpinan melibatkan keperibadian watak atau tokoh bahkan turut dipengaruhi oleh jawatan yang dipegang, kehadiran pengikut yang setia, kemudahan yang diberikan kepada masyarakat malah hubungan diplomatik pemimpin dengan pihak luar. Keseluruhan kajian ini membuktikan aspek-aspek kepimpinan berkualiti dalam kedua-dua novel tersebut hadir melalui prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme yang memberi impak kepada keunggulan pengarangnya. Pengaplikasian Teori Teksdealisme dalam kajian ini adalah berbeza dengan saya kerana pengkaji menggunakan teori tersebut untuk menganalisis konsep dan prinsip kepimpinan dalam novel yang dipilihnya. Manakala, teori ini digunakan oleh saya adalah bagi melihat keupayaan teksdealisme dalam mengangkat keunggulan karya-karya Ramlee Awang Murshid.

Di samping kajian berkaitan kepengarangan juga turut dijalankan oleh Fauzi bin Hasan, Tengku Intan Marlina Mohd Ali, Madiawati Binti Mamat @ Mustaffa (2018), melalui artikel mereka yang diterbitkan oleh Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)

adalah bertajuk Individualisme Faisal Tehrani dalam Kepengarangan Berdasarkan Novel-novel terpilih. Para pengkaji dapat melihat bahawa Faisal Tehrani antara pengarang generasi baharu yang prolifik dan aktif berkarya sehingga kini. Karya-karya yang dihasilkannya menunjukkan kelainan tersendiri dari aspek tekstual dan kontekstual seiring dengan perubahan aliran, tema, persoalan dan pemikiran yang menjadi pegangan dalam menghasilkan karyanya. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pembinaan jati diri beliau dalam novel-novel terpilihnya. Sebanyak lima buah novel akan ditelusuri, iaitu *Perempuan Politikus Melayu, 1515, 1511H[Kombat], SsPJ, Tunggu Teduh Dulu dan Bahlut*. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang melibatkan pembacaan rapi dan pentafsiran sumber bertulis. Bagi menganalisis pembinaan jati diri, Justeru, Teori Teksdealisme digunakan sebagai landasan kajian. Dalam Teori Teksdealisme telah mengemukakan prinsip individualisme atau keperibadian untuk mengesan keupayaan seseorang pengarang untuk membina jati diri atau keperibadiannya. Oleh itu, bagi mengesan pembinaan individualisme tersebut, prinsip ini telah mengemukakan empat unsur yang diterokai, iaitu subjektiviti, stail individu, reka cipta individu dan tindakan individu. Semua unsur tersebut dianalisis secara tekstual dan kontekstual berdasarkan tujuan dan persoalan kajian yang ditetapkan. Kajian mendapati bahawa Faisal Tehrani berusaha untuk membina dan menampilkan jati diri kepengarangannya melalui subjektiviti, stail individu, reka cipta individu dan tindakan individu. Keupayaan membina individualisme ini akan mengukuhkan kedudukan serta ketokohan beliau sebagai pengarang yang memiliki ciri-ciri keunggulan kerana mempunyai ideologi, kreativiti, sensitiviti dan matlamat tersendiri dalam menghasilkan novel-novelnya. Menerusi kajian ini, saya dapat lihat bahawa prinsip individualisme yang terdapat dalam teori ini dapat menilai stail atau gaya kepengarangan seseorang pengarang. Kajian ini berbeza dengan kajian yang bakal saya jalankan iaitu dengan

mengaplikasikan keseluruhan prinsip-prinsip yang ada dalam Teori Teksdealisme bagi menilai keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid.

Menerusi artikel yang disediakan oleh Faizah Jalal dan Ani Hj. Omar (2015) yang bertajuk Pelayaran Inderaputra II Karya Ismail Kassan Analisis Daripada Perspektif Teksdealisme, adalah untuk meneliti intelektual, menganalisis nilai-nilai intelektual serta mengkaji gaya kepengarangan Ismail Kassan. Oleh hal yang demikian, para pengkaji telah menggunakan Teori Teksdealisme janaan Mana Sikana yang diasaskan pada tahun 1993 bagi memenuhi kehendak kajian. Terdapat empat prinsip yang terkandung di dalam teori ini, iaitu prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keperibadian pengarang. Hasil kajian mendapati Pelayaran Inderaputra II mempunyai perkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia kedua. Dapatan kajian menunjukkan drama Pelayaran Inderaputra II, mempunyai persamaan dan perbezaan dengan *Hikayat Inderaputra*. Persamaan yang para pengkaji temui ialah dari aspek nama watak dan latar tempat. Manakala, perbezaannya adalah dalam penggunaan gaya bahasa, plot dan teknik penceritaan. Secara keseluruhannya, para pengkaji menyimpulkan bahawa drama Pelayaran Inderaputra II memberi impak kepada khalayak kerana wujud aliran surealisme dalam drama Melayu yang menyumbangkan kepada sejarah perkembangan drama moden di Malaysia. Walaupun pengaplikasian teori ini ke atas karya sastera yang berbentuk drama dan berbeza dengan saya yang menggunakannya untuk menilai karya novel, tetapi saya tetap mendapat manfaat daripada penelitian ke atas kajian ini. Hal ini kerana, saya dapat melihat kebolehan teori tersebut yang dapat digunakan dalam pelbagai jenis dan bentuk karya sastera bagi menilai keunggulan kepengarangan.

Fauzi Hasan menerusi tesis bagi peringkat PhD beliau ada mengkaji tentang Keunggulan Kepengarangan Faisal Tehrani dari Perspektif Teksdealisme. Justeru itu, kajian ini memfokuskan sepenuhnya kepada Teori Teksdealisme serta prinsip-prinsip yang terdapat

di dalamnya. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan menilai kelebihan kepengarangan Faisal Tehrani berdasarkan novel-novel pilihannya. Keunggulan yang diperoleh meletakkan dirinya di tahap sendiri dan membezakan dari pengarang lain. Untuk mencapai tujuan ini, pengkaji telah menganalisis tujuh novel berjudul *Perempuan Politikus Melayu* (2000), *Kombat* (2004), *Surat-Surat Perempuan Johor* (2005), *Tunggu Teduh Dulu* (2008), *Bahlut* (2010) dan *Bagaimana Anyss Naik Ke Langit* (2016). Metodologi kajian yang diterapkan dalam makalah ini adalah kualitatif yang menganalisis teks dan kerja lapangan. Teori yang digunakan dalam makalah ini adalah teori Teksdealisme yang diperkenalkan oleh Mana Sikana. Teori ini menetapkan empat prinsip untuk menganalisis keunggulan, iaitu prinsip kehadiran, pelanggaran, penyatuan, dan individualisme. Semua prinsip teori Teksdealisme diterapkan untuk menilai tahap keunggulan Faisal Tehrani. Pencapaian keunggulan terbahagi kepada tiga tahap, iaitu rendah (lemah), separa (sederhana) dan tinggi. Dalam prinsip kehadiran disarankan agar novel-novel penelitian berasal dari pengalaman, petualangan, penilaian, pembacaan dan isu-isu semasa. Untuk prinsip pelanggaran menunjukkan pelanggaran dari aspek tema, watak, latar belakang, aliran dan teknik bercerita. Prinsip penyatuan menunjukkan pengukuhan aspek pemikiran, subjek, watak, isu naratif mini, aliran, teknik bercerita, latar belakang, penggunaan fakta dan sumber sokongan. Prinsip individualisme yang membina identiti kepengarangan adalah aspek subjektiviti, gaya individu, keperibadian, dan tindakan individu. Kajian ini mendapati bahawa ada aspek lain yang membina keperibadian pengarang, iaitu kepekaan, dan kreativiti. Hasil kajian menunjukkan bahawa Faisal Tehrani mencapai tahap keunggulan yang tinggi berdasarkan kajian yang telah dilakukan terhadap novelnya. Namun, tahap keunggulan akan berubah kerana akan ditentukan oleh karya masa depannya.

Menerusi *Journal of Malay Language, Education and Literature*, dua orang pensyarah daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris iaitu Mohamad Rosmizi Mahamad

dan Ghazali Din telah menjalinkan kerjasama dengan Phaosan Jehwee yang merupakan pensyarah dari Universiti Fatoni, Pattani Thailand dalam mengkaji Keunggulan Kepengarangan Novel-novel Terpilih Anwar Ridhwan (2020). Kajian yang mereka jalankan adalah bertujuan untuk meneliti keunggulan kepengarangan bagi novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* dengan menggunakan Teori Teksdealisme yang berlandaskan kepada empat prinsip seperti prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan, dan keindividualan. Kajian ini adalah berlandaskan kaedah kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan juga analisis kandungan. Secara holistiknya, kajian ini telah mengaplikasikan keempat-empat prinsip yang mendukung Teori Teksdealisme sehingga berjaya menampilkan keunggulan bagi kepengarangan Anwar Ridhwan. Selain itu, para pengkaji juga turut menemui konsep keunggulan baharu iaitu Citra Keunggulan Insan melalui tiga prinsip utama iaitu prinsip Hijrah, prinsip Jati Diri dan prinsip Insaniah. Secara keseluruhan bagi kajian ini, ianya dapat dirumuskan bahawa analisis dari semua aspek telah dapat mengenal pasti dan menganalisis keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan. Oleh itu, kajian ini dilihat dapat memberi implikasi kepada pengkaji atau penyelidik sebagai asas dalam memahami proses kepengarangan selain turut membantu pembaca memilih karya yang benar-benar unggul serta mendorong pengarang mempertingkatkan karya bagi mencapai tahap unggul. Kajian yang dijalankan ini adalah sedikit berbeza dengan kajian yang bakal saya jalankan kerana kajian ini melihat kepada keunggulan kepengarangan bagi karya-karya terpilih Sasterawan Negara yang ke- 10. Manakala, kajian yang bakal saya jalankan adalah memfokuskan kepada keupayaan teksdealisme dalam mengangkat keunggulan karya-karya thriller Ramlee Awang Murshid. Kajian saya ini adalah bagi menjelas dan menonjolkan lagi tentang bagaimana yang dikatakan dengan keunggulan teks serta ideologi daripada pengarang itu sehingga mampu untuk mengangkat karya mereka ke mercu yang lebih tinggi. Perkara inilah yang dilihat berbeza dalam kajian para pengkaji dengan kajian yang akan saya jalankan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ghazali Din yang merupakan salah seorang pensyarah daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah tentang Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berasaskan Model Proses Kreatif Teksnaluri (2016). Kajian ini adalah untuk mengkaji proses kepengarangan seorang Sasterawan Negara iaitu Muhammad Haji Salleh. Secara kontekstualnya, menurut pengkaji, kepengarangan penting bagi mengkaji hal-hal berkaitan dengan diri pengarang seperti latar belakang, karya-karya yang mereka hasilkan, idealisme serta pencapaian sepanjang hidup. Data bagi kajian ini dibincang secara deskriptif yang berpandukan model bagi proses teksnaluri yang menghubungkan kaitkan proses kreatif berserta cita-cita pengarangnya. Pada dasarnya, Ghazali Din merumuskan bahawa proses kreatif Teksnaluri mempamerkan pengaruh naluri terhadap proses kreatif kepengarangan Muhammad Haji Salleh melalui dorongan proses bawah sedar pengarang dalam pengembangan idea dan penggunaan diksi dalam puisinya. Pengkaji mendapati sifat keintelektualan yang dimiliki oleh Muhammad Haji Salleh telah memperlihatkan kebijaksanaan naluri yang diterjemahkan dalam puisi yang membina keunggulan kepengarangannya. Secara keseluruhannya, kajian ini secara tidak langsung memberi manfaat untuk membangkitkan naluri-naluri lain yang diterjemahkan dalam proses kreatif melalui prinsip naluri dan perasaan terhadap daya kreatif dan keintelektualan pengarang. Jika kajian Ghazali Din ini adalah terhadap karya sastera seperti puisi serta sajak, ianya adalah berbeza dengan kajian yang akan saya jalankan. Hal ini kerana, kajian yang bakal saya jalankan adalah ke atas karya-karya sastera yang disampaikan dalam bentuk teks novel. Namun begitu, keunggulan kepengarangan adalah hal utama yang dipandang oleh kami. Oleh itu, kajian yang beliau jalankan ini sedikit sebanyak dapat menjadikan contoh buat saya dalam menilai ciri-ciri yang menunjukkan keunggulan bagi teks dalam berkarya.

Menerusi kajian kepengarangan Salbiah Mustafa pada tahun 2017 terhadap tesis bagi ijazah sarjana beliau adalah berkaitan Analisis Keunggulan Novel Ratap Rabbitah dalam

Kepengarangan Aminah Mokhtar berdasarkan Teori Teksdealisme. Kajian ini telah memperincikan beberapa aspek kepengarangan terhadap karya pengarang novel tersebut. Beliau meneliti keistimewaan pengarang dalam menghasilkan novel melalui ciri dalam Teori Teksdealisme adalah bertujuan bagi melihat keberanian serta pembaharuan pengarang dalam menampilkan aspek keunggulan. Pada dasarnya, kajian ini menjurus kepada analisis isi bagi membuktikan aspek keunggulan berdasarkan kepengarangan melalui kaedah deskriptif kualitatif. Pengkaji jelas membuktikan data yang diperoleh melalui analisis teks bagi mengenalpasti konsep teori yang digunakan merangkumi keunggulan dan keberanian serta empat Teori Teksdealisme yang diperkenalkan iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Berdasarkan tiga kajian keunggulan kepengarangan tersebut, pengkaji mendapati bahawa pengaplikasian Teori Teksdealisme sebagai keperluan membuktikan keunggulan kepengarangan seorang pengarang. Kajian kepengarangan ini melihat keunggulan pengarang dalam mengangkat sastera berdasarkan kreativiti dan intelektual pengarang dalam mempersembahkan karyanya. Kajian-kajian tersebut memberi gambaran masyarakat melibatkan pelbagai latar sosial masyarakat, baik di dalam teks mahupun di luar teks. Pengkaji-pengkaji ini juga turut mengkaji atas dasar kepentingan dan keperluan untuk mengangkat seseorang tokoh pengarang dalam kedudukan sastera. Jika kajian yang dijalankan oleh Salbiah Mustafa ini adalah untuk melihat kunggulan pengarang dalam mengangkat sastera berdasarkan kreativiti serta intelektual pengarang dalam penghasilan karya mereka, kajian saya pula adalah untuk melihat bagaimana keupayaan teksdealisme dalam mengangkat keunggulan karya-karya thriller Ramlee Awang Murshid. Mungkin fokus kajian kami adalah berbeza dari segi tajuk, tetapi matlamat untuk disampaikan dalam kajian ini adalah sama iaitu melihat keunggulan bagi karya-karya pengarang yang ada di Malaysia. Matlamat bagi kajian ini dapat diselesaikan dengan lancar atas penerapan prinsip-prinsip

yang terdapat dalam Teori Teksdealisme yang sememangnya amat sesuai bagi menilai keunggulan pengarang ketika mereka berkarya.

Ghazali dan A. Halim Ali (2020) ada menyediakan sebuah artikel yang bertajuk Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Hj. Salleh terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu. Artikel ini diterbitkan oleh Rumpun Jurnal Persuratan Melayu. Kajian ini bertujuan mengkaji sumbangan dan kepengarangan Sasterawan Negara iaitu Muhammad Hj. Salleh sebagai seorang penyair yang mengangkat martabat jati diri bagi bangsa Melayu. Pengkaji menyatakan bahawa Muhammad Hj. Salleh memberi sumbangan yang besar terhadap pembangunan minda masyarakat Melayu menerusi puisipuisinya. Kajian yang berbentuk kepustakaan dan kualitatif ini telah menggunakan Model Proses Kreatif TeksNALURI yang menggabungkan Teori Teksdealisme dan Teori Tipa Induk (Carl Gustav Jung) sebagai landasan analisis mereka. Data bagi kajian ini dianalisis secara deskriptif berdasarkan puisi-puisi terpilih Muhammad Haji Salleh yang mempersembahkan dimensi pemikiran yang mencerminkan kesedarannya terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. Kreativiti Muhammad Haji Salleh dalam menghasilkan puisi-puisi berpaksikan sosial memperlihatkan sumbangan Muhammad Haji Salleh sebagai pengarang intelektual Melayu yang berjaya membina hubungan antara pengarang, teks dan pembaca. Para pengkaji juga menemui rupa sosialisasi Melayu yang diungkapkan Muhammad Haji Salleh secara halus hingga mampu mencapai keunggulan dalam kepenyairan dan kepengarangannya. Hasil kajian mendapati sumbangan Muhammad Haji Salleh terhadap pembangunan minda dan peradaban Melayu merentasi benua menerusi puisi-puisinya. Walaupun kajian yang mengangkat keunggulan kepengarangan Muhammad Haji Salleh ini adalah berkisarkan kepada syair-syairnya, namun ianya tetap dapat memberi contoh serta kefahaman yang lebih jelas kepada saya dalam menilai keunggulan karya seseorang pengarang. Pengaplikasian teori dan fokus utama dalam kajian ini hampir serupa dengan kajian yang akan saya jalankan,

cuma yang membezakannya adalah medium yang kami gunakan untuk melihat hasil kepengarangan pengarang dalam berkarya. Hal ini kerana, saya menjadikan teks-teks novel Ramlee Awang Murshid sebagai bahan utama bagi kajian saya.

Norazimah Zakaria (2018) daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris ada mengeluarkan sebuah artikel berkaitan introspeksi diri terhadap sebuah karya sastera. Artikel yang diterbitkan oleh Jurnal Melayu ini adalah bertajuk Daripada Introspeksi Diri Kepada Naratif Merentas Zaman dan Sempadan dalam Karya A. Halim Ali. Maksud introspeksi diri ialah proses penilaian diri (fikiran, idea, perasaan) dengan mendalam atau bermaksud membuat penilaian ke atas diri sendiri. Perjalanan dari introspeksi diri kepada naratif merentasi zaman dan sempadan, peralihan daripada konvensi kepada pemecah tradisi dalam mencari keunggulan karya memperlihatkan A. Halim Ali sebagai seorang penyair yang telah mencipta gaya kepenyairan yang tersendiri. Objektif makalah ini ialah menghuraikan empat unsur Teori Teksdealisme dalam melihat keunggulan kepengarangan A. Halim Ali sebagai penyair yang prolifik. Makalah ini akan menggunakan Teori Teksdealisme oleh Mana Sikana sebagai landasan. Naluri penyajak ialah tempat bermula letusan rasa yang kemudiannya terbentuk menjadi sedih atau gembira sebelum digubah dengan keindahan bahasa. Daripada introspeksi diri, melalui sajak yang bersifat romantisisme, pergerakan sajak A. Halim Ali merentasi zaman dan sempadan apabila mempertentangkan sajak “Kembali ke Akar Leluhur” dan naratif perjalanan beliau melalui sajak “Kita Bangsa Serumpun.” Kedua-dua sajak ini dilihat sebagai pemecah kepada konvensi kepada sebuah keunggulan dalam berkarya. Peranan karya sastera bukan sahaja dilihat sebagai rakaman pengalaman diri tetapi dilihat juga sebagai wadah pendidikan, pemikiran dan kisah kehidupan sesuatu bangsa. Oleh sebab itu tugas kepenyairan bukanlah mudah kerana untuk mencipta keunggulan dalam berkarya, penyair perlu menguasai aspek gaya bahasa dan pemilihan peristiwa supaya mesej yang ingin disampaikan kepada pembaca dapat disampaikan dengan jelas dan sempurna. Maka dalam

hal ini A. Halim Ali telah mencapai satu tahap keunggulan dalam berkarya apabila mempertentangkan aspek di luar batas kebiasaan dalam diksi bahasa penulisan sajak.

Menerusi artikel yang ditulis berkenaan Keunggulan Hatta Azad Khan dalam Monodrama Menunggu Lampu Hijau daripada Nurul Sahirah Nazaini & Nur Afifah Vanitha Abdullah (2020) dan diterbitkan oleh Jurnal Wacana Sarjana (4) adalah untuk melihat prinsip kehadiran yang wujud dalam drama tersebut. Drama Menunggu Lampu Hijau ini ialah sebuah monodrama yang mana hanya seorang pelakon melakonkan 14 watak yang berbeza. Sehubungan dengan itu, para pengkaji mengaplikasikan prinsip kehadiran dalam teori teksdealisme. Kehadiran merupakan pengalaman pada diri seseorang pengarang yang dianggap penting untuk menghasilkan sebuah teks yang unggul. Hasil kajian dalam artikel ini mendapati bahawa terdapat beberapa unsur atau prinsip kehadiran yang pengkaji temui di dalam skrip monodrama Menunggu Lampu Hijau. Pengkaji menyatakan bahawa proses kehadiran seperti proses pemilihan dan proses kesepaduan di dalam prinsip kehadiran dapat merungkai tahap keunggulan pengarang iaitu Hatta Azad Khan menerusi monodrama tersebut. Sumber dan rujukan yang diperoleh pengarang bagi menghasilkan monodrama ini turut membantu bagi memperlihatkan tahap keunggulan pengarang itu. Bentuk-bentuk yang terdapat dalam prinsip kehadiran juga turut membantu bagi mendedahkan tahap keunggulan pengarang dalam menghasilkan monodrama ini. Impaknya, setiap teks ciptaan pengarang menunjukkan pembaharuan dan pemantapan yang dilakukan dari semasa ke semasa di dalam sesebuah karya bagi mencapai tahap unggul sekaligus memberikan rangsangan kepada penulis-penulis lain agar sentiasa membuat sesuatu pembaharuan dalam penciptaan karya. Walaupun kajian ini dijalankan ke atas drama, namun ianya tetap dapat memberi inspirasi kepada saya tentang bagaimana menilai keunggulan pengarang berdasarkan teks dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip yang terdapat dalam teksdealisme.

Mana Sikana (2011) melalui penulisan Jurnal Melayu (6), yang bertajuk Dinamika Dramatik: Tuntutan Teoritis dan Pelanggaran Tekstual. Makalah ini menganalisis dinamika dalam proses penghasilan karya kreatif, termasuk memenuhi tuntutan teoretis dan sanggup melakukan pelanggaran tekstual. Analisis ini diasaskan pengalaman penulis sebagai pengkarya kreatif (cerpen, novel dan drama) hampir setengah abad. Berdasarkan pengalaman tersebut, ditegaskan seseorang harus mampu berkuasa penuh terhadap dunia penciptaannya. Makalah ini mencadangkan kaedah untuk rekonstruksi teks kreatif yang harus meliputi intertekstualiti, semiotik, parodi, idealistik, revisionisme, transformasi dan historisisme. Aspek-aspek dalam tuntutan dramatik termasuk tujuan, masyarakat, sikap dan aliran pemikiran juga dianalisiskan. Ditegaskan bahawa seseorang pengkarya harus mampu mencipta dengan dimulai dengan garapan idea, pengalaman, intelektual, motivasi, keinginan dan pelbagai ramuan lainnya. Pengarang adalah manusia manipulatif. Dunia di hadapannya sering menjanjikan bahan-bahan untuk ditulis. Perbincangan ini memfokuskan ke arah dinamika dramatik yang patut dilakukan pengarang dalam meningkatkan mutu penciptaannya. Seperti yang sedia kita maklum, zaman pascamoden menyediakan banyak teori penulisan sastera, kaedah dramatik dan aliran sastera, kesemuanya itu dapat digembleng bagi menghasilkan drama yang unggul. Tujuannya adalah supaya para penulis terdedah kepada mekanisme penulisan terkini, dengan demikian mampu menulis drama yang bermutu tinggi.

Nur Muhamad Shahir Bin Ayob (2019) melalui penulisan Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN), yang bertajuk Kehadiran Pemikiran Anwar Ridhwan Dari Sudut Kekuasaan Politik dalam Drama yang Menjelma dan Menghilang. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis pemikiran pengarang dari sudut politik yang terkandung dalam teksnya. Terbentuknya pemikiran pengarang daripada hasil kehadiran pengalaman yang dilalui secara langsung mahupun secara tidak langsung. Pengalaman boleh menghasilkan

lintasan-lintasan pemikiran bergema dalam kesedaran pengarang yang mengembang dan mematang serta dijelmakan ke dalam bentuk teks kreatif. Hal ini, Teks drama pentas *Yang Menjelma dan Menghilang* karya Anwar Ridhwan adalah pilihan kajian penyelidikan. Landasan kajian ini menggunakan prinsip kehadiran dalam teori Teksdealisme oleh Mana Sikana. Kehadiran pemikiran politik pengarang berdasarkan konsep kekuasaan seperti pengaruh (*influence*), persuasi (*persuasion*), manipulasi, *force* dan *authority*.

Fathin Noor Ain Ramli (2019) menerusi penulisan Jurnal Peradaban Melayu yang bertajuk Pengurusan identiti bangsa dalam trilogi karya Hamka : Suatu pengenalan. Penulisan makalah ini bertujuan memperlihatkan penggunaan prinsip pengurusan untuk mengetahui prinsip yang terdapat dalam pengurusan identiti bangsa yang berasaskan daripada penyelidikan Pengurusan Identiti Bangsa dalam Trilogi Karya Hamka. Antara objektif kajian ialah mengenalpasti pengurusan identiti bangsa Melayu dan melihat kesesuaian Teori Teksdealisme dalam menganalisis pengurusan identiti bangsa yang terdapat dalam trilogi novel Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau Ke Deli* dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah*. Teori Teksdealisme telah dijadikan sebagai landasan utama dan digabungkan bersama 14 Prinsip Asas Pengurusan oleh Henry Fayol. Empat prinsip Teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan individualisme diaplikasikan bagi melihat proses pembentukan identiti bangsa dalam novel tersebut. Manakala 14 Prinsip Asas Pengurusan oleh Henry Fayol dijadikan teori sokongan untuk menganalisis pembentukan identiti bangsa Melayu. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks kandungan (*content analysis*). Kaedah ini akan mengumpul dan menganalisis data daripada tiga buah novel karya Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau ke Deli* dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah*. Watak dan perwatakan tonggak utama diteliti dalam merungkai pengurusan identiti yang telah diketengahkan oleh Hamka. Kajian ini diharapkan

dapat memberi manfaat kepada golongan sastera terutamanya golongan-golongan yang terlibat dalam aspek pengurusan sastera.

Selain melihat kepada kajian lepas yang berkaitan dengan keunggulan kepengarangan dan penggunaan Teori Teksdealisme ini, pengkaji turut melihat kepada kajian-kajian yang dijalankan ke atas karya sastera yang berupa novel. Hal ini kerana, kajian yang dijalankan ini menjadikan novel sebagai bahan utama kajian. Oleh itu, kajian lepas berkaitan dengan penggunaan novel dihubungkan dalam sorotan kajian ini bagi memberi panduan kepada pengkaji tentang bagaimana kajian ke atas teks-teks novel dijalankan oleh pengkaji yang bertauliah sebelum ini. Nursham Binti Abdul Aziz (2015), melalui penulisan tesis bagi memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah beliau di bawah Jabatan Kesusasteraan Melayu Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. Tesis ini adalah berkaitan dengan kajian intertekstualiti bagi novel-novel terpilih karya daripada Azizi Haji Abdullah. Pengkaji mengaplikasikan Teori Intertekstualiti bagi kajian ini. Antara novel-novel Azizi Haji Abdullah yang dipilih oleh pengkaji adalah seperti *Seorang Tua di Kaki Bukit (1982)*, *Memoir Seorang Guru (2007)*, *Beruk (2010)*. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa Azizi Haji Abdullah menulis dengan merujuk hipoteks yang melalui pelbagai proses seperti kerja pemindahan atau penambahan episod tertentu bagi memperkukuh makna hipoteks itu sendiri. Selain itu, terdapat juga proses-proses lain seperti penerangan, pengembangan, serapan, persamaan atau pembaikan daripada teks asal yang membolehkan teks asal berubah kepada bentuk baharu sama ada dari aspek kandungan ataupun sisi plot penceritaan. Di samping berfungsi sebagai sebuah rakaman atau pengalaman bagi generasi akan datang. Menerusi kajian ini juga, pengkaji berpendapat bahawa kreatifnya seorang pengarang itu adalah apabila mereka dapat mengadun kembali teks awal mereka dalam hiperteks yang dapat membuktikan bahawa setiap karya sastera akan terus hidup, dapat dilanjutkan persoalan, diperdalam gejolak jiwa watak seterusnya meninggalkan impak yang besar kepada

khalayak pembaca melalui pemaknaan sama ada dalam bentuk yang konkrit mahupun yang signifikan. Pada akhir kajian, pengkaji dapat melihat bahawa dengan pengaplikasian prinsip-prinsip daripada Teori Intertekstualiti ini telah membuktikan bahawa pengarang berjaya menggembelng, menggabung serta menyatupadukan pelbagai kaedah secara kreatif dan inovatif bagi menggarap novel sebagai wadah maklumat serta makna baharu dan pada masa yang sama berusaha untuk mengekalkan jati diri kepengarangan bagi pengarang tersebut yang mengangkat kisah orang tua yang berjiwa sensitif. Melihat pada kajian ini yang menggunakan Teori Intertekstualiti bagi mengkaji gaya kepengarangan Azizi Haji Abdullah, ianya adalah berbeza dengan kajian saya yang akan menggunakan Teori Teksdealisme bagi mengkaji keunggulan kepengarangan pengarang novel thriller nombor satu Malaysia iaitu Ramlee Awang murshid.

Menerusi artikel yang dikeluarkan oleh Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia pada tahun 2016 adalah berkaitan dengan Pemikiran Dalam Novel Sebalik Yamashita dan Parcival. Artikel ini disediakan oleh Marzalina Mansor, Nor Hafidah Ibrahim dan Hasmawati Hassan. Kajian ini dijalankan kerana para pengkaji berpendapat bahawa pemikiran pengarang merupakan salah satu aspek penting dalam kajian sastera. Pemikiran pengarang juga merupakan rangkuman idea pengarang yang beridentiti tersendiri untuk mengupas segala permasalahan yang berlaku dalam masyarakat. Isu yang ditonjolkan adalah gambaran dan rangkuman warna-warna kehidupan manusia yang disusun dan dizahirkan dalam bentuk baris-baris ayat sehingga menjadi satu naratif yang lengkap dan sempurna. Lantaran itu, Kajian ini adalah untuk mengkaji aspek pemikiran pengarang dalam novel Sebalik Yamashita dan Parcival Karya Shaari Isa yang diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia pada tahun 2015. Aspek pemikiran pengarang dalam novel ini dikaji dan dianalisis secara kualitatif. Kajian mendapati pemikiran politik serta kepimpinan dan yang ketiganya ialah pemikiran sejarah. Seterusnya, bagi melengkapkan nilai yang

terkandung dalam novel ini, kajian mendapati pengarang mendedahkan gambaran masyarakat dan permasalahan yang ditonjolkan bagi melengkapkan informasi yang terkandung dalam novel ini. Para pengkaji menegaskan bahawa kajian seperti ini penting bagi mendedahkan pemikiran dan stail yang digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya, khususnya novel. Kajian ini memfokuskan kepada pemikiran yang dikeluarkan oleh pengarang terhadap sesebuah novel. Manakala kajian yang akan saya jalankan adalah dengan memfokuskan kepada teks serta keunggulan kepengarangan bagi beberapa buah novel daripada Ramlee Awang Murshid. Justeru, fokus yang ditetapkan inilah yang menjadi perbezaan bagi kajian kami. Namun begitu, ianya tetap berlandaskan kajian sastera yang dapat mewujudkan kefahaman bukan sahaja terhadap diri pengkaji malah turut memberi manfaat kepada orang yang lain yang turut terlibat dalam dunia sastera.

Margaretha Ervina Sipayung (2016) melalui artikel yang beliau keluarkan di bawah Program Studi Indonesia, Universitas Sanata Dharma yang bertajuk Konflik Sosial Dalam Novel Maryam Karya Okky Madasari : Kajian Sosiologi Sastra. Justeru, hal pertama yang beliau fokuskan dalam kajian ini ialah setiap peristiwa konflik yang berlaku di kalangan masyarakat terhadap jalan cerita novel ini. Perkara pertama yang pengkaji temui pada permasalahan ini adalah kemelesetan keadilan sosial bagi masyarakat Ahmadi yang selalu dipinggirkan kerana mereka dianggap telah melahirkan keimanan yang dapat meyesatkan orang lain iaitu pengamalan 'ajaran sesat' yang sering kita dengar. Oleh itu, penelitian pengkaji terhadap kajian yang beliau jalankan adalah sepenuhnya kepada menganalisis konflik sosial yang terjadi dalam novel Maryam Okky Madasari. Oleh hal yang demikian, bagi menjawab setiap persoalan yang diputarakan oleh pengkaji, beliau telah memilih untuk menggunakan pendekatan kajian sosiologi sastera yang memberi tumpuan pada karya-karya sastera yang mencerminkan sebuah kehidupan bagi lapisan masyarakat. Selain itu, dalam memastikan kajian ini berjalan lancar seperti yang diinginkan, pengkaji telah memilih untuk

menggunakan deskriptif analisis sebagai kaedah kajiannya. Tujuan kaedah ini dipilih adalah untuk menganalisis kajian struktur yang meliputi aspek-aspek alur atau plot, watak dan perwatakan, serta latar bagi setiap jalan cerita yang berlaku.

Menerusi artikel yang ditulis oleh Mohd Nazri Bin Zainuddin (2012), seorang pensyarah daripada Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara Kementerian Pelajaran Malaysia adalah berkaitan dengan Kepimpinan dan Keunggulan Wanita Menerusi Novel Doa Insan Berkasih. Pengkaji menyediakan dua objektif kajian bagi memenuhi kehendak kajian iaitu mengesan unsur atau ciri-ciri kepimpinan yang terdapat dalam novel Doa Insan Berkasih dan mengenal pasti unsur-unsur kepimpinan yang boleh diaplikasikan oleh pemimpin sekolah. Di samping itu, pengkaji turut melakukan beberapa sorotan literatur untuk melihat kelompangan kajian berkaitan dengan kepimpinan berkualiti. Kajian dilakukan dengan kaedah kepustakaan atau kualitatif iaitu dengan merujuk novel Doa Insan Berkasih karya Aminah Mokhtar dan buku-buku kepimpinan dan pengurusan. Tiada siapa yang dapat menafikan bahawa banyak karya sastera mempunyai unsur-unsur kepimpinan yang diselitkan dalam penulisannya. Justeru, pembaca dapat menilai dan mengaplikasikan unsur-unsur kepimpinan yang unggul dan berkesan dalam pengurusan sekolah, kepimpinan di tempat kerja dan dalam hidup bermasyarakat. Pada akhir kajian, beliau menyarankan agar kajian-kajian akan datang lebih menjurus kepada novel-novel sejarah kerana di dalamnya banyak mengandungi unsur-unsur kepimpinan yang boleh diterapkan dalam kalangan para pentadbir dan pengurus. Fokus serta aspek kajian bagi pengkaji ini adalah berbeza dengan saya yang menggunakan novel daripada Ramlee Awang Murshid untuk melihat keupayaan teksdealisme dalam mengangkat keunggulan karya beliau dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip yang terdapat dalam Teori Teksdealisme.

Asmiaty Amat (2011) dari Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah menerusi artikelnya yang bertajuk *Ngayau Sebagai Sebuah Novel Berwarna Tempatan*

: Satu Kajian Sosiologi Sastera adalah bagi menilai novel Ismail Abbas atau Amil Jaya ini yang merupakan penulis tempatan Sabah yang pertama menulis novel. Novel-novel beliau iaitu *Cerah*, *Bagaton*, dan *Ngayau* adalah novel-novel yang memaparkan kehidupan masyarakat Borneo yang sering kali mengalami konflik suku kaum. Dalam kajian ini, beliau telah memilih novel daripada Amil Jaya, iaitu seorang penulis tempatan Sabah. Novel *Ngayau* karya daripada novelis ini telah dipilih kerana novel ini memaparkan kehidupan masyarakat Borneo yang acap kali menghadapi pelbagai konflik kaum terutamanya. Perkara ini bertepatan dengan kajian sosiologi yang Asmiaty Amat jalankan. Hal ini kerana, kajian ini sememangnya bertujuan mengamati sama ada novel tersebut mampu atau tidak dalam memaparkan unsur karya tempatan yang berwarna dengan menggunakan teori sosiologi. Menerusi kajian yang dijalankan ini, pengkaji berjaya menonjolkan kebolehan kepengarangan novelis ini dalam menonjolkan tema yang berkaitan adat serta pantang larang masyarakat Dayak di Sarawak. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa novelis ini berjaya menimbulkan pemikiran tersirat beliau melalui hasil karyanya. Kajian yang mengaplikasikan pendekatan sosiologi terhadap novel yang dipilih oleh pengkaji ini adalah berbeza dengan pendekatan yang dipilih oleh saya terhadap kajian saya. Bagi kajian yang akan dijalankan, saya akan mengaplikasikan pendekatan teksdealisme bagi melihat keupayaan teksdealisme dalam mengangkat keunggulan karya-karya novelis yang dipilih iaitu Ramlee Awang Murshid.

Menerusi Jurnal Pengajian Melayu, Maharam Mamat (2020) ada menulis sebuah artikel yang bertajuk Persaingan Antara Spesies dalam Novel Sarawak. Sebelum ini, jika Asmiaty Amat mengkaji tentang novel yang menceritakan kehidupan masyarakat Dayak di Sarawak, kajian daripada Maharam Mamat ini pula adalah berkaitan dengan persaingan antara sepsis dalam novel Sarawak. Hal ini kerana, pengkaji dapat melihat bahawa novel-novel penulis yang berasal dari Sarawak kebanyakannya dilimpahkan dengan unsur serta isu

yang berkaitan dengan alam sekitar. Menerusi hasil kajian ini pengkaji dapat meneliti persaingan antara sepsis yang diterapkan pengarang dari negeri Sarawak dalam penghasilan novel mereka seperti karya daripada Sarimah Alit, Idris Boi, dan Amil Jaya. Persaingan antara sepsis yang dikaji oleh Maharam Mamat adalah merangkumi persaingan antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam, dan akhir sekali adalah melibatkan persaingan antara manusia dengan Maha Pencipta. Hasil dapatan kajian telah menemukan pengkaji tentang persaingan yang wujud dalam setiap novel-novel dari Sarawak ini adalah didorong dengan kepentingan serta keperluan bagi melangsungkan sebuah kehidupan. Melalui kajian yang beliau jalankan, saya dapat mengetahui bahawa sebagai pengkaji kita boleh melihat pelbagai jenis sudut serta aspek yang bermanfaat untuk dijadikan fokus utama bagi kajian kita.

Tiga orang pengkaji daripada Universiti Malaysia Sarawak iaitu Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad, dan Muhammad Zaid Daud (2018), turut menjalankan kajian yang berkaitan dengan novel atau karya fiksi yang merupakan cabang bagi sastera ini. Kajian yang mereka jalankan adalah tentang analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam novel sastera indie melalui karya Azwar Kamaruzaman. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah bagi menganalisis penggunaan bahasa menerusi novel yang bertajuk *Nasi Kangkang* yang merupakan karya daripada Azwar Kamaruzaman. Kajian yang menggunakan teori stilistik dengan berlandaskan kepada Prinsip Webber (1989) ini telah berjaya membuatkan para pengkaji menemui pengaplikasian aspek diksi seperti slanga, dialek serta bahasa asing yang boleh menyumbangkan kepada kelebihan novel ini, misalnya dari segi realiti setiap latar, pengenalpastian watak serta perwatakan, dan menimbulkan kesan bagi watak yang dimasukkan ke dalam novel ini. Melihat kepada keseluruhan kajian yang menggunakan Teori Stilistik, saya dapat lihat kepelbagaian ragam bagi penggunaan bahasa dalam novel Azwar Kamaruzaman ini dan cara bagaimana gaya bahasa diterapkan dalam

novel indie juga dapat difahami menerusi hasil kajian ini. Kajian yang mengaplikasikan pendekatan stilistik terhadap novel yang dipilih oleh para pengkaji ini adalah berbeza dengan pendekatan yang dipilih terhadap kajian saya. Bagi kajian yang akan dijalankan, saya akan mengaplikasikan pendekatan teksdealisme bagi melihat keupayaan teksdealisme dalam mengangkat keunggulan karya-karya novelis yang dipilih iaitu Ramlee Awang Murshid.

Menerusi kajian yang dijalankan oleh Noraini Ibrahim dan Ani Omar (2017), dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah bertajuk Analisis Pengarang Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa Karya Abdul Latip Bin Talib. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pemikiran pengarang dalam karya beliau tentang peristiwa yang dialami daripada diri pengarang sendiri mahupun melalui pengalaman individu lain yang diadaptasi dalam novel ini. Kajian ini menggunakan teori tempatan iaitu Teori Sistem Bersepadu 4K atau Teori SPB4K janaan Mohd Yusof Hasan. Teori ini berteraskan falsafah kesepaduan pemikiran iaitu Pemikiran Kerohanian, Pemikiran Kebitaraan, Pemikiran Kesaintifikan dan Pemikiran Kekreatifan. Objektif kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti pemikiran pengarang novel ini dan menganalisis pemikiran pengarang ini menggunakan teori SPB4K. Dapatan kajian mendapati, keempat-empat aspek pemikiran ini terkandung dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa yang digarap secara terperinci dan sehingga kini masih belum terdapat mana-mana pengkaji yang membuat kajian ilmiah terhadap novel ini. Hal ini kerana novel terbitan 2014 ini merupakan novel terbaharu untuk kajian pelajar-pelajar tingkatan 4 bagi zone 2 di Malaysia. Pengkajian ini juga diharapkan dapat menarik minat penulis untuk menghasilkan lebih banyak karya sastera yang bermutu dan dapat dijadikan sebagai teks KOMSAS wajib di sekolah-sekolah Malaysia. Di samping itu, karya sastera ini diharapkan berjaya mengangkat martabat wira bangsa agar menjadi suri teladan kepada masyarakat pembaca.

Rosmah Derak (2020) daripada Universiti Malaysia Sabah, dalam satu artikelnya ada mengkaji tentang karya daripada seorang novelis terkenal di Malaysia iaitu Faisal Tehrani. Tajuk kajian terhadap novel yang dipilih ialah *Pemikiran Dalam Novel-Drama Bila Tuhan Berbicara* Karya Faisal Tehrani. Novel ini dipilih kerana pengkaji merasakan ianya sangat unik apabila menggabungkan dua genre iaitu novel dan drama yang dikenali sebagai novel-drama. Kaedah analisis kandungan dan kajian kepustakaan digunakan untuk mencapai objektif kajian. Justeru, pembacaan rapi atau pembacaan secara mendalam digunakan untuk mengesan pemikiran dan seterusnya menganalisis pemikiran yang terdapat di dalam novel-drama BTB. Hasil kajian mendapati, Faisal Tehrani telah menonjolkan pemikiran yang berkaitan dengan pementasan drama atau teater Islam, pemikiran keagamaan, pemikiran tentang kepentingan ilmu pengetahuan, pemikiran tentang ilmu perubatan serta pemikiran yang berkaitan dengan politik. Berdasarkan kepada pemikiran ini menunjukkan bahawa novel-drama ini membawa wacana penting terutama yang berkaitan dengan penghasilan teater dan drama Islam. Pementasan drama dan teater Islam wajar meletakkan ajaran Islam sebagai paksi utama untuk memberi pengajaran kepada penonton. Oleh itu, novel-drama ini wajar dibaca oleh penggiat drama dan teater Islam sebagai panduan untuk menghasilkan drama dan teater berunsur Islam. Hal ini kerana pementasan Islam boleh digunakan sebagai medium dakwah dan tarbiah kepada penonton selain memberi hiburan.

Maisarah Yaacob dan Maharam Mamat (2014) melalui *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 25 ada menulis artikel yang berkaitan dengan novel komsas. Tajuk artikel tersebut ialah *Tarbiah dalam Novel Komsas*. Karya yang berkualiti dikatakan mampu mentarbiah pembaca dan seterusnya melahirkan khalayak yang kamil. Dalam pendidikan, proses tarbiah yang berkesan mampu menjadikan murid seorang insan yang berfikir tentang kebaikan, kebenaran, kehalusan budi pekerti, kesantunan bahasa, kecekalan hati, keindahan seni dan seterusnya menghargai kehidupan dan kemanusiaan. Kajian ini menganalisis tanggungjawab tarbiah

manusia kepada alam dan sumbangan tarbiah alam kepada manusia dalam dua novel KOMSAS terpilih. Dua novel yang dianalisis berdasarkan konsep insan khalifah untuk mentarbiahkan manusia bersumberkan alam dan menggunakan teori Takmilah dan Kritikan Eko ialah novel Lestari Bukit Menghijau (Syed Mahadzir Syed Ibrahim, 2010) dan Kembara Amira (Amer Hamzah L. Kadir, 2010). Analisis ini melibatkan tanggungjawab tarbiah manusia terhadap alam dan mengenal pasti sumbangan tarbiah alam kepada manusia. Bersandarkan analisis terhadap kedua-dua novel ini didapati bahawa tanggungjawab tarbiah manusia terhadap alam boleh dilihat bersandarkan bagaimana manusia berinteraksi dengan alam demi menjaga kelangsungan persekitaran walaupun dikekang dengan keperluan ekonomi seperti pembalakan dan perlombongan emas. Sumbangan tarbiah alam kepada manusia diperolehi daripada sumber perubatan, ekonomi, makanan, galian, flora dan fauna.

2.3 Kesimpulan

Konklusinya, pada bahagian bab kedua ini, pengkaji telah berhasil memilih 30 jenis bagi kajian lepas yang pernah dijalankan oleh pengkaji yang bertauliah sebelum ini. Kajian lepas yang dipilih ini adalah kajian yang berkaitan dengan keunggulan kepengarangan, penggunaan atau pengaplikasian Teori Teksdealisme dan kajian-kajian yang menjadikan novel sebagai bahan utama dalam mengumpul hasil kajian. Bahagian sorotan kajian ini telah membantu pengkaji dalam mendapatkan panduan yang betul tentang bagaimana hendak menjalankan sebuah kajian yang baik. Oleh itu, bab kedua ini dilihat amat berguna buat para pengkaji kerana ianya dapat menjadi sumber rujukan serta contoh yang berilmiah dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan fokus utama kajian.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORI

3.0 Pendahuluan

Pada bab ketiga ini, pengkaji akan membincangkan beberapa perkara yang berkenaan dengan metodologi dan pendekatan yang akan digunakan bagi memantapkan lagi kajian yang dijalankan. Metodologi kajian ini akan menerangkan tentang kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam melihat keunggulan kepengarangan yang ada pada Ramlee Awang Murshid dalam penghasilan karya-karyanya. Di samping itu, kajian ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk deskriptif dan kualitatif. Aspek yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan pengumpulan data daripada teks-teks dan pendekatan teori yang telah dipilih. Kajian ini menggunakan kaedah analisis terhadap teks-teks novel Ramlee Awang Murshid yang telah dipilih iaitu *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*.

3.1 Metodologi Kajian

Menerusi skop kajian ini, kaedah kualitatif dengan menggunakan data yang berbentuk deskriptif bagi mengenal pasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan yang perlu ada dalam diri seorang pengarang. Penelitian deskriptif merupakan sebuah kaedah penelitian yang digunakan untuk mendapat maklumat yang jelas tentang perkara yang dikaji. Selain itu, data deskriptif juga menerangkan tentang sebuah fenomena yang mendalam dan terperinci melalui analisis verbal, pemerhatian dan juga penelitian dokumen (Rosinah Edimin, 2011). Berdasarkan kajian ini, dokumen yang digunakan bagi memperlihatkan keunggulan

kepengarangan yang ada pada Ramlee Awang Murshid ialah *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*.

Berkenaan dengan analisis verbal yang digunakan dalam kajian ini, ianya merupakan satu analisis yang memberi penekanan terhadap penelitian serta pemerhatian ke atas teks yang dikaji. Analisis ini diguna pakai bagi melihat aspek-aspek keunggulan kepengarangan yang ada pada pengarang melalui karya-karya yang telah dipilih. Data-data ini diperolehi melalui teknik menganalisis data kualitatif seperti kaedah pembacaan, pengenalpastian, penerangan, pengelasan dan pentafsiran. Pemilihan untuk menggunakan kaedah kualitatif ini adalah untuk mengenalpasti aspek-aspek keunggulan yang perlu ada dalam diri seorang pengarang dengan berlandaskan teori teksdealisme yang dilihat sesuai untuk analisis kepengarangan ini. Brown & Dowling (1998), menyatakan bahawa kajian kualitatif ini menekankan kepada penghasilan sesebuah makna. Oleh itu, metod ini memfokuskan kepada penghasilan makna bagi mencari serta memberi keterangan yang bersifat numerikal.

a.) Bacaan

Menerusi kajian ini, bacaan menjurus kepada membaca bahan-bahan kajian iaitu teks novel Ramlee Awang Murshid yang telah dipilih beserta dengan data kualitatif yang lain. Bacaan yang dilakukan terhadap novel-novel yang telah dipilih adalah bagi memperlihatkan keunggulan kepengarangan yang wujud dalam karya tersebut. Pemahaman dan penelitian yang menyeluruh terhadap teks karya tersebut, telah membantu pengkaji untuk mengenalpasti aspek-aspek yang diterapkan oleh pengarang dalam menonjolkan keunggulan kepengarangannya. Dapatan telah menunjukkan bahawa novel-novel yang dipilih ini sememangnya menepati keunggulan kepengarangan yang ada pada teori teksdealisme yang menunjukkan aspek-aspek kepengarangan pengarang dalam berkarya.

b.) Pengenalpastian

Bagi teknik pengenalpastian ini pula, pengkaji telah mengenal pasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan yang ada pada Ramlee Awang Murshid dalam menghasilkan karyanya. Pengenalpastian ini dilihat dengan berlandaskan kepada prinsip-prinsip yang ada dalam teori teksdealisme. Hal ini kerana, kajian ini adalah berlandaskan teori tersebut yang merupakan sebuah teori yang menilai kepengarangan pengarang dalam menghasilkan karya yang berkualiti. Oleh itu, prinsip-prinsip yang ada dalam teori ini diterapkan dalam kajian bagi melihat keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid dalam menghasilkan karyanya yang bertajuk *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*.

c.) Penerangan

Teknik ini merupakan analisis penerangan daripada pengkaji berdasarkan teks-teks yang telah dipilih. Menerusi teknik ini, pengkaji mampu menerangkan tentang keunggulan kepengarangan yang dimiliki oleh seorang pengarang. Hal ini dianggap penting kerana, melalui data yang diperolehi daripada proses pembacaan, ianya dapat memberi penerangan dan juga bentuk gambaran keunggulan kepengarangan yang ada melalui teks novel kajian yang telah dipilih.

d.) Pengelasan

Teknik analisis yang seterusnya adalah teknik pengelasan. Pengelasan yang dilakukan oleh pengkaji adalah untuk memahami sepenuhnya berkenaan dengan teks kajian secara keseluruhannya. Selain itu, teknik ini juga membolehkan pengkaji mengelaskan data-data yang terkumpul kepada unit-unit kecil mengikut kategori yang telah ditetapkan. Hal ini

kerana, kaedah pengumpulan data yang digunakan menerusi kajian ini adalah analisis kandungan yang dilakukan secara kualitatif. Pemilihan kaedah yang digunakan ini adalah untuk mengumpul data dan mengkaji dengan lebih teliti tentang bahan bacaan yang dipilih agar maklumat yang diperolehi dapat memberi gambaran yang jelas kepada pengkaji. Sebanyak dua buah novel daripada Ramlee Awang Murshid telah dipilih oleh pengkaji untuk diteliti dan dikelaskan teks-teks yang berkaitan dengan fokus kajian.

e.) Pentafsiran

Pentafsiran pula merupakan peringkat terakhir yang dilakukan selepas proses bacaan. Proses pentafsiran ini sebenarnya merupakan hasil daripada proses bacaan yang mendalam ke atas teks yang dikaji. Proses penerangan semula yang jelas serta pengelasan berkenaan aspek-aspek keunggulan kepengarangan adalah mengikut kategori tertentu. Hasil daripada analisis data kualitatif ini diterjemahkan dengan jelas berdasarkan kepada kutipan data yang diperolehi. Proses pentafsiran data ini dibuat dengan merujuk kepada objektif serta permasalahan kajian.

Melalui kajian ini, keunggulan kepengarangan yang dilihat dalam konteks kesusasteraan, ialah tahap puncak pencapaian bagi seorang pengarang dalam menghasilkan karyanya. Berpandukan kepada teknik-teknik di atas, penyelidikan secara kualitatif ini sebenarnya tidak tertumpu kepada pengutipan data atau maklumat yang banyak. Namun, dalam konteks kajian ini, kaedah di atas memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil tetapi memperolehi maklumat yang berkualiti. Aspek-aspek keunggulan kepengarangan yang dilihat dalam karya Ramlee Awang Murshid ini adalah dengan berlandaskan kepada pendekatan teksdealisme yang dipilih. Oleh itu, berdasarkan kajian ini setiap data yang diperolehi berfungsi sebagai alat sokongan dalam mentafsir serta mengesan maksud sebenar

aspek-aspek yang telah menonjolkan keunggulan kepengarangan seorang pengarang. Setiap data yang berkaitan dengan aspek-aspek keunggulan yang dilihat dalam menilai keunggulan Ramlee Awang Murshid dalam menghasilkan karyanya adalah seperti jadual berikut :-

Bil.	Kutipan Data	Tajuk Novel	Petikan Teks	Hlm.	Aspek-aspek Keunggulan Kepengarangan			
					K	P	P	I
1.)		N1						
2.)		N2						

PETUNJUK	
Tajuk Novel	Aspek-aspek Keunggulan Kepengarangan
Tombiruo : Penunggu Rimba	Kehadiran
Ungu Karmila	Pelanggaran
	Penguhan
	Individualisme

Jadual 3.1 : Kutipan data Keunggulan Kepengarangan Ramlee Awang Murshid dalam karyanya yang dipilih

Di samping itu, untuk melengkapkan lagi objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini, kaedah kepustakaan juga turut digunakan seperti yang telah dinyatakan menerusi bab satu. Sumber data utama yang diambil untuk kajian ini adalah melalui novel-novel terpilih daripada Ramlee Awang Murshid yang bertajuk *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*. Selain itu, pengkaji juga turut mengemukakan pandangan daripada tokoh sarjana, ahli ilmunan dan dapatan daripada sumber-sumber yang terbaik untuk dijadikan contoh

rujukan bagi memperkukuhkan lagi fakta-fakta ke atas kajian ini. Seterusnya, kajian ini dapat melihat aspek-aspek keunggulan kepengarangan yang perlu ada pada diri seorang pengarang. Aspek-aspek keunggulan kepengarangan yang telah dikelaskan mengikut kategori adalah seperti berikut :-

i.) Kehadiran

Aspek keunggulan kepengarangan pertama yang digunakan untuk menilai keunggulan seorang pengarang dalam berkarya melalui kajian ini ialah aspek atau prinsip kehadiran. Bagi prinsip kehadiran ini, ianya adalah merupakan penciptaan terhadap teks dan pencarian maksud bagi sesebuah karya. Pembaca seringkali ditemukan dengan perbezaan bagi ciri-ciri di dalam setiap teks yang dibaca untuk mereka menemukan signifikasi teks tersebut. Pembaca akan dapat memahami maksud serta makna sesebuah teks itu apabila mereka cuba mendalami apa yang ingin disampaikan itu dengan teliti ketika membaca dan menghayatinya. Seseorang pengarang perlu ada idea dan pengalaman untuk menghasilkan sesuatu karya yang unggul dan membentuk jati diri sebagai penulis yang unggul (Hashim Awang, 1997: 26).

ii.) Pelanggaran

Aspek pelanggaran adalah bagi mencapai makna baharu penulis akan menaik taraf hasil penulisan serta idea-ideanya ke arah yang lebih kontemporari serta urban iaitu ke arah yang lebih segar daripada pengarang-pengarang lain dan juga hasil karyanya sebelum ini. prinsip pelanggaran sebagai suatu kaedah untuk menganalisis sesebuah teks karya bagi memperlihatkan sifat-sifat keunggulannya. Sifat-sifat pembaharuan, eksperimental dan

pemantapan inilah yang mendukung kelahiran teks-teks moden, pascamodenisme, *avant-garde* dan sebagainya (Mana Sikana, 2003).

iii.) Pengukuhan

Seterusnya, bagi aspek pengukuhan pula, ianya adalah untuk mewujudkan kematangan serta kesempurnaan bagi setiap teks yang dihasilkan. Setiap pengarang semestinya menginginkan hasil karya yang bagus serta dapat diterima oleh para pembaca. Justeru itu, tanpa melalui proses pengukuhan, tahap keberkesanan dalam teks tidak dapat diwujudkan. Bagi Mana Sikana (2013:127) menegaskan prinsip pengukuhan sebagai pematangan teks oleh pengarang demi menghasilkan teks yang terunggul. Pengukuhan pengarang menghasilkan teks dibuktikan melalui hasrat, harapan, keinginan dan cita-cita melahirkan teks yang unggul dan mencapai tahap keunggulan.

iii.) Individualisme

Dalam prinsip individualisme atau turut dikenali dengan prinsip keperibadian ini pula, penulis perlu mewujudkan sifat keperibadian atau jati diri masing-masing dalam berkarya. Dalam prinsip ini, terdapat empat faktor utama yang harus difokuskan iaitu bagaimanakah kesungguhan pengarang dalam mencapai tahap keperibadiannya, menghuraikan dengan jelas akan sifat-sifat keperibadiannya, seperti apakah penulis tersebut membawa sifat keperibadiannya, dan menceritakan tentang cara pengarangannya. Abdul Halim Ali (2015:186) menyatakan bahawa individualiti atau juga disebut sebagai kesendirian merupakan puncak kepengarangan dalam yang menandakan bahawa pengarang sudah

mencapai tahap keunggulannya, manakala teks yang dihasilkannya pula menjadi teks yang unggul.

3.2 Pendekatan Kajian

Kajian ini akan menggunakan pendekatan Teksdealisme bagi menilai keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid melalui kedua-dua buah novelnya yang telah dipilih. Teksdealisme merupakan rangkuman dua patah perkataan iaitu 'teks' dan 'idealisme' yang mendefinisikan teks sebagai susunan idea serta pengalaman yang mengandungi makna yang berlapis-lapis dengan memiliki sifat-sifat keunggulannya (Mana Sikana, 1996 : 76). Falsafah Teksdealisme berasaskan bahawa setiap pengarang itu mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya supaya mencapai suatu tahap keunggulan. Sifat-sifat keunggulan inilah yang disebut sebagai idealisme dan sifat-sifat ini harus ada dalam sesebuah teks karya kreatif. Justeru, boleh disimpulkan bahawa Teksdealisme itu membawa makna teks yang unggul. Teks yang unggul bermaksud teks yang mempunyai nilai dan mutu yang tinggi.


Oleh itu, kajian ini memilih untuk menggunakan pendekatan Teksdealisme dalam menilai keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid kerana pendekatan ini dilihat sesuai berdasarkan kepada fokus utama kajian ini. Hal ini kerana, Teksdealisme merupakan suatu kaedah baru dalam penulisan teks yang mementingkan idealisme atau keunggulan dan dalam usaha untuk mencapainya, seseorang itu perlu melakukan pembaharuan dalam penciptaan, inovasi, transformasi, modifikasi dan demitefikasi (Mana Sikana, 1996 : 112). Teksdealisme merujuk kepada hakikat bahawa sesebuah teks baru yang dihasilkan itu merupakan implikasi segala eksploitasi perujukan dan kehadiran sumber yang membina sistem yang baru atau mitos yang baru, yang kadang-kadang mampu mendukung makna yang berbeza dan bertentangan. Teks tidak berdiri tanpa sistem-sistem tertentu.

3.2.1 Teori Teksdealisme

Teori Teksdealisme (1995) dipelopori oleh Abdul Rahman Napiah atau lebih dikenali sebagai Mana Sikana yang bergiat aktif dalam bidang Kesusasteraan Melayu. Halijah Jais (2004) berpendapat bahawa Teksdealisme merupakan rangkuman dua perkataan iaitu teks dan idealisme yang membawa maksud teks sebagai idea serta pengalaman yang mengandungi makna berlapis-lapis dengan memiliki sifat-sifat idea atau keunggulannya. Jika dilihat pada pandangan pelopornya pula, Mana Sikana (2013) menjelaskan teori Teksdealisme merupakan usaha menginterpretasi secara analitis dan kritis terhadap sesebuah karya sastera dan kemudian mengangkat karya tersebut ke puncak idealismenya. Bagi Abdul Halim Ali (2013) pula, Teksdealisme dipercayai bahawa setiap pengarang memiliki dinamika kepengarangan yang akan mendorong seseorang pengarang berusaha untuk memajukan diri dengan menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi. Justeru itu, Teksdealisme merupakan sebuah usaha yang berani daripada pengarang dalam melakukan transformasi dalam penulisan serta penyampaian idea melalui karya bagi mencerminkan keunggulan diri mereka supaya dilihat berbeza dengan hasil-hasil penulisan yang lain.

Jelaslah di sini bahawa, teori Teksdealisme telah didefinisikan sebagai teks karya yang mempunyai susunan idea serta pengalaman yang mengandungi kepelbagaian makna dengan disertai sifat-sifat keunggulannya. Malah, keunggulannya beerti teks karyanya mempunyai nilai kualiti yang tinggi di samping memiliki sifat-sifat keunggulan yang tersendiri (Azhar Wahid, 2019). Berdasarkan kepada falsafah teori Teksdealisme yang digagaskan oleh Mana Sikana ini, menyatakan bahawa setiap pengarang mempunyai hasrat untuk meletakkan teks karyanya mencapai suatu tahap keunggulan. Oleh itu, mereka akan berusaha dengan bakat, kebolehan, intelektual dan keterampilannya bagi menghasilkan sebuah karya yang lebih baik daripada apa yang telah dihasilkannya dan mengatasi apa yang diterbitkan oleh pengarang-pengarang lain. Teori teksdealisme ini menyediakan empat

prinsip sebagai panduan untuk mencapai tahap keunggulan. Empat-empat prinsip tersebut adalah kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Prinsip-prinsip ini dijadikan sebagai panduan untuk menganalisis sesebuah karya bagi menentukan tahap keunggulan penghasilan karya dan pengarangnya.



Rajah 3.1 : Prinsip-prinsip Teori Teksdealisme

a.) Prinsip Kehadiran

Prinsip ini merupakan prinsip pertama yang memainkan peranan penting dalam Teksdealisme yang bukan sekadar memberi garis panduan kepada pengarang serta teks yang unggul semata-mata, malah ianya turut menjadi garis panduan bagi menyediakan khalayak yang juga unggul. Muhammad Haji Salleh (2005 : 182) menegaskan bahawa seseorang pengarang tidak mungkin hapus daripada karyanya, malah dia masih terus secara langsung memberi rupa, bentuk serta maknanya, dan juga menentukan sempadan sebenar teksnya. Pandangan ini membuktikan bahawa seseorang pengarang akan berusaha menggunakan kebijaksanaan untuk memilih idea atau sumber bagi menghasilkan sebuah teks yang unggul.

Kehadiran boleh wujud dalam pelbagai unsur. Segala bentuk yang mendatang, masuk atau melintas dalam pemikiran seseorang boleh disifatkan sebagai kehadiran. Ia boleh dalam

bentuk termasuk ilham, bayangan, ingatan ataupun kenangan terhadap masa lampau, daripada kutipan-kutipan pengalaman, pengamatan, penelitian, pengaruh, dan sebagainya. Terdapat dua bentuk kehadiran dalam diri pengarang dan teks (Mana Sikana, 1996 : 97). Bentuk pertama adalah kehadiran itu merupakan satu proses yang berterusan, bermula dari proses pembentukan idea, penulisan, sehinggalah terbentuknya sesebuah teks itu. Kehadiran dalam diri pengarang dapat dikesan melalui lintasan-lintasan idea dalam pemikirannya.

Bentuk yang kedua pula ialah kehadiran pengalaman yang berlaku secara sengaja dan juga tidak sengaja. Kehadiran secara tidak sengaja itu berlaku sebelum pembentukan idea ataupun sebelum proses penulisan teks dilaksanakan. Pengalaman-pengalaman yang hadir dan seterusnya menyebabkan wujud atau timbulnya idea dalam pemikiran pengarang itu bukanlah suatu yang disengajakan. Selain itu, kehadiran secara tidak sengaja juga berlaku semasa dalam proses penulisan teks itu sendiri. Kehadiran secara sengaja pula hanya berlaku setelah terbentuknya idea dalam pemikiran pengarang. Kehadiran diperolehi melalui sumber rujukan yang sengaja dilakukan untuk mendapatkan maklumat berkaitan sesuatu perkara. Sumber rujukan ini boleh bersifat secara langsung ataupun tidak langsung. Rujukan langsung ialah seperti melalui buku-buku, televisyen, radio, pemerhatian, dan sebagainya. Rujukan secara tidak langsung boleh saja berbentuk imbasan-imbasan kembali terhadap pengalaman yang pernah dilaluinya yang selama ini tersimpan di benak fikiranannya, dan dia perlu mengumpulkan segala ingatan tersebut untuk dibentuk menjadi idea sebelum dikongkritkan ke dalam bentuk tulisan. Justeru itu, teori Teksdealisme menuntut agar pengarang mengaut pengalaman sebanyak yang boleh dari pelbagai sumber dan rujukan kerana adanya ilmu, keunggulan pengarang, teks, dan khalayak pembaca itu sendiri dapat dihadirkan.

b.) Prinsip Pelanggaran

Teksdealisme meletakkan prinsip pelanggaran sebagai suatu kaedah untuk menganalisis sesebuah teks karya bagi memperlihatkan sifat-sifat keunggulannya. Bagi mencapai makna baharu penulis akan menaik taraf hasil penulisan serta idea-ideanya ke arah yang lebih kontemporari serta urban iaitu ke arah yang lebih segar daripada pengarang-pengarang lain dan juga hasil karyanya sebelum ini. Sifat-sifat pembaharuan, eksperimental dan pemantapan inilah yang mendukung kelahiran teks-teks moden, pascamodenisme, *avant-gradge* dan sebagainya (Mana Sikana, 2013). Bagi mencapai tahap keunggulan teks, seorang pengarang tidak harus berpuas hati dengan pencapaian terkininya. Penambahbaikan ke atas penghasilan teks harus dilakukan dari masa ke semasa. Oleh itu, untuk mencapai kelainan atau pemaknaan yang baharu, pengarang harus berani untuk menentang kelaziman ataupun yang bersifat tradisi dan konvensi teksnya sendiri. Ini bermakna pengarang itu tidak boleh menyentuh teks pengarang lain. Demikian juga, penghasilan teks itu tidak terhad pada sesuatu idea yang keseluruhannya baharu, malah boleh bertolak daripada teks yang sudah ada, sama ada teks peribadi ataupun teks pengarang lain. Menurut Mana Sikana (1998 : 30) :-

Berdasarkan pada sumber teks yang sedia ada, pengarang berhak untuk mentafsir dan menghadirkannya dalam teks yang hendak ditulisnya. Teksdealisme tidak menolak adanya pengaruh atau pengambilan atau peresapan secara sedar atau tidak, sehingga seseorang itu mampu melahirkan teks yang baru. Seseorang pengarang itu juga berhak untuk melanggar atau menolak apa yang difikirkannya tidak baik daripada teks-teks yang lain bagi pembentukan teks barunya. Sebaliknya, ia juga berhak untuk menambah mana-mana yang perlu. Namun, teks baru haruslah mempunyai suatu sistem dan membentuk maknanya sendiri, yang membezakan dengan mana-mana teks yang telah sedia ada.

(Mana Sikana 1998 : 30)

Dengan itu, proses penulisan seseorang pengarang itu akan sentiasa bertolak dari latar atau apa yang disebut sebagai hipogram, iaitu karya-karya yang sudah ada dan kemudian dilakukan penyesuaian, tafsiran, penambahan mahupun pengurangan dan sebagainya. Sepertimana yang dikemukakan Mana Sikana (1996 : 110), karya sastera adalah wadah yang terhimpun di dalamnya kepelbagaian teks yang akan melahirkan penerimaan atau penentangan di pihak pengarang atau khalayak. Terdapat tiga langkah analisis dalam prinsip pelanggaran ini. Pertama, ialah untuk melihat apa aspek pengekalan dan perubahan yang dilakukan oleh pengarang. Seterusnya, yang kedua ialah bagaimana pelanggaran itu dilakukan, dan ketiga ialah apakah fungsi dan kesannya terhadap pembinaan teks tersebut? Daripadanya, akan ditemukan sejauh mana proses pelanggaran telah berlaku dan dapat dinilai tahap keunggulannya, sama ada pengarang telah berjaya ataupun sebaliknya dalam usaha membawa kesan yang baharu terhadap teks yang sedia ada itu tadi.

c.) Prinsip Pengukuhan

Pengukuhan merupakan usaha pematangan teks oleh seseorang pengarang dalam usahanya untuk menghasilkan teks yang unggul. Ia juga satu lagi usaha bagi menonjolkan jati dirinya sebagai pengarang. Lazimnya, pengarang yang mempunyai kesedaran dan iltizam dalam dunia kepengarangannya akan berusaha untuk melahirkan teks yang lebih baik daripada karya-karya sebelumnya, sama ada karya peribadinya mahupun karya-karya pengarang lain. Tegasnya, pengukuhan ialah usaha pengarang untuk mematang dan menyempurnakan karyanya. Menurut Mana Sikana (1996 : 113) :-

Pengarang yang terlibat, biasanya terdiri daripada orang-orang yang pernah menghasilkan sekurang-kurangnya sebuah karya. Setelah beberapa lama,

mereka dapati karya yang ditulis itu kurang menarik dan kurang mantap. Lebih-lebih lagi jika mereka membandingkan karya tersebut dengan karya pengarang-pengarang lain. Sebagai seorang yang bijak dan mempunyai cita-cita yang tinggi, beliau tidak akan mudah berputus asa jika gagal di awal percubaan beliau, malah dia akan terus berusaha menghasilkan teks yang lebih baik dan mampu bertahan untuk satu jangka masa yang panjang.

(Mana Sikana 1996 : 113)

Teori Teksdealisme menganalisis langkah-langkah yang diambil oleh pengarang seperti yang tergambar dalam teks yang dihasilkan untuk melihat sejauh mana usaha pengukuhan dilakukan. Bagi penulis yang mungkin baru kali pertama berkarya, teori ini cuba mencari aspek pengukuhan sebagai penulis baru. Keunggulan mungkin belum terserlah, tetapi biasanya ciri-ciri keunggulannya sebagai penulis sudah dapat dikesan pada awal karya tersebut. Apabila berhadapan dengan pengarang mapan pula, dalam prinsip pengukuhan ini teori Teksdealisme mencari dan menganalisis unsur-unsur dan mekanisme pengukuhan yang dilakukan oleh pengarang tersebut. Sementara dalam kajian, aspek teksnya pula dibicarakan tentang persoalan di sekitar pengukuhan dan pengembangannya sebagai teks yang mengarah kepada tahap keunggulan. Dari sudut khalayak pula, apabila membaca teks tersebut, pengalaman bacaannya juga akan sentiasa mengalami pengukuhan untuk sampai ke taraf khalayak yang unggul.

d.) Prinsip Individualisme

Prinsip individualisme ataupun keperibadian ini merupakan analisis terakhir dalam teori teksdealisme dan merupakan kemuncak perbincangannya terhadap sesebuah teks atau seseorang pengarang. Menurut Mana Sikana (1998 : 325) :-

Falsafah teori Teksdealisme dalam prinsip keperibadian ini menegaskan bahawa setiap pengarang haruslah berusaha untuk menghasil atau menciptakan sifat keperibadian atau sifat individualisme masing-masing.

(Mana Sikana 1998 : 325)

Setiap pengarang tidak ingin dibayangi oleh pengarang lain walaupun ada tendensi unsur pengaruh kepengarangan individu tertentu itu dapat dikesan dalam karya mereka, terutamanya penulis muda yang menjadikan seseorang pengarang berpengalaman sebagai sumber rujukan atau idolanya. Hal ini mungkin di peringkat awal pembabitan mereka sahaja. Dengan berlalunya waktu, mereka harus cuba mencipta identiti diri mereka sendiri dan keluar daripada kepompong pengaruh itu tadi. Terdapat sesuatu yang cuba mereka bina untuk mencapai kelainan itu dan menjadikan mereka lain daripada pengarang lain, mungkin dari segi gaya bahasa, persoalan, teknik, dan sebagainya. Dalam diri mereka, tersemat hasrat untuk membina jati diri yang tersendiri, keunggulan yang tersendiri dari segi kepengarangan mahupun karya-karya mereka. Pengandaian dasar ini mengharapakan setiap pengarang dan setiap teks yang dihasilkan itu haruslah dilakukan dengan kesungguhan sendiri.

Teori Teksdealisme juga memberi penekanan pada ideologi dalam menentukan keindividualisme pengarang. Dalam konteks ini, Mana Sikana (1996 : 135) mengibaratkannya dengan solat kepada seorang muslim. Tanpa solat, seseorang itu meruntuhkan keislamannya dan tanpa ideologi, pengarang meruntuhkan kepengarangannya. Secara umumnya, dalam prinsip individualisme ini, empat faktor utama (Man Sikana : 324) akan dianalisis iaitu pertama, apakah usaha pengarang untuk mencapai tahap keperibadian atau individualisme. Kedua, Menjelaskan sifat-sifat keperibadiannya. Seterusnya, yang ketiga adalah bagaimana prinsip keperibadian itu dilakukan pengarang, dan akhir sekali yang keempat adalah membicarakan tentang kedudukan atau posisi kepengarangannya.

3.3 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui penyelidikan deskriptif dalam kaedah kepustakaan. Menurut Mohd Majid Konting (2005 : 96), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamatkan menerangkan suatu fenomena yang sedang berlaku untuk meneroka sesuatu bidang yang dikaji. Oleh hal yang demikian, kaedah kepustakaan digunakan dalam kajian kualitatif ini dengan mengumpul maklumat kepengarangan tentang mesej dan tujuan penciptaan merangkumi latar belakang, suasana persekitarannya, pengaruh dan ilmu sastera yang dimiliki dalam penghasilan novel-novel terpilih Ramlee Awang Murshid iaitu *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*.

Oleh hal yang demikian, untuk menyokong kajian ini, aplikasi teori Teksdealisme akan menjadi panduan dalam menganalisis serta mengukuhkan keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* sebagai bahan kajian rintis. Instrumen penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah senarai semak yang digunakan untuk mengenalpasti ciri-ciri dan membuat catatan maklumat berdasarkan prinsip-prinsip teori Teksdealisme yang meliputi prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme.

Sementara itu, data penelitian menggunakan kaedah kepustakaan merangkumi sumber bahan bacaan atau rujukan yang diperolehi dari penelitian tesis, jurnal, buku-buku rujukan dan sumber-sumber yang sesuai dalam internet sebagai kaedah kepustakaan. Sumber data kajian diperolehi melalui sumber primer novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* serta sumber sekunder merangkumi bahan-bahan rujukan seperti tesis, jurnal, buku rujukan dan internet. Pengumpulan data melalui bahan kepustakaan menjadi bahagian yang penting dalam kajian bagi menerima sesuatu pernyataan hasil pengukuran atau pengamatan. Data yang dikumpul dari instrumen kajian akan dianalisis oleh pengkaji dengan

menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Reka bentuk kajian ini tidak memerlukan penggunaan pendekatan statistik sebaliknya memerlukan pengkaji menganalisis teks karya pilihan dari segi sejarah, latar belakang dan kehidupan pengarang mengikut kefahaman dan prinsip dalam teori Teksdealisme melalui prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme.



3.5 KERANGKA KONSEPTUAL

Keupayaan Teksdealisme Dalam Mengangkat Keunggulan Karya-karya Thriller Ramlee Awang Murshid.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid berdasarkan novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* melalui teori Teksdealisme.
2. Menganalisis aspek-aspek keunggulan kepengarangan Ramlee Awang murshid dengan menggunakan teori Teksdealisme.

Teori Teksdealisme

- | | |
|-------------------------|----------------------------|
| a.) Prinsip Kehadiran | c.) Prinsip Pengukuhan |
| b.) Prinsip Pelanggaran | d.) Prinsip Individualisme |

Aspek-aspek Keunggulan Kepengarangan Ramlee Awang Murshid

- | | |
|---------------|----------------|
| • Kehadiran | Pengukuhan |
| • Pelanggaran | Individualisme |

Novel-novel Ramlee Awang Murshid Yang Dipilih

- *Tombiruo : Penunggu Rimba*
- *Ungu Karmila*

RUMUSAN

Rajah 3.2 : Kerangka Konseptual

3.5 Keterangan Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual seperti yang disediakan tersebut, adalah bagi memudahkan lagi pengkaji melihat tentang aspek-aspek keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid. Berdasarkan kepada kerangka konseptual ini, aspek-aspek yang dilihat untuk menilai kepengarangan pengarang yang dipilih adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang ada dalam teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme.

Di samping itu, kerangka ini juga dapat diguna pakai bagi membuat analisis ke atas novel-novel Ramlee Awang Murshid yang terpilih untuk menemui aspek-aspek keunggulan kepengarangan yang telah ditetapkan. Selain itu, berdasarkan kepada kerangka ini, ia juga dapat membantu pengkaji dalam meneliti unsur-unsur dalaman yang terdapat pada teks atau sesebuah karya. Menurut pendapat yang dinyatakan oleh Sapardi Djoko Damono (1978), kita harus memahami konsep karya sastra secara keseluruhan bagi memahami unsur-unsur yang membentuk kepada sesebuah teks tersebut yang merupakan gambaran lengkap tentang masyarakat serta kemanusiaan. Justeru itu, dalam usaha memenuhi kehendak objektif yang telah ditetapkan, pengkaji menggunakan pendekatan Teksdealisme yang mampu menyampaikan prinsip-prinsip keunggulan pengarang dalam berkarya.

3.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab tiga ini telah membincangkan berkenaan dengan metodologi kajian, pendekatan yang digunakan ke atas kajian, penggunaan teori Teksdealisme, reka bentuk kajian, kerangka konseptual dan juga keterangan tentang kerangka konseptual tersebut yang akan dijadikan sebagai salah satu asas bagi menganalisis teks kajian terpilih dalam

mencapai objektif kajian. Metodologi kajian yang telah diperincikan melalui bab ketiga ini diteliti bagi mendapatkan hasil dan dapatan kajian yang memenuhi kehendak pengkaji yang telah ditetapkan melalui objektif kajian ini.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab keempat ini membincangkan dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan pendekatan yang dijalankan. Analisis ini dijalankan secara deskriptif dengan berdasarkan teori Teksdealisme bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan dan setiap persoalan yang telah dirangka sebelum kajian ini dilaksanakan. Setiap perkara yang dinyatakan dalam dapatan kajian ini, diperjelaskan melalui keempat-empat prinsip teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme bagi memperlihatkan keupayaan Teksdealisme ini dalam mengangkat keunggulan karya-karya *Thriller* Ramlee Awang Murshid melalui novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*. Melalui prinsip-prinsip tersebut, ianya dapat merungkai unsur-unsur yang digunakan dalam kepengarangan Ramlee Awang Murshid dan meletakkan dirinya sebagai penulis yang unggul serta berbeza daripada pengarang lain dalam kacamata sastera tanah air. Menurut Mana Sikana (2015:3) dalam pandangan teori Teksdealisme, setiap pengarang haruslah berusaha untuk menemukan atau mencari peribadi masing-masing dalam berkarya (Rosmizi Mahamad). Oleh hal yang demikian, kepengarangan Ramlee Awang Murshid akan diteliti bukan sahaja melalui kedua-dua novel terpilihnya, malah menemukan peribadi dan identitinya terhadap karya yang dianalisis melalui empat prinsip teori Teksdealisme.

4.1 Aspek-aspek Keunggulan Kepengarangan Ramlee Awang Murshid

Aspek keunggulan kepengarangan menerusi novel *thriller* dalam *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* karya Ramlee Awang Murshid telah dibukti dan dirungkaikan melalui analisis empat prinsip yang mendukung teori Teksdealisme ini. Empat prinsip tersebut adalah prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme yang akan menjawab setiap objektif dan persoalan yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Kempat-empat prinsip teori ini diaplikasikan bagi membuktikan aspek yang telah membina keunggulan di samping melihat kesungguhan Ramlee Awang Murshid dalam menghasilkan kedua-dua buah novel ini. Di samping itu, Abdul Halim Ali (2015:185) menyatakan bahawa keunggulan teks tidaklah menjadi matlamat tunggal yang dicari dalam teori ini, sebaliknya perjalanan ke arah mencapainya juga memerlukan daya usaha yang kuat, berani, hebat, dan luar biasa oleh pengarangnya. Justeru itu, segala perjalanan dan usaha yang ditonjolkan oleh Ramlee Awang Murshid perlu diteliti secara mendalam agar dapat membuktikan keunggulannya serta menjadi salah satu ikon kepengarangan yang unggul di mata masyarakat serta dunia sastera bagi tanah air kita.

4.1.1 Prinsip Kehadiran

Prinsip kehadiran menjadi peringkat terawal bagi proses menentukan keunggulan kepengarangan seseorang pengarang. Teori Teksdealisme pada peringkat kehadiran mempersoalkan tentang perkara apakah yang dihadirkan, disertai tujuannya serta kesan kehadiran bagi perkara tersebut kepada diri pengarang dan karya yang dihasilkannya. Sumber idea dan pengalaman merupakan kepentingan utama dalam prinsip ini, kerana ianya menjadi pendorong bagi seseorang penulis dalam mewujudkan sebuah karya yang unggul, di samping berjaya membentuk jati diri serta keperibadian mereka. Perkara ini telah ditegaskan oleh

Mana Sikana (2006:101) tentang prinsip kehadiran yang memperlihatkan cara pengarang memilih dan mengangkat bahan-bahan daripada idea serta pengalaman. Oleh hal yang demikian, prinsip ini mementingkan idea dan pengalaman yang lahir dalam diri seorang pengarang sebagai faktor dalam mempengaruhi daya kreativitinya. Idea dan pengalaman tersebut dilalui sendiri oleh pengarang melalui kehidupan sehariannya menerusi bentuk pemikiran yang tidak terbatas dengan sumber rujukannya.

Idea serta pengalaman yang hadir dalam diri seseorang pengarang dianggap sebagai sumber dan rujukan yang akan mengembang dan mematangkan untuk diterjemahkan dalam bentuk karya yang dihasilkannya. Bagi Mana Sikana (1996:102), prinsip kehadiran menuntut pengarang dan khalayak mengumpul serta mengaut pengalaman seluas dan sebanyak yang mungkin dari pelbagai sumber rujukan, kerana perkara tersebutlah yang akan mempengaruhi daya kreativiti seseorang. Oleh hal yang demikian, melalui sumber yang diperolehi itulah yang akan membantu pengarang dalam menghasilkan teks yang unggul atas kesediaan membuat pilihan terbaik yang dikumpul sebagai sumber dan rujukannya. Seterusnya, peristiwa penting dalam kehidupan seharian menjadi sebuah pengalaman yang bermakna sebagai sumber dan rujukan utama dalam proses kehadiran bagi sesebuah teks yang unggul. Peristiwa tersebut diperolehi daripada pelbagai sudut, sama ada melalui pengamatan, pendengaran, pengembaran mahupun penyelidikan bagi seseorang pengarang. Pemilihan bagi proses kehadiran ditegaskan oleh Mana Sikana (1996:108) dengan kehadiran pengalaman tersebut menuntut proses penyaringan serta kesepaduan agar dapat mencapai keseimbangan dari segi isi, teknik, bentuk dan nilai estetikanya.

Dapatan kajian yang dianalisis terhadap novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* menerusi prinsip kehadiran ini dilihat dari tiga perspektif utama, iaitu kehadiran fakta-fakta dan sumbernya, bagaimana fakta tersebut hadir dan peranan serta fungsinya kepada khalayak pembaca. Analisis tersebut telah membuktikan kepengarangan Ramlee

Awang Murshid dalam menghasilkan kedua-dua novel tersebut berdasarkan sumber-sumber pengalaman yang diperolehi seiring dengan kebijaksanaan serta keintelektualannya sebagai seorang pengarang yang berpengalaman di samping kreativiti dalam mempersembahkan idea-idea penulisannya. Sumber-sumber pengalaman Ramlee Awang Murshid merupakan sebuah proses kehadiran yang berterusan selain faktor persekitaran seperti peristiwa sejarah, pengalaman perkhidmatan dan pengalaman hidup bermasyarakat atau sosiobudaya yang turut memberi implikasi penting dalam mempengaruhi diri pengarang.

Pengalaman terhadap sesebuah peristiwa sangat penting dalam proses kehadiran bagi kepengarangan Ramlee Awang Murshid yang merupakan idea atau sumber awal bagi mengolah dan menghasilkan karya yang unggul. Menurut Abdul Halim (2013:119), kehadiran peristiwa serta pengalaman dapat dianggap sebagai kemasukan idea awal, bukan lagi sebagai idea untuk menghasilkan karya. Oleh itu, melalui idea awal tersebut telah banyak membantu dan mendorong Ramlee Awang Murshid dalam menghasilkan novel berentak *thriller* iaitu *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* yang menyerap unsur-unsur kehadiran pengalamannya. Antara unsur kehadiran yang jelas terdapat pada Ramlee Awang Murshid ialah tentang pengalaman dalam kehidupan bermasyarakat, pendidikan, pekerjaan serta perkhidmatan, pembaca yang meluas, ketokohan yang dimiliki, kajian dan penyelidikan serta pembelajaran ilmu sama ada secara formal ataupun tidak formal.

Berdasarkan pengalaman yang diperolehi Ramlee Awang Murshid ini, ianya telah membolehkan beliau bergerak dengan keintelektualan yang dimiliki untuk meningkatkan kesedaran terhadap proses kehadiran bagi melanggar kovensi sastera sedia ada demi menghasilkan teks yang berkualiti dan unggul (Rosmizi Mohammad : 2021). Ramlee Awang Murshid mendapat maklumat untuk mengumpul idea-idea dalam penulisannya bukan sahaja diperolehi dari pengalaman semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh penerokaan serta pengembaraannya ke beberapa buah negeri yang ada dalam Malaysia, peristiwa-peristiwa

sejarah yang dilalui dan perkhidmatan yang pernah dipelopori oleh beliau. Proses kehadiran pengalaman berdasarkan pengembaraan, peristiwa sejarah dan perkhidmatan jelas terkandung dalam novel thrillernya *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* ini telah mendorong Ramlee Awang Murshid menghasilkan karya-karya thriller beliau yang turut melambangkan pengalaman sebagai maklumat dan idea utama dalam proses kreativitinya.

Setelah diteliti terhadap bentuk kehadiran bagi kedua-dua buah novel yang dikaji ini, maka kehadiran untuk kepengarangan Ramlee Awang Murshid boleh dibahagikan kepada kehadiran pengalaman melalui kehidupan masyarakat dan pengalaman melalui pengembaraan yang beliau perolehi. Oleh hal yang demikian, melalui dua bentuk kehadiran dan segala dapatan akan dibahaskan pada bahagian perbincangan kajian ini serta berakhir dengan kesimpulan bagi menjelaskan aspek-aspek keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid berdasarkan novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* dengan menggunakan Teori Teksdealisme ini.

4.1.2 Prinsip Pelanggaran

Prinsip kehadiran telah dijelaskan dengan terperinci dalam bab tiga melalui Teori Teksdealisme yang merujuk kepada usaha serta langkah pengarang mencipta dan melakukan pembaharuan atau transformasi terhadap penulisan yang berbeza dengan penulisan sebelumnya. Prinsip ini diyakini bahawa sesebuah teks akan mencapai tahap keunggulan melalui tiga bentuk pelanggaran, sama ada pelanggaran terhadap konvensi teks itu sendiri yang dihasilkan sebelum ini, pelanggaran konvensi terhadap struktur dan bentuk penulisan teks serta ketiga sama ada pelanggaran konvensi terhadap pengarang dengan pengarang yang lain. Bagi pelopor Teori Teksdealisme Mana Sikana (2006:114) menegaskan bahawa pelanggaran adalah proses ciptaan karya dinamik bagi menemukan transformasi dalam

sesebuah pengkaryaan serta sebagai satu kaedah bagi menganalisis sesebuah karya dengan menampilkan sifat-sifat keunggulannya.

Prinsip ini jelas menampilkan sifat keunggulan sesebuah karya yang telah melalui fasa transformasi daripada karya-karya sedia ada dan sebelumnya. Prinsip ini dicetuskan bertujuan untuk menampilkan kesedaran dan keinginan setiap pengarang dalam mencipta dan menghasilkan sebuah karya yang benar-benar memiliki sifat kepengarangannya. Justeru, kunci bagi seseorang pengarang yang cuba menampilkan keunggulan karya dan keunggulan kepengarangannya adalah dengan sifat keinginan bagi mentransformasikan serta menambahbaik terhadap segala bentuk dan sudut karya mereka. Perkara ini turut ditegaskan oleh Abdul Halim (2015:184) bahawa pelanggaran telah memberi ruang kepada penagarang untuk melakukan penambahbaikan serta pembaharuan terhadap teks dan kepengarangannya. Oleh hal yang demikian, seseorang pengarang yang ingin mencapai taraf keunggulan akan berusaha dengan keberanian dan keintelektualan mereka bagi melakukan proses pelanggaran terhadap eksperimen karya-karya baharu mereka.

Dapatan kajian dalam prinsip pelanggaran dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* dapat dikukuhkan melalui tiga persoalan sebagai hasrat membuktikan keunggulan kedua-dua novel berkenaan. Persoalan pertama merujuk kepada aspek pengejalan dan transformasi dalam kedua-dua teks tersebut. Berikutnya, turut membuktikan langkah prinsip ini dilakukan oleh pengarang dan akhirnya memperlihatkan peranan serta impak terhadap pembinaan teks tersebut. Langkah analisis tersebut membuktikan kepengarangan Ramlee Awang Murshid menghasilkan kedua-dua novel terpilih ini adalah berdasarkan kepada keberanian beliau dalam melakukan transformasi dan keintelektualannya dalam menampilkan teks yang unggul. Prinsip pelanggaran yang dilakukan Ramlee Awang Murshid mendorong ke arah keberaniannya melakukan transformasi yakni perubahan

terhadap struktur intrinsit dan ekstrinsit karya tersebut yang menampilkan perubahan berbanding karya-karya sebelumnya.

Sifat keberanian dan keintelektualan untuk melakukan transformasi terhadap penulisan Ramlee Awang Murshid telah mencetuskan idea serta keyakinan beliau bagi menghasilkan kedua-dua karya yang unggul ini. Keberanian yang dimaksudkan adalah apabila beliau berani mengubah konvensi sastera sebelumnya melalui pelanggaran struktur dalam kedua-dua novel ini yang mempunyai makna berlapis-lapis untuk difahami dan dikaji oleh pembaca. Antara unsur pelanggaran yang jelas membuktikan keberanian Ramlee Awang Murshid adalah berkaitan dengan pelanggaran tema dan persoalan, pelanggaran dari segi watak dan perwatakan, serta pelanggaran teknik.

4.1.3 Prinsip Pengukuhan

Pengukuhan merupakan satu lagi usaha pengarang ke arah penyempurnaan jati diri dan bentuk kepengarangannya termasuklah Ramlee Awang Murshid yang berusaha sedaya-upaya mempertingkatkan hasil kualiti dan bentuk kepengarangannya agar tampil lebih unggul. Bagi mencapai hasrat tersebut, Ramlee Awang Murshid telah membaiki karya yang dihasilkan dengan menjadikan ukuran atau mekanisme penambahbaikan terhadap karya sebelumnya atau menjadikan karya orang lain sebagai ukuran untuk menambah-baik terhadap penyempurnaan idealisme terhadap novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*. Tegas Mana Sikana (2015:29) sesungguhnya untuk sampai ke taraf idealisme individualistik dan pengarang individual, ia memerlukan usaha pengukuhan daripada sebuah teks ke sebuah teks yang lain, melalui prasarana *individual-style*, *individual-self* dan *individual action*. Oleh hal yang demikian, Ramlee Awang Murshid memerlukan kebijaksanaannya untuk kedua-dua teks yang dikaji.

Ramlee Awang Murshid antara pengarang yang cuba membina sesuatu pembaharuan atau kelainan dalam bentuk kepengarangannya setelah mendapat penambahbaikan daripada hasil karya sebelumnya serta hasil karya pengarang yang lain. Hal ini dapat dilihat menerusi penghasilan novel-novel *thriller* yang dihasilkannya. Ramlee Awang Murshid membawa unsur surealisme atau realisme yang memperlihatkan sesuatu berunsurkan kehidupan realiti berlandaskan pascamodenisme ekoran pelanggaran dan pengukuhan yang dilakukan menampilkan dinamika tersendiri. Dalam erti kata lain, Ramlee Awang Murshid membina teks berdasarkan dinamikanya sendiri terhadap kelemahan karya sedia ada dan membina proses karya yang unggul. Usaha ini turut dilakukan serentak dengan kehendak dan cita-cita Ramlee Awang Murshid bagi menghasilkan karya yang luar biasa dan tampil unggul.

Dalam prinsip ini, tiga perkara yang dapat membuktikan tahap pengukuhan kepengarangan Ramlee Awang Murshid dalam menghasilkan novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* adalah dilihat melalui usaha pengukuhan yang beliau laksanakan, bagaimana pengukuhan dilakukan oleh Ramlee Awang Murshid? dan apakah fungsi atau implikasi terhadap pengukuhan yang dilakukan dapat memberi kesan kepada masyarakat? Justeru itu, melalui persoalan yang dikemukakan dapat dijadikan garis panduan mengukur nilai-nilai keunggulan yang terdapat dalam kedua-dua novel terpilih ini. Hasil dapatan kajian dari aspek kehadiran dan pelanggaran sebelum ini telah menemui bukti jelas keunggulan karya *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* melalui unsur yang telah mengungguli kedua-dua teks berkenaan.

Demikian juga, prinsip pengukuhan yang akan diteliti segala aspek yang telah mempengaruhi bentuk kepengarangan Ramlee Awang Murshid dalam mencapai tahap unggul. Sebagai seorang pengarang yang berpengalaman, Ramlee Awang Murshid tidak dapat lari daripada menggunakan cara penyelidikan terhadap karya sebelumnya sebagai usaha penambahbaikan dalam proses pengukuhan. Secara dasarnya, Ramlee Awang Murshid akan

mencari kelemahan dan kekuatan bagi menghasilkan karya yang benar-benar berkualiti selain turut membandingkan karya pengarang lain sebagai ukuran bagi tahap keunggulan karyanya. Justeru, mana-mana bentuk, makna, idea dan ideologi yang bertentangan dengan kehendak kepengarangan Ramlee Awang Murshid akan ditolak dan diperbaiki dengan bentuk, idea serta ideologi yang sesuai.

Menurut Mana Sikana (1998:324) menyatakan bahawa usaha pengukuhan yang dilakukan oleh setiap pengarang adalah berbeza antara satu sama lain tetapi mempunyai matlamat yang sama iaitu ke arah menghasilkan karya yang unggul. Maka, perbezaan inilah yang menjadikan Ramlee Awang Murshid sebagai pengarang yang unggul melalui novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* yang menampilkan idea serta ideologi yang surrealisme dan realisme. Lebih istimewa lagi apabila idea dan ideologi kedua-dua novel ini disampaikan dalam gaya yang sarat dengan perlambangan dan penuh makna hingga memaksa pembaca mengaitkannya dengan dunia sebenar bagi memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan. Bagi membuktikan idea dan ideologi realisme dijadikan sebagai tahap pengukuhan dan pematapan dalam kedua-dua novel ini, maka pengukuhan dari segi nilai murni akan dilihat sebagai teras pengukuhan utama penciptaan novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*.

4.1.4 Prinsip Individualisme

Prinsip individualisme turut dijelaskan dengan terperinci dalam bab ketiga melalui Teori Teksdealisme yang merupakan sebahagian proses penerokaan, pematangan dan penyempurnaan hasil karya seseorang pengarang bagi memperlihatkan keunggulan kepengarangannya. Prinsip ini memerlukan keintelektualan pengarang berdasarkan empat kriteria iaitu sudut subjektiviti, stail individu, rekacipta individu, kendirian dan tindakan

individu demi mencapai tahap yang unggul. Mana Sikana (2006:141) menegaskan bahawa prinsip individualisme merupakan usaha untuk menghasilkan teks-teks yang idealistik atau unggul. Oleh hal yang demikian, demi memiliki tahap keunggulan maka pengarang akan membawakan sesuatu pembaharuan terhadap proses kepengarangannya melalui empat kriteria yang mendukung individualiti pengarang.

Prinsip ini dipengaruhi oleh keinginan pengarang untuk membentuk keperibadian dalam setiap kepengarangannya. Perkara ini turut didorong oleh kehendak pengarang yang berhasrat untuk membina identiti dalam setiap karyanya, mahupun dari sudut personalitinya. Setiap pengarang akan berusaha sedaya upaya untuk memanfaatkan bentuk pengkaryanya tanpa merugikan dirinya dan juga pembaca selain bertujuan menguntungkan kedua-dua belah pihak. Malah, melalui individualisme ini membolehkan kehendak, keinginan dan suara batin pengarang didengari melalui karyanya. Justeru, pengarang akan mencari suatu bentuk pembaharuan baharu atau mencari kelainan bagi meletakkan karyanya agar berbeza, unik dan berfungsi dengan sebaik mungkin daripada karya atau pengarang yang lain.

Turut menjadi keperluan utama pengarang bagi meletakkan individualitinya ke tahap unggul adalah dengan memastikan setiap karya adalah dicita-citakan agar dapat didengari, dikahi dan menjadi topik perbualan utama oleh pengkaji dan pembaca. Maka, melalui hasrat dan cita-cita tersebut, membolehkan pengarang mencapai kejayaan dan kelainan terhadap bentuk kepengarangannya. Hal ini berikutan kerana, tidak semua pengarang berjaya menjadikan sesebuah karyanya mendapat perhatian daripada para pengkaji dan pembaca melainkan pengarang yang benar-benar berjaya membentuk identiti tersendiri damada dari sudut keperibadian, bentuk atau gaya, malah dari sudut stalistiknya. Oleh itu, bagi mencapai tahap individualisme, seseorang pengarang perlu bijak menggunakan kelebihan, intelektual dan strategi bagi menampilkan ciri-ciri keperibadiannya serta mengambil peluang dan langkah menjadikan teks dan diri dalam tahap kepengarangan yang unggul.

Bukan sekadar itu sahaja, prinsip ini juga memerlukan keberanian seseorang pengarang melakukan perubahan atau transformasi demi mengubah konvensi tradisi kepengarangan sebelumnya. Beberapa pengarang telah menempa nama dengan menampilkan transformasi dalam bentuk gaya bahasa. Begitu juga dengan pengarang yang membawa transformasi dengan membangkitkan isu-isu kontroversi atau isu-isu hangat, bagi mencapai populariti hingga diiktiraf, dikenali dan menjadi kegemaran buat para pembaca dan pengkaji. Oleh hal yang demikian, melalui prinsip ini, dapat memberi peluang kepada pengarang dalam usaha mengangkat karya dan kepengarangannya di takhta unggul seterusnya menjadi satu titik garis panduan buat pengarang yang lain untuk berusaha mencari individualiti tersendiri.

Ramlee Awang Murshid merupakan salah seorang pengarang dan pelopor sastera tanah air yang tidak lekang dari membentuk individualiti terhadap penulisannya. Tidak hairan juga beberapa pelopor sastera yang membawa pelbagai aliran atau pegangan tertentu dalam berkarya seperti aliran realisme, surrealisme, realisme-magis, romantisme dan sebagainya bagi mendorong ke arah individualiti yang berjaya dalam pengkaryaan. Oleh itu, demi membentuk individualiti dalam kepengarangannya, Ramlee Awang Murshid berpegang kepada aliran realisme-magis yang menggambarkan sesuatu berdasarkan keseluruhan kenyataan yang dicampurkan dengan unsur-unsur magis atau imaginasi yang tinggi. Justeru itu, stailistik dan persembahan novel menjadi teras utama terhadap Ramlee Awang Murshid dalam menghasilkan novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* ini. Landasan ini telah membentuk individualiti terhadap hasil karyanya yang banyak memberi kepuasan terhadap diri serta memberi impak besar terhadap dunia kepengarangan tanah air yang unggul.

4.2 Analisis Aspek-aspek Keunggulan Kepengarangan Ramlee Awang Murshid Ke Atas Novel *Tombiruo : Penunggu Rimba Dan Ungu Karmila*

Pendekatan Teori Teksdealisme yang dijana oleh Mana Sikana ini, digunakan dalam menganalisis kajian yang dipilih. Teori Teksdealisme yang dipilih dalam kajian ini penting bagi membuktikan keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid dalam menganalisis novel *Tombiruo : Penunggu Rimba dan Ungu Karmila* bagi mencapai objektif serta kepentingan kajian yang telah ditetapkan. Mana Sikana (2004) menegaskan bahawa Teksdealisme ialah usaha menginterpretasi secara analitis dan kritis sesebuah karya sastera dan kemudian mengangkat karya tersebut ke puncak idealismenya

Melalui kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah dapat mengenal pasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid melalui empat prinsip yang menjadi tunjang kepada Teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Keempat-empat prinsip yang ada dalam Teksdealisme akan menampilkan keunggulan kepada pengarang, karya yang dihasilkan dan khalayak yang dapat meneroka, mengapresiasi serta menilai sesebuah karya mahupun pengarang (Rosmizi Mahamad : 2020). Prinsip-prinsip Teori Teksdealisme diaplikasikan bagi membuktikan aspek yang membina keunggulan serta melihat kesungguhan Ramlee Awang Murshid menghasilkan kedua-dua novel ini. Malah, bagi Abdul Halim Ali (2015 : 185) menyatakan bahawa keunggulan teks tidaklah menjadi matlamat tunggal yang dicari dalam teori ini, sebaliknya perjalanan ke arah mencapainya juga memerlukan daya usaha yang kuat, berani, hebat dan luar biasa oleh pengarangnya. Justeru itu, setiap perjalanan dan usaha yang ditunjukkan oleh Ramlee Awang Murshid perlu diteliti dengan lebih mendalam supaya dapat membuktikan keunggulan serta menjadi seorang ikon kepengarangan yang unggul di mata masyarakat serta dunia sastera tanah air.

Kajian yang dijalankan ini dilihat penting bagi memahami proses kepengarangan penulis yang dapat dijadikan panduan kepada penulis yang lain dan baharu dalam meletakkan karya di tahap yang unggul. Selain itu, kajian ini juga membolehkan para pembaca memilih karya-karya yang unggul serta bermutu sebagai salah satu bahan bacaan ilmiah untuk pembentukan dan pembangunan masyarakat. Demikian juga, dapat memberi dorongan kepada pengarang untuk berusaha mempertingkatkan hasil karya demi mencapai sebuah karya demi mencapai sebuah karya yang benar-benar unggul. Keempat-empat prinsip Teori Teksdealisme secara khusus telah memberi nafas baharu terhadap sumber dan idea penulisan sesebuah karya sastera yang mementingkan idealisme serta keunggulan. Hasil pengenalpastian bagi aspek-aspek keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid dengan berlandaskan Teori Teksdealisme ini, telah berjaya diaplikasikan ke atas kajian dalam menganalisis aspek-aspek tersebut terhadap novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*.

4.2.1 Prinsip Kehadiran

4.2.1.1 Kehadiran Pengalaman Melalui Kehidupan Masyarakat

Setiap karya yang dihasilkan oleh setiap orang yang bergelar pengarang termasuklah Ramlee Awang Murshid, sememangnya tidak dapat dipisahkan daripada memberi gambaran tentang kehidupan sesebuah masyarakatnya. Masyarakat merupakan kumpulan manusia atau entiti yang hidup bersama dan saling memerlukan antara satu sama lain. Melalui kajian Ghazali Din (2016:237) menyebutkan bahawa naluri kemasyarakatan seseorang pengarang ditafsirkan sebagai keinginan pengarang menyampaikan segala pengalaman atau pengamatan yang akan dilihatnya tentang perlakuan masyarakat yang tidak boleh dipisahkan dengan idea pencipta pengarang. Oleh hal yang demikian, bentuk kehadiran pengarang dalam sesebuah masyarakat

diibaratkan sebagai satu hikmah bagi memperoleh idea dan sumber dalam proses penciptaan karya. Pengarang akan mencatat dan menitik beratkan segala perihal masyarakat yang dilihat, dirasai dan kehidupan yang dialaminya dengan kebolehan serta keistimewaan pancaindera untuk mempersembahkan dalam bentuk karya (Rosmizi Mahamad, Jilid 11 No.1 : 2021). Menerusi pengalaman yang diperolehi dalam kalangan masyarakat inilah yang telah membolehkan Ramlee Awang Murshid memperoleh idea serta sumber sokongan dalam menghidupkan jalan penceritaan dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba dan Ungu Karmila*.

Jika diteliti, kedua-dua novel tersebut bertema dan berpusatkan kepada kemasyarakatan yang relevan untuk dijadikan panduan bagi setiap generasi yang hidup secara bermasyarakat. Hal ini demikian kerana, novel *Tombiruo : Penunggu Rimba dan Ungu Karmila* ini menyentuh norma kehidupan masyarakat Orang Asli yang begitu cintakan alam semula jadi dengan bersungguh-sungguh mempertahankannya daripada dikhianati oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Demikian yang dikatakan peranan karya sastera yang mempamerkan kehidupan dan hal-hal kemasyarakatan. Menurut Ani Omar (2015:17) hasil seni kesusasteraan ini mampu menggambarkan permukaan dari kehidupan-kehidupan sosial, menunjukkan cara manusia mengalami kehidupan bermasyarakat melalui penyair, pengarang mahupun penulis. Menyedari hakikat ini, pengarang seperti Ramlee Awang Murshid menjadikan bentuk kehadiran pengalaman masyarakat yang pernah dilalui secara sedar sebagai satu bentuk karya cerminan masyarakat atau menjadi bayangan kehidupan sosial sesebuah masyarakat. Berdasarkan pengalaman hidup bermasyarakat di sesebuah penempatan membolehkan Ramlee Awang Murshid memperoleh idea serta sumber bagi menyampaikan mesej dan menonjolkan realiti kehidupan sosial sesebuah masyarakat setempat dengan gambaran yang nyata dan jelas.

Pondolou mengusap rambut anaknya Ejim. Jari-jemari yang kasar terus membelai sambil menumpahkan harapan menerusi isyarat bisu. Pondolou mengerti bahawa suatu hari kelak, dia pasti akan pergi meninggalkan Ejim di hutan ini. Ejim, anaknya yang bukan berwajah manusia itu terus mencerunkan pandangan tanpa menghiraukan kebimbangan Pondolou. “Ejim... anakku! Seluruh hutan ni adalah rumah dan syurgamu.” Pondolou mula bersuara.

(*Tombiruo : Penunggu Rimba*, 2017: 3)

Merujuk petikan di atas, yang berpusatkan kepada kemasyarakatan dalam aspek kekeluargaan yang dapat dikenalpasti menerusi permulaan kata pengantar sebelum fasal-fasal adalah melalui peristiwa Pondolou duduk berbual bersama anaknya iaitu Ejim (*Tombiruo*). Demikian kehidupan masyarakat yang digambarkan dalam bab permulaan novel yang menggambarkan imej kehidupan masyarakatnya yang menjadikan hutan sebagai tempat tinggal mereka. Melalui petikan tersebut juga, pengkaji dapat melihat norma kehidupan masyarakat Orang Asli yang cuba dibawa oleh Ramlee Awang Murshid terhadap novel ini. Pengarang turut menggambarkan betapa pentingnya sebuah hutan terhadap golongan yang membesar serta menghabiskan sisa hidup mereka di situ. Selain itu, norma kehidupan masyarakat Orang Asli serta mereka yang cintakan alam semula jadi ini juga turut digambarkan oleh Ramlee Awang Murshid dalam novel *Ungu Karmila*.

“Kami sudah lama mengenali pokok dan hutan, Tuan Arif. ‘Mereka’ semacam bernyawa seperti kita. Hutan ini punyai semangat. Cubalah tuan patuhi pantang larangnya, jangan sampai tuan buat semangat hutan marah. Semangat hutan jangan nak pandang remeh, Tuan Arif.” Tok Batin menasihati Arif. Dia tidak mahu hutan yang selama ini tersergam indah menjadi kucar-kacir kerana perbuatan orang luar.

(*Ungu Karmila*, 2018: 38)

Petikan di atas merupakan perbualan yang berbaur nasihat daripada Tok Batin kepada Arif. Tok Batin merupakan ketua kampung bagi masyarakat orang asli di perkampungan yang berdekatan. Lelaki itu menyampaikan nasihat tersebut setelah Arif menyatakan hasratnya untuk masuk ke dalam hutan dan meneroka sumber-sumber hutan yang dapat dijadikan tanaman baru dalam kajiannya. Tok Batin yang begitu rapat dengan alam tidak mahu keindahan hutan yang selama ini elok terjaga, diganggu oleh tangan-tangan manusia yang tidak bertanggungjawab. Oleh hal yang demikian, dia menggunakan perlambangan 'semangat hutan' bagi memberi peringatan kepada Arif. Hal ini adalah untuk menakutkan Arif daripada melanggar pantang larang yang telah ditetapkan. Situasi ini telah menggambarkan norma kehidupan masyarakat orang asli yang begitu menjaga dan menyayangi alam. Mereka tidak mahu hutan yang menjadi tempat mereka mencari sumber rezeki diceroboh dengan sewenang-wenangnya oleh orang luar. Pendekatan yang dilakukan oleh Ramlee Awang Murshid ini telah menojolkan bahawa pengalaman hidup masyarakat yang beliau perolehi sepanjang berkhidmat di negeri Sabah sebagai sebuah pengalaman yang amat berguna, kerana dapat mewujudkan sumber kehadiran dalam karyanya.

4.2.1.2 Kehadiran Pengalaman Melalui Pengembaraan

Prinsip kehadiran yang berkaitan dengan pengalaman pengembaraan sering berkait rapat dengan teks yang pengarang hasilkan. Hal ini kerana, proses kehadiran ini berlaku dalam pemikiran seseorang pengarang yang akan dicerna, disusun, dikarang dan kemudian diciptakan dalam sebuah teks yang indah, menarik dan unggul untuk dibaca oleh khalayak (Rosmizi Mahamad, 2021). Bahkan, menurut Mana Sikana (2006:110) kehadiran merupakan koda utama yang membimbing khalayak ke arah menjadikan pembaca yang unggul. Berikutan ini, Ramlee Awang Murshid menjadikan pengalaman pengembaraan beliau

sewaktu berkhidmat sebagai wartawan selama lebih 20 tahun, sebagai salah satu bentuk kehadiran penting dalam proses pemikirannya menghasilkan teks yang unggul. Beliau boleh dikatakan telah menjelajah ke setiap penjuru yang ada di Malaysia bagi menemukan latar tempat yang sesuai untuk diterapkan dalam karya-karyanya. Bagi Muhammad Haji Salleh dalam kajian Ghazali Din (2016:156) mengembara adalah proses mencari dan mengumpul maklumat sebagai satu kaedah meneroka dan mencetuskan idea baru dalam menghasilkan karya. Oleh hal yang demikian, beberapa negeri yang pernah dilawati, dijadikan sumber utama dalam menggabungkan idea bagi penghasilan novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*. Bukan itu sahaja, pengalaman ini disatukan dalam penceritaannya sebagai bentuk pengembaraan atau perjalanan yang menggambarkan pembaca seolah-olah berada dalam situasi bagi tempat-tempat yang pernah pengarang lawati.

Pengalaman yang diperoleh semasa pengembaraan ke setiap tempat dilihat sebagai pengalaman memori oleh individu yang gemar melancong dan merakam foto-foto semasa berada di dalam mahupun luar negara. Hakikatnya, pengalaman ini lebih berharga dan bermakna buat pengarang seperti Ramlee Awang Murshid yang bijak dan kreatif menjadikan pengalaman ini sebagai sumber idea untuk kehadiran penulisan pengarang. Oleh hal yang demikian, Ramlee Awang Murshid menghadirkan pengalaman dengan meletakkan pelbagai latar tempat dengan mesej serta persoalan kemanusiaan tanpa batas geografi. Melalui pengembaraan, beliau juga dapat mewujudkan latar tempat utama dalam karya-karyanya. Novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* misalnya, ditulis sewaktu Ramlee Awang Murshid berkhidmat di Sabah iaitu bertugas sebagai penulis skrip drama di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Justeru itu, novel ini telah menjadikan latar tempat negeri Sabah sebagai latar tempat utama.

Matahari semakin tenggelam di ufuk barat. Biasan cahaya sudah melepasi Garisan Khatulistiwa di Hutan Keningau. Seorang tua dan seorang kanak-kanak berumur sepuluh tahun berdiri menghadap ke barat sambil menikmati suasana senja yang berganjak turun dari paksi melintang ufuk timur.

(*Tombiruo : Penunggu Rimba*, 2017: 3)

Petikan tersebut menunjukkan berkaitan dengan latar tempat yang terdapat dalam novel ini iaitu Keningau, Sabah. Pengalaman pengembaraan Ramlee Awang Murshid sepanjang berkhidmat di negeri Sabah telah mencetuskan sumber serta idea untuk menonjolkan kehidupan dan budaya masyarakat yang tinggal di sana. Kewujudan tempat ini digambarkan secara jelas dan mampu diamati oleh pembaca apabila ianya sering disebut oleh pengarang. Pengalaman beliau di Sabah selama beberapa tahun membolehkan beliau mempelajari dan menikmati budaya masyarakat terutamanya masyarakat Orang Asli negeri tersebut, sekaligus menetuskan idea dan sumber menghasilkan novel ini yang memaparkan isu semasa mengenai pembalakan haram yang dilakukan secara meluas.

Kawasan tanah perkuburan orang-orang Islam Pekan Keningau tetap diselubungi sunyi seperti hari-hari kelmarin. Di atas tikar mengkuang, Bonda bersama anaknya Baizura, menantunya Amiruddin dan dua orang cucunya Amirul dan Hidayah duduk menghadap kubur Allahyarham Tuan Berham dan Salina.

(*Tombiruo : Penunggu Rimba*, 2017: 92)

Selain itu, petikan di atas jelas menunjukkan bahawa Ramlee Awang Murshid menjadikan Keningau, Sabah sebagai latar tempat utama dan budaya dalam menghasilkan keseluruhan novel *Tombiruo : Penunggu Rimba*. Pembaca dapat melihat gambaran latar serta

budaya masyarakat negeri Sabah yang jelas ditonjolkan sebagai satu bentuk kehadiran pengalaman dalam penulisan. Hakikat bahawa hanya mereka yang telah mengembara ke sesebuah tempat yang pernah dilawati dapat menonjolkan imej yang berlatarkan tempat dan budaya dengan baik, begitu relevan sebagai sumber serta idea yang bermanfaat dan berguna. Perkara ini turut ditegaskan oleh Mana Sikana (2006:108) selagi sesuatu itu boleh mendatangkan idea dan pengalaman kepada pengarang dan khalayak maka selagi itu ia dikatakan sebagai sumber dan rujukan. Oleh itu, sumber semasa berkhidmat di Sabah telah dimanfaatkan oleh Ramlee Awang Murshid dengan sebaiknya dalam proses kepengarangannya.

Bentuk kehadiran pengembaraan turut jelas terdapat dalam novel *Ungu Karmila* yang dijemakan melalui watak Arif dan Karmila yang berhijrah dari Kuala Lumpur ke Cameron Highlands bagi meluaskan lagi perniagaan tanaman bunga milik mereka. Pengalaman menetap serta mengembara ke setiap negeri yang ada di Malaysia telah membolehkan Ramlee Awang Murshid memperoleh maklumat dan idea bagi melengkapkan proses penghasilan novel *Ungu Karmila*. Demikian ditegaskan oleh Mana Sikana (1996:77) dari maklumat dan idea itulah pengarang melakukan penyaringan, pemilihan, penyesuaian dan pemakanaan bagi memantapkan teks yang dihasilkan. Perkara ini dibuktikan apabila Ramlee Awang Murshid memuatkan beberapa tempat yang pernah dilawatinya dengan latar suasana yang baik dan berjaya mempamerkan gambaran sebenar tempat yang pernah dilawatinya.

Ema berpeluk tubuh. Sekilas dia menoleh ke arah langit bumi Cameron Highlands di kejauhan. Kelihatan sesekali pintasan kilat menyemarakkan langit bumi. Kemudian Ema mendongak. Awan di situ makin mendung dan gelap. Sekejap lagi hujan pasti turun mencurah-curah. Dan menyejukkan lagi kawasan ini seperti diselubungi musim sejuk.

(*Ungu Karmila*, 2018: 191)

Menerusi petikan di atas, latar tempat sebuah daerah bagi negeri yang terdapat dalam Malaysia ditonjolkan melalui latar kedudukan dan geografinya digunakan Ramlee Awang Murshid bagi menggambarkan suasana serta pengalaman yang diperolehi semasa mengembara ke negeri berkenaan, begitu jelas digunakan sebagai bentuk kehadiran dalam *Ungu Karmila*. Novel yang memfokuskan kepada penceritaan berkaitan dengan sumber alam semula jadi ini, dilihat sesuai dengan pemilihan latar tempat Cameron Highlands sebagai latar utama bagi mewujudkan lagi keserasian jalan cerita tersebut. Hal ini kerana, Cameron Highlands merupakan kawasan tanah rata yang sesuai untuk menjalankan aktiviti pertanian dan penyemaian tanaman bunga.

Ditegaskan bahawa pengalaman melalui pengembaraan telah membantu dalam memberikan idea atau sumber dalam kepengarangan novel *Tombiruo : Penunggu Rimba dan Ungu Karmila* hingga berjaya mengemukakan peristiwa dengan latar yang pernah dikunjungi Ramlee Awang Murshid. Bentuk ini dijadikan sebagai perakam atau kamera imbauan kepada penulis dalam menterjemahkan pengalaman pengembaraan di beberapa buah tempat yang pernah dilawati dengan tafsiran dan gambaran setiap perincian peristiwa yang digambarkan (Rosmizi Mahamad, 2021). Lebih unik lagi apabila setiap idea yang dihadirkan melalui pengembaraan ini disatukan dengan pelbagai bentuk kehadiran, pelanggaran dari pelbagai sudut penciptaan, pengukuhan terhadap kepengarangan serta individualisme yang dimiliki telah mengangkat kedua-dua karya ini dalam pentas keunggulan kepengarangan sastera tanah air.

4.2.2 Prinsip Pelanggaran

4.2.2.1 Pelanggaran Tema dan Persoalan

Sebagai salah seorang pengarang yang berpengalaman, Ramlee Awang Murshid begitu teliti apabila menghasilkan sebuah karya yang amat mementingkan kualiti agar sampai kepada jiwa masyarakatnya. Kualiti yang dimaksudkan adalah apabila beliau mengetengahkan unsur falsafah kehidupan manusia yang kaya dengan simbolisme atau perlambangan yang mencerminkan citra atau jati dirinya, serta sumber pengalaman yang diperolehi dengan penuh intelektual. Oleh hal yang demikian, mengambil kira pengalaman yang diperolehi semasa berkhidmat di negeri bawah bayu iaitu Sabah, Ramlee Awang Murshid berani mengangkat unsur alam dengan mengemukakan tema tentang masyarakat dan hubungan dengan alam yang disampaikan melalui perlambangan watak serta setiap peristiwa yang terdapat dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba*. Berdasarkan tema tersebut, lahir beberapa persoalan yang memaparkan konflik, makna sebuah kekuasaan yang mengancam struktur persekitaran masyarakat dan keadaan setempat termasuk ancaman ekologi yakni alam semula jadi.

Justeru itu, keberanian tema yang ditonjolkan dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* adalah bersifat universal iaitu melangkaui unsur latar dan watak yang realistik. Keberanian Ramlee Awang Murshid mencirikan tema dan persoalan yang memaparkan watak utama bergelut dengan masyarakat yang zalim terhadap alam semula jadi telah menjadikan karya *Tombiruo* ini unggul sehingga ia telah berjaya diadaptasikan kepada filem pada tahun 2017. Sifat keberanian yang ada pada Ramlee Awang Murshid telah menjadikan novel ini unik melalui setiap bab kerana ia mampu berdiri sendiri di samping peristiwa yang sarat dengan unsur-unsur kritikan bagi tujuan kesedaran kepada para pembaca.

“Dengar wasiat bapa ni Ejim,” ujar Pondolou, segera melembutkan nada percakapannya.

Ejim mengangguk sedikit.

“Jika ada tetamu dari luar datang ke sini semata-mata ingin melakukan angkara, pertaruhkanlah nyawamu untuk memerangi mereka.” Pondolou meneruskan bicaranya.

(*Tombiruo : Penunggu Rimba*, 2017: 5)

Petikan tersebut menunjukkan perbualan Pondolou dan anaknya Ejim (*Tombiruo*) tentang perlindungan yang harus diberikan kepada tempat tinggal mereka iaitu Hutan Keningau daripada sikap kerakusan manusia. Hal ini jelas menunjukkan semangat cinta akan alam dalam diri Pondolou yang cuba diterapkan ke atas diri anaknya. Menerusi petikan ini, persoalan tentang hubungan manusia dengan alam dapat ditonjolkan. Dari sini, Ramlee Awang Murshid cuba mengangkat sebuah persoalan yang mampu memberi kesedaran kepada para pembaca berkaitan dengan kepentingan alam buat sesetengah masyarakat. Mungkin bagi masyarakat bandar, hutan serta alam semula jadi sekadar perkara enteng. Namun tidak bagi mereka yang berada di kawasan pedalaman. Hutan dan alam semula jadi merupakan nadi buat kehidupan mereka dan kehancuran hutan boleh menyebabkan hidup mereka terjejas. Justeru itu, tema yang menggabungkan alam dan masyarakat dilihat sebagai sebuah pelanggaran yang berani dilakukan oleh Ramlee Awang Murshid dalam menyampaikan suara mereka yang dekat dengan alam.

Selain itu, novel *Ungu Karmila* juga turut memaparkan pelanggaran tema dan persoalan yang dilakukan oleh Ramlee Awang Murshid. Menerusi novel ini, Ramlee Awang Murshid berani menetengahkan tema yang berunsur misteri bagi menarik minat para pembaca untuk menghayati karyanya sehingga di titik terakhir pembacaan. Menurut Ramlee Awang Murshid (2018) *Ungu Karmila* menjurus kepada kelainan dari aspek pengolahan dan

fakta berkenaan dengan makhluk ghaib. Oleh itu, kekuatan novel ini adalah pada pengolahan Ramlee Awang Murshid yang berjaya membuatkan pembaca mempercayai misteri di Vila Sunyi adalah kerana puaka tetapi sebaliknya yang berlaku. Misteri yang meragut nyawa di vila ini bukanlah kerana puaka, tetapi kerana racun kacukan pendebungan yang dilakukan sendiri oleh Arif. Proses pendebungan ini telah menyebarkan habuk-habuk halus yang menyebabkan bersin kepada sesiapa sahaja yang menghidunya. Serangan ini tidak membawa maut, tapi mampu mewujudkan halusinasi kerana perlahan-lahan cecair dalam otak dipanggil serotin berkurangan. Justeru itu, persoalan berkaitan dengan sains bioteknologi berani diketengahkan oleh Ramlee Awang Murshid dalam novel ini.

Beliau telah berjaya membuat pembaca tertarik untuk mengikuti karyanya kerana mereka bukan sahaja memperolehi pengalaman yang berbeza, malah ilmu yang berguna juga turut diterapkan ke atas karya tersebut. Berbalik kepada tema misteri yang diketengahkan dalam novel ini adalah dijuruskan kepada watak utama iaitu Arif dan Karmila yang merupakan pasangan suami isteri telah berpindah ke rumah baharu mereka iaitu Vila Sunyi yang terletak di Puncak Rimba, Cameron Highland. Perpindahan mereka ke rumah tersebut telah mencetuskan peristiwa misteri dek kerana kedegilan Arif terhadap larangan Tok Batin (masyarakat Orang Asli di kawasan berkenaan) dan memasuki Taman Larangan, lalu mengambil sejenis sepsis bunga berwarna ungu. Tumbuhan tersebut disemai dan mengeluarkan bunga berwarna ungu serta membiak dengan mudah. Arif menjadi taksu dan berubah sehingga membuat si isteri tertekan dan terpinggir.

Berkaitan dengan persoalan yang menjurus kepada sains bioteknologi, pembaca dapat melihatnya menerusi watak Dr. Ismadi yang merupakan seorang penyelidik sains daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Novel yang memiliki unsur-unsur sains ini merupakan sebuah karya yang unik daripada pengarang, kerana beliau mampu mewujudkan persoalan yang saling berkait dengan tema bagi novel ini.

Kelmarin... Dr. Ismadi telah membuat keputusan drastik. Sampel bunga Ungu Karmila telah dimusnahkan. Spesies itu dikategorikan sebagai racun. Spesies kacukan yang aneh dan ganjil serta membahayakan kehidupan manusia. Biarlah kajian serta penyelidikan itu dihentikan segera. Dia tidak dapat membayangkan andai bunga Ungu Karmila menyerang satu kelompok manusia yang berkapasiti besar seperti di Kuala Lumpur. Pasti huru-hara akan tercetus. Sekali gus menyumbang kepada ketidakstabilan negara.

(*Ungu Karmila*, 2018: 505)

Petikan tersebut telah menunjukkan Dr. Ismadi sebagai seorang penyelidik yang berkaitan dengan ilmu-ilmu sains. Hal ini telah menonjolkan persoalan yang berkaitan sains dan bioteknologi yang dimasukkan ke dalam novel ini. Menerusi hasil penyelidikan Dr. Ismadi, beliau telah berjaya membuktikan bahawa kejadian aneh yang berlaku di Vila Sunyi itu bukanlah kerana puaka, tetapi sebenarnya berpunca daripada Ungu Karmila iaitu bunga kacukan yang dihasilkan oleh Arif. Hal ini telah berjaya menjawab kepada tema yang ditonjolkan ke atas novel ini. Dari sini, pengkaji dapat melihat bahawa Ramlee Awang Murshid berani menentang tema yang berbeza dalam karyanya, di samping menimbulkan persoalan yang mampu dikaitkan dengan tema tersebut bagi mewujudkan teks serta jalan cerita yang unggul. Jelaslah di sini bahawa, keberanian Ramlee Awang Murshid dalam melakukan pelanggaran tema dan persoalan ke atas kedua-dua karyanya ini telah membawa suatu pembaharuan penting dalam kepengarangannya hingga tampil unggul, terutama dalam mengangkat unsur-unsur alam sebagai suatu perkara yang harus diberi perhatian oleh setiap golongan masyarakat.

4.2.2.2 Pelanggaran Dari Segi Watak dan Perwatakan

Ramlee Awang Murshid adalah salah seorang penulis yang berani dalam dunia kepengarangan dengan melibatkan pelanggaran dari segi watak dan perwatakan yang jelas mempamerkan suatu bentuk pembaharuan yang berbeza dengan kepengarangan atau konvensi sedia ada. Watak sememangnya berperanan penting dalam menggerakkan sesebuah penceritaan dan menjadi nadi kepada perkembangan terhadap setiap peristiwa yang digambarkan pengarang. Watak sebagai pelaku menampilkan perwatakan tentang sikap yang dimiliki oleh wataknya dari aspek luaran dan dalaman. Dalam sesebuah penceritaan, lazimnya watak digerakkan melalui watak utama, watak sampingan, watak pipih, watak bulat, watak dinamik, watak protagonis dan watak antagonis. Pelanggaran dari segi watak sememangnya diutarakan sendiri oleh pelopor Teori Teksdealisme yang menurut Abdul Halim Ali (2015:187) Mana Sikana telah kembali kepada watak klasik Melayu iaitu Hang Tuah dan Jebat dalam mengkonsepkan sifat keberanian serta kebijaksanaan. Justeru, dengan menyetengahkan keberanian pada watak Hang Jebat, telah dilihat sebagai kekuatan kepengarangan hingga meletakkan Jebat pada kedudukan yang tinggi.

Bukti ini jelas menerusi novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* apabila watak utama terdiri daripada mereka yang luar biasa seperti watak Tombiruo itu sendiri yang tidak berwajah manusia dan watak yang melibatkan unsur-unsur ghaib seperti yang terdapat dalam novel *Ungu Karmila*. Hal ini telah menunjukkan bahawa Ramlee Awang Murshid berani menyetengahkan imajinasinya dalam menetapkan watak yang lain daripada lain terhadap karya-karyanya. Pemilihan watak yang unik turut disokong oleh sasterawan negara iaitu Anwar Ridhwan. Bagi Anwar Ridhwan (2016:41) menyatakan bahawa dengan memilih satu watak sebagai ekstensi pengarang untuk menyampaikan pemikiran langsung atau tidak langsung, pengarang sebenarnya memilih watak suri teladannya. Menyedari hakikat ini, Ramlee Awang Murshid menggunakan keberaniannya dengan melakukan

pelanggaran terhadap pemilihan watak yang luar biasa ke atas kedua-dua novel ini bagi luahan kritikan atas sikap mereka yang sewenang-wenangnya melakukan kerakusan terhadap alam semula jadi. Kritikan ini juga dapat dijadikan suri teladan dan pengajaran kepada para masyarakat dalam berurusan dengan alam supaya tidak mendatangkan pelbagai masalah yang bukan sahaja kepada masyarakat, malah terhadap alam itu sendiri.

Ramlee Awang Murshid berani menimbulkan watak yang lain daripada lain bagi mengkritik sesetengah masyarakat yang berlaku zalim kepada alam semula jadi. Hal ini kerana, novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* ini memfokuskan kepada tema serta persoalan yang menjurus kepada hubungan manusia dan alam. Oleh itu, pengarang mencipta watak-watak yang dapat menjadi suara kepada mereka yang tidak mahu melihat kehancuran alam. Seperti novel *Tombiruo : Penunggu Rimba*, Ramlee Awang Murshid telah menonjolkan watak Ejim (Tombiruo) sebagai sosok utama yang menggerakkan jalan cerita. Watak Tombiruo ini merupakan watak utama yang memperlihatkan hubungan akrab dengan alam. Tombiruo merupakan watak utama atau protagonis yang menerajui novel ini. Watak ini digambarkan sebagai seorang pemuda yang memiliki tubuh badan sasa dengan wajah yang tidak sempurna. Kecacatan wajah Tombiruo menakutkan sesiapa sahaja yang melihatnya. Bagi menyembunyikan kecacatan ini, maka watak ini dipakaikan topeng. Selain itu, Tombiruo juga dianggap sebagai penunggu hutan atau pelindung bagi masyarakat Orang Asli, Kadazan Dusun di Sabah. Bagi orang luar atau bandar, Tombiruo dianggap sebagai entiti negatif.

“Wajahku bukan wajah manusia. Sebab itulah bapa buatkan topeng ini untukku,” bisik Ejim. Topeng yang ditanggalkan itu segera dipakai menutupi wajah asalnya.

(*Tombiruo : Penunggu Rimba*, 2017: 8)

Petikan tersebut menggambarkan wajah Ejim (Tombiruo) yang tidak seperti manusia normal. Oleh sebab itulah dia sering memakai topeng kayu yang diukir oleh ayahnya, Pondolou. Tombiruo sebenarnya adalah watak manusia yang dilahirkan, dibesarkan dan menghuni Hutan Keningau. Jiwa Tombiruo sudah sehati dengan kehidupan di hutan (Ramlee Awang Murshid, 2018). Sejak dilahirkan, Tombiruo tidak pernah meninggalkan persekitarannya. Hal ini kerana, Tombiruo diamanahkan oleh bapanya untuk menjaga keamanan Hutan Keningau daripada pencerobohan yang sembarangan. Segala keperluan untuk meneruskan kehidupan diperolehi daripada sumber alam di sekelilingnya. Oleh itu, Tombiruo sangat akrab dengan alam. Keakraban watak Tombiruo dengan alam juga memberi kesan yang besar terhadap kehidupannya sehingga dia mahir dengan segala ilmu yang berkaitan alam. Antara kemahiran watak ini adalah kecekapan bergerak dalam hutan, kepakaran membuat tempat tinggal dan senjata dengan menggunakan bahan daripada hutan. Kemahiran ini telah dilatih oleh bapanya Pondolou sejak kecil lagi, bagi memenuhi keperluan masa hadapan watak ini.

“Ingat pesan bapa ni, Ejim. Gerakan yang cepat akan menghalang serangan musuh. Ketajaman mata dapat mematahkan tipu helah lawan. Penumpuan fikiran amat penting sekali untuk membaca setiap muslihat ketika bertarung,” kata Pondolou sungguh-sungguh, memantapkan ilmu mempertahankan diri yang diturunkan kepada anaknya.

(*Tombiruo : Penunggu Rimba*, 2017: 9)

Petikan tersebut menunjukkan salah satu ilmu yang diturunkan oleh Pondolou kepada anaknya, Ejim (Tombiruo.) Bagi Pondolou, Tombiruo merupakan simbol kekuatan alam. Watak ini mempunyai kuasa luar biasa untuk mengarah dan mempengaruhi alam serta membantunya ketika dalam bahaya. Kuasa luar biasa yang dimiliki Tombiruo

membolehkannya mengawasi tindakan manusia di hutan Keningau. Tombiruo akan mengusir keluar mana-mana individu yang memasuki hutan Keningau dengan niat jahat. Tombiruo tidak akan teragak-agak untuk menggunakan kekasaran jika pihak lawan bertindak kasar dan mengingkari arahnya. Penetapan watak yang unik daripada Ramlee Awang Murshid ini telah menonjolkan keberanian beliau dalam mewujudkan satu watak yang mampu memberi kesan menakjubkan kepada para pembaca. Selain itu, watak utama ini juga dapat menjadi suara kepada golongan masyarakat setempat yang ingin memastikan kehidupan mereka tidak diganggu oleh tangan-tangan manusia yang jahat. Pelanggaran dari segi watak dan perwatakan menerusi novel ini telah menunjukkan bahawa kepengarangan Ramlee Awang Murshid telah berada di satu tahap yang baik, lebih-lebih lagi kejayaan naskhah ini yang berjaya diadaptasi ke layar perak.

Sementelahan itu, pelanggaran dari segi watak dan perwatakan turut terdapat dalam novel *Ungu Karmila*. Menerusi novel ini pula, Ramlee Awang Murshid berani menentengahkan watak-watak ghaib bagi mewujudkan sebuah cerita misteri yang bersesuaian dengan tema yang telah ditetapkan. Identiti ghaib dalam novel ini berjaya digarap dengan baik oleh pengarang, sehingga dapat menjadikannya sebagai watak utama bagi cerita yang bergenre *thriller* ini. Novel ini memaparkan perungkaian misteri yang berlaku di Vila Sunyi yang menjadi tempat tinggal sepasang suami isteri iaitu Arif dan Karmila. Kejadian misteri di vila ini bukanlah berpunca daripada puaka, seperti yang diperkatakan oleh penduduk sekitar rumah tersebut. Sebaliknya, kejadian aneh yang berlaku di vila ini adalah berpunca daripada sekuntum bunga kacukan berwarna ungu yang dilakukan oleh Arif. Nama bunga ini telah digabungkan dengan nama isterinya. Oleh itu, bunga kacukan ini bernama Ungu Karmila, yang menjadi tajuk utama bagi novel tersebut.

“Duri bunga Ungu Karmila. Ia bertindak seperti patukan ular apabila tertusuk duri Ungu Karmila. Racun menyerang otak dan semua organ-organ tubuh. Ia membawa maut.” Dr. Ismadi memenuhi permintaan Arafat.

“Ada halusinasi? Lekas Arafat bertanya lagi.

“Ya. Dalam tempoh antara emm... 48 jam. Tapi mungkin lebih lama lagi dari jangkaan saya, Encik Arafat.”

“Arif, adik Encik Arafat adalah mangsa. Mangsa ‘rasukan’ Ungu Karmila.” Renungan Dr. Ismadi agak berbinar. Berwajah serius.

(*Ungu Karmila*, 2018: 494)

Petikan di atas menunjukkan bunga yang diberi nama Ungu Karmila itu merupakan objek serta watak utama dalam novel ini. Kacukan bunga beracun ini telah menyebabkan halusinasi berlaku ke atas sesiapa sahaja yang telah tercucuk durinya. Hal ini telah memakan diri Arif sendiri, kerana tusukan duri yang diterimanya melalui bunga tersebut. Dia telah mengalami halusinasi yang teruk dan telah bertindak di luar kawalan sehingga sanggup membunuh isterinya, Karmila dan juga pembantu rumah mereka. Kejadian aneh yang berlaku selama ini di Vila Sunyi tersebut adalah berpunca daripada bunga beracun, Ungu Karmila itu sendiri. Menerusi penerapan watak terhadap objek yang bukan manusia dalam sesebuah karya ini telah menonjolkan keberanian Ramlee Awang Murshid dalam melakukan pelanggaran ke atas pemilihan watak. Pelanggaran dari segi watak dan perwatakan ini diperakui telah berjaya dilakukan oleh beliau. Hal ini kerana, ianya merupakan sebuah bukti yang menunjukkan bahawa watak dalam sesebuah karya, tidak hanya sekadar untuk figura manusia semata-mata. Malah, perkara-perkara lain juga dapat dijadikan watak utama dalam penghasilan sesebuah karya dan dari sini, sebuah karya yang unggul dapat diangkat atas sebab kelainan yang telah diwujudkan.

Demikian bukti jelas yang memperlihatkan keberanian Ramlee Awang Murshid membawa suatu pembaharuan dari sudut pelanggaran watak dan perwatakan dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*. Watak dan perwatakan yang dipamerkan menerusi kedua-dua novel terpilih tersebut jelas memperlihatkan keistimewaan melalui watak tersebut, telah mendayakan penggerak cerita yang melahirkan karya yang unggul dan menampilkan kelainan yang luar biasa daripada bentuk kepengarangan pengarang lain atau kepengarangannya yang sebelum ini.

4.2.3 Prinsip Pengukuhan

4.2.3.1 Pengukuhan Nilai Murni

Ramlee Awang Murshid telah memperkukuhkan nilai murni dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*. setelah membuat kajian tentang kemasyarakatan berdasarkan ideologi atau aliran realisme yang menjadi pegangan dalam bentuk kepengarangannya. Aliran ini menjadikan Ramlee Awang Murshid menceritakan perkara yang benar-benar berlaku dalam kehidupan masyarakat sebagai sumber untuk mengukuhkan karyanya dengan karya sebelumnya atau dengan karya penulis yang lain. Jika sebelum ini, kebanyakan karya yang menceritakan realisme kehidupan masyarakat bandar atau luar bandar, novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* mempunyai kelainannya yang tersendiri. Hal ini kerana, kedua-dua novel ini memfokuskan kepada kehidupan masyarakat Orang Asli yang begitu dekat dengan alam. Ramlee Awang Murshid telah melalui proses pengukuhan apabila memuatkan unsur perlambangan dan makna yang berlapis-lapis dalam memaparkan nilai murni secara realisme terhadap masyarakat dari pelbagai perspektif. Tujuan pengukuhan ini dilakukan adalah untuk memberi nafas baharu kepada bentuk

kepengarangannya selain menonjolkan nilai serta pengajaran kepada semua lapisan masyarakat.

Menerusi novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* persoalan tentang cinta akan alam semula jadi menjadi fokus utama Ramlee Awang Murshid memperincikan bentuk naratif kepengarangannya. Bertitik tolak daripada persoalan ini, ia menjadikan Ramlee Awang Murshid mengukuhkan bentuk nilai murni yang jelas dalam setiap penceritaan dan peristiwa yang digambarkan. Setiap nilai bagi peristiwa dalam novel ini dipaparkan dari bab ke bab, walaupun setiap babnya berdiri sendiri namun ianya masih saling berkait dan berangkai membentuk sebuah naratif baharu. Selain itu, pengukuhan terhadap nilai murni dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* ini, menampilkan aura positif yang dapat menjadi panduan dan contoh kepada pembaca untuk diteladani.

Bagi Kamarudin Jeon (2017:209) menyatakan bahawa penggarapan nilai-nilai murni dalam novel ini dapat membina keperibadian murni pembaca serta dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan kepada agama, bangsa dan negara. Justeru itu, novel ini telah berjaya diangkat kepada sebuah filem atas penceritaanya yang mampu mendidik masyarakat. Perkara ini telah menjawab persoalan tentang pemilihan novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* terhadap kajian kepengarangan Ramlee Awang murshid ini. Dalam erti kata lain, nilai-nilai murni yang sarat dalam novel ini, menjadi suatu elemen penting dalam pengukuhan terhadap beberapa peristiwa bertujuan mendidik lapisan masyarakat. Antara nilai murni yang dikukuhkan adalah seperti berakhlak mulia, keberanian, bertanggungjawab, kasih sayang dan mencintai alam sekitar.

Dia masih ingat ketika mula-mula mengandung dahulu, Amiruddin, suaminya selalu membelai kandungannya sambil membaca surah al-Fatihah dan surah-surah al-Quran, kemudian menghembuskannya kepada kandungan Salina.

“Abang sedekahkan ayat-ayat Allah kepada anak kita yang masih dalam kandungan ni, Lina. Abang akan terus melakukannya sehingga Lina melahirkan nanti. Mudah-mudahan dengan berkat ayat-ayat suci tu, ALLAH akan mengurniakan kita seorang anak yang soleh ataupun solehah, pintar, sempurna akal dan anggotanya. Isya-ALLAH.”

(*Tombiruo : Penunggu Rimba*, 2017: 29)

Petikan berikut jelas memperlihatkan nilai berakhlak mulia yang dimiliki oleh Amiruddin. Watak ini dikatakan memiliki akhlak yang mulia kerana, dia menerap dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupannya. Ajaran Islam yang dimiliki oleh Amiruddin ini digunakan dengan sebaik mungkin dalam mendidik isteri serta keluarganya. Menerusi watak Amiruddin ini, pengukuhan nilai murni dapat ditonjolkan oleh pengarang kerana watak ini ditetapkan sebagai seorang lelaki yang memenuhi kriteria masyarakat Islam yang betul. Selain itu, pengukuhan nilai murni ini juga dapat memberi panduan serta moral yang baik buat para pembaca serta masyarakat. Hal ini dapat memberi tunjuk ajar kepada lapisan masyarakat Islam, terutamanya dalam menjalani kehidupan mereka yang betul dengan ajaran yang telah ditetapkan. Oleh hal yang demikian, pengukuhan nilai murni seperti berakhlak mulia ini merupakan sebuah nilai baik yang telah berjaya diterapkan oleh Ramlee Awang Murshid terhadap karyanya yang satu ini.

Ejim yang sedang duduk bertenggek di atas dahan kayu tidak melepaskan pandangan memerhatikan pemburu-pemburu itu. Dia menggenggam lilitan akar dan terus turun dari dahan pokok kayu itu. Dia meredah rimbunan hutan mengekori jejak Pius yang sedang mencari kayu api di situ. Ejim memerhatikan gerak-geri Pius di sebalik daun-daun hijau. Dia menunggu masa untuk bertindak.

Ejim melompat dari persembunyiannya apabila mendapati Pius terleka sambil terbongkok mengutip dahan-dahan kayu. Langkah kaki yang pantas mengejutkan Pius. Belum sempat Pius berpaling, Ejim sudah mengayunkan hulu pedangnya memukul muka Pius.

(*Tombiruo : Penunggu Rimba*, 2017: 72)

Petikan tersebut menggambarkan nilai keberanian yang terdapat dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* ini. Nilai tersebut dapat dilihat menerusi watak Ejim yang juga dikenali sebagai Tombiruo. Watak Tombiruo ini akan menentang sesiapa sahaja yang cuba untuk mengganggu-gugatkan hutan dan juga alam semula jadi di kawasan jagaannya. Selain mewakili simbol pengkhianatan manusia terhadap alam, Tombiruo juga merupakan simbol kepada kekuatan alam. Watak ini mempunyai kuasa yang luar biasa untuk mengarah dan mempengaruhi alam serta membantunya ketika dalam bahaya. Kuasa luar biasa yang dimiliki Tombiruo membolehkannya mengawasi tindakan manusia di Hutan Keningau. Tombiruo akan mengusir keluar mana-mana individu yang memasuki Hutan Keningau dengan niat jahat. Tombiruo tidak akan teragak-agak untuk menggunakan kekasaran jika pihak lawan bertindak kasar dan mengingkari arahnya. Keberanian yang ada pada Tombiruo ini mampu memberi contoh yang baik buat masyarakat untuk mempertahankan sesuatu hal yang patut dipertahankan. Pengukuhan nilai murni yang dilakukan oleh Ramlee Awang Murshid ini mampu untuk mengangkat karyanya ke arah yang lebih unggul. Seterusnya, nilai kasih sayang dan kegigihan juga dapat ditemui dalam karya Ramlee Awang Murshid menerusi novel *Ungu Karmila*.

Karmila mengerutkan wajah. Di luar sampul tertulis namanya. “Kad untuk Karmila?” Teragak-agak dia mencapai dan membuka. Sekeping kad berwarna

ungu dengan cetakan *'Happy Anniversary'* semakin mencetuskan kehairanannya.

“Abang?” Wajah Karmila nampak kosong. “Selamat hari ulang tahun perkahwinan kita sayang. Rumah ini abang hadiahkan untuk Karmila,” jelas Arif. Karmila melihat suasana persekitaran. Suhu yang dingin. Rimbunan yang menghijau. Dan ia sungguh mendamaikan jiwa. “Dah lama Karmila mengimpikan tempat seperti ini, bang,” kata Karmila sebagai reaksi pertamanya menerima hadiah itu. Lalu dia mendakap erat suaminya. Pemberian suaminya sungguh mengharukan perasaan.

(*Ungu Karmila*, 2018 : 22)

Menerusi petikan tersebut, ianya menggambarkan sebuah nilai kasih sayang yang dimiliki oleh sepasang suami isteri. Arif amat menyayangi Karmila dan sebagai membuktikan kasih sayang tersebut, dia telah menghadiahkan sebuah vila yang mewah di puncak rimba Cameron Highlands kepada isterinya itu. Vila tersebut dihadiahkan sempena menyambut ulang tahun perkahwinan mereka yang pertama dan ia merupakan sebuah rumah idaman isteri yang dicintainya itu. Nilai kasih sayang ini ditonjolkan oleh Arif dari babak pertama sehingga terakhir dalam novel ini. Arif sanggup melakukan apa sahaja demi membahagiakan Karmila. Ramlee Awang Murshid bijak dalam mewujudkan watak suami isteri ini sebagai penggerak utama dalam menyampaikan tema serta segala pemikiran yang terdapat pada novel ini. Menerusi pengukuhan nilai kasih sayang ini, khalayak pembaca dapat mempelajari sebuah erti kebahagiaan yang wujud sekiranya kita dapat menghargai seseorang yang penting dalam hidup. Pengukuhan nilai sedemikian mampu memberi kesan yang positif buat pembaca walaupun novel ini berentak *thriller*. Hal ini dapat mengukuhkan lagi keunggulan Ramlee Awang Murshid dalam menghasilkan karya yang berkualiti.

Dr. Ismadi membuat uji kaji ke atas bunga Ungu Karmila.

“Vila sunyi tu tak ada hantu, kan?” Ema bertanya.

“Uji kaji tak selesai lagi,” balas Dr. Ismadi.

“Betul tak ada hantu kan?” Ema mendesak.

“Telahan saya... begitulah. Bukan angkara hantu. Klu awal... ia disebabkan persekitaran bunga ini.” Saat Dr. Ismadi berkata, mesin pengukur kandungan toksik berbunyi. Kemudian Dr. Ismadi menekan-nekan punat. Kandungan itu dicetak. Dia meneliti sambil menggeleng-geleng.

(*Ungu Karmila*, 2018 : 492)

Petikan tersebut menggambarkan nilai kegigihan serta kesungguhan watak Dr. Ismadi dalam mengkaji bunga Ungu Karmila sebagai sekuntum bunga yang beracun. Dr. Ismadi ingin membuktikan bahawa bunga itu yang menyebabkan kematian misteri berlaku di Vila Sunyi dan bukanlah kerana puaka seperti penduduk kampung katakan. Pada akhir novel ini, kegigihan Dr. Ismadi membuahkan hasil apabila beliau dapat membuktikan bahawa kajiannya benar tentang bunga Ungu Karmila yang mempunyai racun dan boleh menyebabkan sesiapa yang menghidunya mengalami halusinasi sebelum meninggal dunia. Nilai kegigihan ini dapat menonjolkan sebuah aspek yang positif dalam novel ini kerana mampu memberi contoh yang baik buat khalayak pembaca serta masyarakat. Pengukuhan ini bukan sahaja dapat menunjukkan keunggulan karya Ramlee Awang Murshid, malah perbezaan beliau daripada pengarang lain juga dapat ditonjolkan. Hal ini kerana, walaupun kedua-dua novel ini berentak thriller, namun aspek positif itu tetap dapat diwujudkan bagi menyampaikan manfaat berguna kepada pembaca.

4.2.4 Prinsip Individualisme

4.2.4.1 Stilistik dan Persembahan Novel

Stilistik dan persembahan novel bagi mencapai tahap individualiti dan keunggulan teks bukan sahaja diukur dari sudut gaya bahasa yang dipersembahkan, namun turut memperlihatkan reka cipta individu. Tegas Mana Sikana (2006:147) bahawa rekacipta individual, *individual in design* merujuk kepada teknik, metode dan mekanisme penciptaan. Maka, kedua-dua karya Ramlee Awang Murshid akan turut melihat dari sudut jati diri terhadap stilistik dan persembahannya yang secara keseluruhan menggambarkan individualiti kepengarangan yang unggul. Bahkan, rekacipta Ramlee Awang Murshid dalam kepengarangan novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* juga akan memperlihatkan strategi tekstualisme yang dirancang atas keintelektualan yang dimiliki. Perkara ini turut diakui oleh Abdul Halim Ali (2015:186) bahawa gema keunggulan yang dinobatkan oleh Teksdealisme tidak hanya boleh didengari dari corong tekstualiti tetapi juga boleh diselidiki pada diri pengarang.

Bagi membina tahap individualiti tersebut telah menuntut seorang pengarang berani mengemukakan idea-idea yang baru, menampilkan keunikan teknik penulisan serta mempertahankan bentuk stilistik yang menjadi identiti dengan mentransformasikan persembahan karyanya supaya tampil luar biasa. Bentuk tersebut penting bagi membangunkan keunggulan tekstualisme agar tampil unggul sebagaimana ditegaskan oleh Mana Sikana (2006:142) bahawa Teksdealisme menegaskan tentang betapa pentingnya strategi tekstualisme bagi setiap karya, “membina *law literaturnya* sendiri, paradigma baru dan menganjurkan *new aesthetic of seriality*. Malah, strategi yang disarankan tersebut pula menjadi dasar tahap ideologi atau pegangan kepada dosimeter dalam kepengarangan.” Oleh hal yang demikian, stilistik tekstualisme amat bergantung kepada keberanian pengarang

mengemukakan ideologi atau pegangannya dalam berkarya selain mencerminkan perwatakan individualiti pengarang.

Stailistik dan persembahan kepengarangan Ramlee Awang Murshid bergantung kepada ideologi yang memberi kuasa sebagai pengawal untuk mempersembahkan penggambaran dunia atau kehidupan melalui kaca matanya. Dengan ini, cerita yang disampaikan menjadi alat kawalan kepada pembaca yang bukan sekadar memberi hiburan kepada pembaca, malah mengatur budaya dan sosial serta mengaitkan hubungan tersebut dengan kehidupan. Kaitan tersebut dimanfaatkan Ramlee Awang Murshid dengan membangunkan bentuk stailistiknya tersendiri demi memperlihatkan keberaniannya keluar dari sistem sedia ada dengan mempersembahkan sesuatu yang baharu. Perkara baharu yang dilakukan oleh beliau ialah mengaitkan penceritaan yang berentak *thriller* dengan kehidupan masyarakat. Maka, apabila Ramlee Awang Murshid berani menampilkan sesuatu yang baharu, membolehkan beliau mengetengahkan hubungan antara kehidupan atau perjuangan terhadap sesuatu perkara seperti mempertahankan alam.

Novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* misalnya, telah dibentuk daripada stailistik Ramlee Awang Murshid yang menekankan aspek-aspek *thriller* dengan mewujudkan seorang watak yang luar biasa. Maka tidak hairanlah jika novel ini mendapat perhatian para pembaca serta pengarah filem yang berminat untuk mengangkat cerita tersebut ke layar perak. Kini, *Tombiruo : Penunggu Rimba* telah terhasil dengan pengisian terbaik, seiring terbitnya Filem Adaptasi *Tombiruo* yang ditayangkan pada bulan Oktober 2017. Selain itu, naskhah ini adalah antara naskhah terawal yang digarap oleh Ramlee Awang Murshid. Di samping itu, novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* ini juga telah mengangkat nama Ramlee Awang Murshid sebagai novelis *thriller* nombor satu Malaysia. Hal ini telah berupaya menonjolkan bahawa beliau telah mempunyai stailistik serta identitinya yang tersendiri dalam berkarya.

Justeru itu, dapat difahami bahawa stailistik dan persembahan novel Ramlee Awang Murshid ini menjurus kepada penceritaan yang berentak thriller. Hal ini kerana, rentak penyampaian yang sedemikian merupakan identiti beliau yang membuat kepengarangannya berbeza dengan pengarang lain. Walaupun karya-karya beliau lain daripada yang lain, namun mesej yang cuba disampaikan kepada masyarakat dan khalayak pembaca sangatlah jelas. Misalnya, novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* ini telah mewujudkan watak Ejim (Tombiruo) yang tidak berwajah manusia bagi menunjukkan kesan pengkhianatan manusia terhadap alam. Hal ini dikatakan demikian kerana, Tombiruo adalah hasil daripada perbuatan jahat Tarawid Terhadap Tobugi. Perbuatan Tarawid itu telah menyebabkan Tobugi melahirkan anak haram yang tidak berwajah manusia. Monsiroi (dukun masyarakat Kadazan-Dusun, Sabah) yakin bahawa kelahiran anak yang tidak berwajah manusia tersebut adalah kesan daripada salah laku Tarawid.

Hal ini merupakan adalah satu petanda tidak baik bagi masyarakat mereka. Justeru, untuk menebus dosa Tarawid dan memastikan kestabilan ekosistem masyarakat pedalaman di hutan Keningau terjaga, maka denda ritual atau 'pampasan yang menyejukkan' (sogit) perlu dilakukan terhadap kesalahan yang dilakukan oleh Tarawid. Oleh itu, Monsiroi telah mengembalikan bayi tidak berwajah manusia kepada alam sebagai sogit untuk menebus kesalahan Tarawid. Oleh itu, Ramlee Awang Murshid meletakkan watak Tombiruo ini sebagai watak utama dalam menjadi suara kepada masyarakat yang tidak mahu alam diperlakukan dengan kejam oleh tangan jahat manusia. Persembahan serta stailistik menerusi novel ini dapat dilihat melalui watak dan perwatakan yang telah ditetapkan kepada Tombiruo, yang merupakan watak utama dalam novel ini.

Ejim menutup sekujur tubuhnya dengan selubung hitam lusuh, sebilah pedang pusaka disandang gah di belakang dan topeng yang dihiasi ukiran tradisi

menutupi wajahnya. Tudung selubung sengaja ditanggalkan, memperlihatkan rambutnya yang kekuning-kuningan itu. Rambut Ejim yang panjang di bawah paras bahu itu diselak ke belakang menampilkan lagak kepahlawanannya. Kemunculannya secara tiba-tiba itu mengejutkan Amiruddin, Ondu dan Wan Suraya.

(*Tombiruo : Penunggu Rimba*, 2017: 235)

Petikan di atas menunjukkan perwatakan yang dihidupkan oleh Ramlee Awang Murshid ke atas watak Tombiruo. Menerusi karya ini, pengarang ingin menunjukkan bahawa, selain mewakili simbol pengkhianatan manusia terhadap alam, Tombiruo juga merupakan simbol kepada kekuatan alam. Watak ini mempunyai kuasa luar biasa untuk mengarah dan mempengaruhi alam serta membantunya ketika bahaya. Kuasa luar biasa yang dimiliki Tombiruo membolehkannya mengawasi tindakan manusia di Hutan Keningau. Tombiruo akan mengusir keluar mana-mana individu yang berniat jahat ketika memasuki hutan itu. Tombiruo tidak akan teragak-agak untuk menggunakan kekerasan jika pihak lawan bertindak kasar dan mengikari arahannya. Jelas di sini bahawa, watak Tombiruo ini telah menunjukkan Ramlee Awang Murshid berusaha untuk mewujudkan stailistiknya yang tersendiri dalam berkarya dengan memainkan watak yang luar biasa. Justeru itu, novel berentak *thriller* ini dapat diwujudkan dengan adanya watak yang sedemikian dan dipadankan pula dengan jalan cerita yang penuh aksi mendebarkan.

Penceritaan yang dilakukan oleh Ramlee Awang Murshid ini telah menonjolkan stailistik dan persembahan novel beliau yang mampu mencapai tahap individualiti serta keunggulan teks yang bukan sahaja diukur dari sudut gaya bahasa yang dipersembahkan, namun turut memperlihatkan reka cipta individu tersebut. Ramlee Awang Murshid bijak dalam menghidupkan watak utama bagi memastikan tema serta rentak *thriller* yang cuba dibawanya itu berhasil dalam mempersembahkan karyanya. Selain itu, stailistik dan

persembahan yang turut dilakukan oleh beliau terhadap novelnya yang berjudul *Ungu Karmila*. Menerusi novel yang juga berentak *thriller* ini, Ramlee Awang Murshid turut memainkan watak-watak luar biasa seperti watak-watak ghaib yang bertujuan menyampaikan tema utamanya iaitu sebuah misteri yang berpunca daripada sekuntum bunga. Novel ini merupakan sebuah karya yang tidak memfokuskan kepada penceritaan fiksyen semata-mata, tetapi pengarang turut menyelitkan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan sains bioteknologi bagi mewujudkan sebuah karya yang agak padat dengan sumber pengetahuan yang bermanfaat.

Sebelum ini Arif tidak pernah menemui atau mendengar sebarang tunas an mampu tumbuh subur dalam masa sesingkat itu. Tanaman bunga ros pun memerlukan antara enam hingga tujuh minggu untuk menghampiri pengeluaran bunga. Itu pun perlu dibajai yang mengandungi kalium dengan nisbah 10:3:15 dan diberi bersama pemakanan cecair mengandungi *nitrate of potash pada kadar 3gm/lit*.

(*Ungu Karmila*, 2018 : 53)

Petikan di atas menunjukkan salah satu ilmu bioteknologi yang dimasukkan oleh Ramlee Awang Murshid ke atas karyanya yang satu ini. Menerusi petikan itu juga, ia merupakan tentang Arif yang baru sahaja selesai menjalankan proses pendebungaan atau kacukan ke atas bunga *Ungu Karmila* yang telah mencetuskan misteri dalam novel ini. Ilmu-ilmu yang berkaitan dengan sains bioteknologi ini diperolehi oleh Ramlee Awang Murshid melalui prinsip kehadiran beliau, iaitu melalui proses penyelidikan dan pembacaan. Pengalaman yang diperolehi itu telah berjaya diterapkan ke dalam karyanya seperti novel ini. Oleh itu, stailistik dan persembahan ke atas novel ini dapat dilihat menerusi gabungan idea yang berkaitan dengan fakta sains dan unsur-unsur imaginasi yang dilakukan oleh Ramlee Awang Murshid. Beliau berjaya mewujudkan sebuah cerita yang berbentuk aliran

naturalisme yang banyak memfokuskan manusia dan alam. Perkara ini telah jelas menunjukkan bahawa Ramlee Awang Murshid sememangnya mempunyai identiti yang tersendiri kerana telah menghasilkan karya-karya yang berbeza, di samping stailistik serta persembahan ke atas novel yang unik dan berkualiti.

4.3 Kesimpulan

Analisis dapatan kajian bagi bab keempat ini telah membuktikan bahawa kepengarangan Ramlee Awang Murshid telah berada dalam landasan yang sejajar dengan keempat-empat prinsip dalam Teori Teksdealisme yang merangkumi prinsip Kehadiran, prinsip Pelanggaran, prinsip Pengukuhan dan juga prinsip Individualisme. Keempat-empat prinsip Teori Teksdealisme dibuktikan hadir dalam mengenal pasti dan menjelaskan aspek-aspek keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid menerusi dua buah novel terpilih iaitu *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*. Pada peringkat pertama Teori Teksdealisme iaitu prinsip Kehadiran kedua-dua novel terpilih tersebut telah menjawab persoalan kehadiran fakta dan sumber serta kebolehhadiran fakta tersebut hadir serta peranannya kepada masyarakat. Pengalaman menjadi kunci utama pada peringkat kehadiran ini bagi membolehkan idea dan sumber-sumber dimanfaatkan sepenuhnya dalam kepengarangan Ramlee Awang Murshid. Justeru, Ramlee Awang Murshid berjaya menghadirkan pengalaman yang diperolehi melalui kehidupan masyarakat dan pengembaraan yang diperolehi hingga berjaya melahirkan kedua-dua novel terpilih ini mencapai tahap unggul.

Kepengarangan Ramlee Awang Murshid turut dibuktikan hadir melalui prinsip pelanggaran dalam kedua-dua novel terpilih bagi tampil unggul. Sebagai seorang pengarang yang begitu berpengalaman dalam menghasilkan karya-karya yang berentak *thriller*, maka beliau sering bereksperimen dengan berani dalam melanggar tradisi kepengarangan berkaitan

dengan pelanggaran tema dan persoalan serta pelanggaran dari segi watak dan perwatakan. Kedua-dua unsur pelanggaran telah dibuktikan jelas keberanian Ramlee Awang Murshid dalam menampilkan pembaharuan dalam kepengarangannya yang dilakukan dalam struktur intrinsit dan ekstrinsit kedua-dua novel tersebut berbanding dengan novel-novel sebelumnya dan novel kepengarangan karyawan lain. Oleh itu, melalui keberanian dan kebijaksanaan Ramlee Awang Murshid telah membuktikan keunggulan dalam kedua-dua novel tersebut.

Turut dibuktikan mengungguli kepengarangan Ramlee Awang Murshid dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* adalah melalui prinsip Pengukuhan. Prinsip ini membuktikan kesungguhan Ramlee Awang Murshid dalam mempertingkatkan kualiti kedua-dua novel ini dengan membuat pengukuhan dari segi nilai murni. Langkah pengukuhan ini dilakukan setelah Ramlee Awang Murshid mempertingkatkan kualiti kepengarangan sedia ada dengan membuat kajian terhadap karya sendiri dan karya tokoh kepengarangan lain agar teks yang baru dihasilkan benar-benar berkualiti. Oleh hal yang demikian, aspek pengukuhan terbukti wujud dalam kepengarangan kedua-dua novel Ramlee Awang Murshid yang menampilkan ideologi realisme-magis dengan mengutamakan aspek nilai murni bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat.

Demikian juga, prinsip Individualisme yang menjadi prinsip terakhir Teori teksdealisme sebagai usaha pengarang mencapai tahap individualiti dan keunggulan. Ramlee Awang Murshid didorong oleh cita-cita dan keinginan personality beliau untuk membina identiti dalam kedua-dua novel ini. Dorongan tersebut pula ditambah dengan bakat serta kebijaksanaan yang dimiliki untuk dimanifestasikan dalam bentuk karya yang diperoleh dan dimanfaatkan sepanjang perjalanan ke arah mencapai kepengarangan yang unggul. Tempoh dan jarak ini telah dipelajari sepenuhnya oleh Ramlee Awang Murshid bagi mencapai kesempurnaan dalam kepengarangan novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*.

Jelaslah di sini bahawa, prinsip-prinsip yang ada pada Teori Teksdealisme telah berjaya membuktikan keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid dalam kedua-dua novel *thriller* terpilihnya iaitu *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* telah dibuktikan dalam analisis kajian yang telah merungkai aspek-aspek serta bentuk kepengarangan beliau. Secara khusus, kajian ini turut meletakkan kedudukan Ramlee Awang Murshid di takhta dan di puncak kepengarangan yang unggul, sebagaimana peranan beliau sebagai seorang pengarang yang berpengalaman. Kedudukan tersebut pula bukan sekadar untuk mengangkat kebijaksanaan beliau dalam bentuk kepengarangan, malah menjadikan bentuk kepengarangan tersebut sebagai kayu ukur dan landasan utama membina sebuah teks yang unggul. Perkara ini membawa erti bahawa, pelapis kepengarangan hari ini perlu menjadikan kedua-dua karya tersebut sebagai salah satu kayu ukur utama bagi melahirkan karya yang benar-benar mampu memberi manfaat dan berkesan kepada masyarakat sebagaimana peranan sastera sebagai cerminan masyarakat.

Dunia kepengarangan hari ini sewajarnya mencontohi segala aspek yang telah mengungguli dan menjadi kekuatan kepada sesebuah karya. Aspek tersebut pula antara lain menekankan idealisme pengarang yang menjadi tunjang kepada keberkesanan dan kesempurnaan pengarang. Idealisme seseorang pengarang turut dipengaruhi sikap serta pengalaman hidup yang banyak menekankan nilai-nilai etika supaya mengelakkan daripada menekankan unsur hiburan semata-mata. Sebaliknya, pengarang akan menampilkan fakta-fakta yang mengungkapkan sesuatu peristiwa yang benar bertujuan mendidik dan memberi

kesedaran kepada masyarakat. Oleh hal yang demikian, kajian yang dijalankan ini telah menemukan idealisme Ramlee Awang Murshid sebagai seorang pengarang yang bukan sahaja menekankan nilai-nilai etika tersebut malah turut berjaya menyampaikan bentuk dan proses kepengarangannya mengikut tatacara bagi mencapai tahap atau puncak idealisme yang unggul.

Demi mencapai puncak idealisme tersebut, Ramlee Awang Murshid telah memperlihatkan kehadiran yang jelas dibuktikan dalam empat prinsip Teori Teksdealisme. Teori ini telah menjelaskan dan menganalisis tatacara dan unsur yang menjadi kekuatan terhadap gaya proses kreatif Ramlee Awang Murshid khususnya dilihat dalam novel terpilihnya iaitu *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*. Kedua-dua novel ini mempunyai daya tarikan dan keistimewaan yang menampilkan naratif yang diolah dengan begitu berani dan penuh pembaharuan sebagai salah satu usaha Ramlee Awang Murshid meletakkan novel ini di tahap yang unggul. Empat-empat prinsip Teksdealisme telah membuktikan segala asas yang mengungguli kedua-dua novel tersebut. Justeru, semangat tersebut hadir dalam cara penyampaian yang begitu unik dan perlu diambil perhatian kepada semua pengarang dalam membina proses kepengarangan.

Prinsip kehadiran telah dibuktikan secara jelas hadir dalam diri pengalaman Ramlee Awang Murshid melalui pengalaman kehidupan masyarakat dan pengalaman pengembaraan. Kedua-dua pengalaman ini hadir dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* dengan olahan gaya naratif yang cukup bermakna bukan sahaja kepada pengarangnya, bahkan turut dipengaruhi dengan pengalaman hidup pembaca yang meneliti terhadap setiap peristiwa yang digambarkan. Prinsip pelanggaran juga memainkan peranan penting bagi Ramlee Awang Murshid dalam membina naratif kedua-dua novel ini. Sifat berani dengan pembaharuan terhadap pelanggaran tema dan persoalan serta pelanggaran dari segi watak dan perwatakan telah dibuktikan dapat menampilkan keunggulan dalam

kepengarangan Ramlee Awang Murshid agar kedua-dua novel ini berbeza dengan bentuk kepengarangan sebelum ini, sekaligus membina identitinya yang tersendiri.

Demikian juga, prinsip pengukuhan yang menjadi titik penyempurnaan Ramlee Awang Murshid bagi meningkatkan hasil dan kualiti kepengarangan kedua-dua novel ini agar tampil unggul. Beliau memperkukuhkan nilai murni dengan membawa aliran realisme yakni menjadikan peristiwa yang benar-benar berlaku sebagai sumber pengukuhan utama cerita. Peristiwa tersebut pula diperkukuhkan dengan menggunakan pelbagai bentuk gaya penceritaannya. Akhirnya prinsip individualisme merupakan puncak akhir Ramlee Awang Murshid dalam mencapai tahap yang unggul dengan melakukan pementapan diri dan teks, membentuk keperibadian dari segi gaya bahasa serta membentuk stilistik dan persembahan novel.

5.1 Rumusan

Setelah meneliti dan melakukan analisis berkenaan kajian keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid dalam novel-novel terpilihnya iaitu *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*, maka telah membuktikan setiap objektif yang disasarkan. Kedua-dua novel yang dipilih ini telah dibuktikan unggul berasaskan analisis dan ukuran melalui empat aspek bagi prinsip Teori teksdealisme. Kajian ini turut membolehkan para pengkaji dan penyelidik menjadikan ukuran asas sebagai salah satu proses kepengarangan kepada pengarang-pengarang sedia ada serta pengarang masa hadapan. Ukuran tersebut dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan dalam menghasilkan kepengarangan yang benar-benar unggul. Perkara ini menjadi suatu keperluan dan kehendak bagi setiap pengarang yang sentiasa menginginkan karya yang dihasilkan mendapat tempat dan tampil dengan idealisme yang unggul.

Kajian ini telah membuktikan bahawa kedua-dua objektif yang disasarkan tercapai, sekaligus meletakkan kedudukan Ramlee Awang Murshid di puncak idealisme melalui kedua-dua novel terpilihnya. Objektif pertama dan kedua secara jelas telah mengenal pasti dan menganalisis aspek-aspek keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*. Dalam konteks ini, aspek-aspek yang terkandung dalam kedua-dua novel ini telah dibuktikan dalam Teori Teksdealisme melalui prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Analisis kedua-dua novel tersebut melalui empat prinsip dan telah menemui faktor-faktor, idea dan sumber yang menjadi titik kepengarangan Ramlee Awang murshid. Beliau tidak menghasilkan kedua-dua novel ini tanpa tujuan dan niatnya pula bukan bertujuan sekadar memberi hiburan kepada pembaca. Secara jelas, kedua-dua novel ini begitu relevan diangkat sebagai novel yang unggul kerana reka cipta dan proses kepengarangannya yang berstruktur malahan mampu memanfaatkan masyarakat.

Proses kepengarangan menjadi suatu kemestian kepada pengarang dalam usaha merangka dan membina proses kreatif dengan melihat dari pelbagai sudut serta ruang yang dapat membantu menjana idealisme. Tanpa mementingkan proses kepengarangan yang unggul, boleh menyebabkan pengarang tersasar malah jauh terpesong dengan fungsi serta peranan karya sastra kepada masyarakat. Fungsi dan peranan inilah yang mesti menjadi keutamaan kepada setiap pengarang agar dapat membentuk jati diri dalam mencapai puncak idealisme dan tampil unggul. Oleh hal yang demikian, pengarang hari ini memerlukan kebijaksanaan dalam mempersembahkan sesebuah karya yang bukan hanya untuk hiburan, malah mengutamakan didikan dan nasihat yang baik melalui saluran daripada sumber kebijaksanaan. Justeru, melalui kebijaksanaan ini membolehkan pengarang menampilkan contoh-contoh yang ideal untuk dipersembahkan dalam karya agar dapat memberikan nilai dan pengajaran bermakna kepada masyarakat.

5.2 Implikasi Kajian

Berdasarkan kepada kajian dan analisis keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid dalam kedua-dua buah novel beliau, iaitu *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*, telah jelas dibuktikan keunggulan kepengarangan tersebut dengan empat prinsip Teori teksdealisme. Melalui keempat-empat prinsip tersebut telah merungkai segala aspek intrinsit mahupun ekstrinsit kepengarangan novel-novel tersebut. Justeru, bahagian ini pula akan menegaskan kesan dan implikasi kajian agar relevan dengan keperluan utama bagi proses kepengarangan. Implikasi ini akan memanfaatkan kepada para pengkaji, pengarang dan pembaca yang memerlukan kefahaman dan kaedah dalam menentukan nilai sesebuah karya agar benar-benar unggul dan menjadi medium perantara kepada mutu kepengarangan sastera tanah air.

Turut memberi implikasi kepada kajian ini adalah sebagai suatu proses yang dapat membantu pembaca memilih karya-karya yang unggul serta bermutu sebagai bahan bacaan fiksyen yang sarat dengan nilai-nilai kemanusiaan dan memenuhi segala aspek keindahan sastera. Sesebuah novel fiksyen yang unggul seperti *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* memerlukan sokongan serta dorongan daripada para pengkaji dengan mengemuka dan membuktikan analisis sebagai langkah membantu pembaca mendapatkan manfaat yang berguna. Pembaca pula akan dapat mentafsir dan membezakan antara kedua-dua novel ini dengan karya lain sebagai sebuah karya yang dapat memberi kesedaran kepada pembaca selain tidak hanya dijadikan sebagai alat hiburan semata-mata. Perkara ini sekaligus dapat meletakkan pengarang iaitu Ramlee Awang Murshid sebagai salah seorang pengarang yang benar-benar mencapai tahap idealisme serta patut mencontohi segala aspek kepengarangan beliau. Justeru itu, kedua-dua novel ini wajar dan relevan untuk dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji dan pengarang dalam membina kepengarangan yang unggul.

Hasil kajian ini turut mendorong kepada pengarang-pengarang hari ini dan pengarang yang sedia ada untuk berusaha mempertingkatkan aspek kepengarangan supaya tampil menjadi antar karya yang unggul dan bermutu kepada pembentukan institusi masyarakat. Menghasilkan sebuah novel yang bermutu adalah tidak semudah yang disangka melainkan kita perlu melalui beberapa proses dalam pembentukan idealisme dan membentuk structural teks yang dapat berdiri sendiri. Proses ini juga memerlukan pengarang erani menampilkan sesuatu pembaharuan sebagai langkah membina identiti dalam kepengarangan. Maka, novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* dapat dijadikan contoh karya fiksyen utama yang mendorong pengarang untuk mempelajari aspek-aspek keunggulan kepengarangan. Aspek tersebut antaranya dipengaruhi oleh pengalaman yang membentuk sumber dan idea untuk diterjemahkan ke dalam sesebuah novel. Pengalaman tersebut penting sebagai proses kehadiran awal kepada pengarang untuk dimanfaatkan dalam sesebuah novel.

Aspek keberanian juga amat penting dalam proses kepengarangan agar segala sumber dan idea yang diperoleh membawa suatu pembaharuan. Keberanian ini dilihat apabila aspek yang diketengahkan seperti tema dan persoalan, watak dan perwatakan serta teknik tampil dengan pembaharuan. Keberanian ini merupakan salah satu eksperimen pengarang dalam mengemukakan sesuatu perkara baharu yang tampil berbeza dengan bentuk kepengarangan sebelumnya atau hasil kepengarangan pengarang lain. Oleh hal yang demikian, Teori teksdealisme melalui prinsip pelanggaran telah menjelaskan aspek yang membawa keberanian dalam kepengarangan Ramlee Awang Murshid melalui novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila*. Justeru, keberanian ini menjadi pendorong kepada pengarang lain dalam usaha membawa suatu pembaharuan sekaligus membina jati diri pengarang yang tampil berani dengan idealismenya.

Selain aspek keberanian yang perlu dimiliki oleh pengarang, Teori Teksdealisme turut menjelaskan prinsip pengukuhan sebagai langkah pengarang mengukuhkan karya agar

mencapai berkualiti dan unggul. Setiap pengarang akan berusaha sebaik mungkin menghasilkan karya yang dihasilkan terutama menjadikan karya yang dihasilkan sebelumnya atau karya orang lain sebagai mekanisme utama melakukan proses penambahbaikan bagi menyempurnakan puncak idealismenya. Oleh hal yang demikian, pengarang yang berusaha mencapai tahap idealisme tersebut boleh menjadikan pengukuhan Ramlee Awang Murshid dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* sebagai salah satu proses kepengarangan yang unggul. Akhirnya, pengarang boleh mencontohi Ramlee Awang Murshid mencapai puncak idealismenya dengan melihat proses penyempurnaan kedua-dua novel ini. Proses penyempurnaan telah jelas.

Turut memberi manfaat dalam kajian ini adalah untuk memperkukuh cabang ilmu kepengarangan yang dapat dijadikan sebagai rujukan kepada para pengkaji dan penyelidik akan datang. Ilmu kepengarangan harus juga ditekankan sebagai langkah menggalakkan masyarakat dan pembaca mengenali pengarang dan mengenal pasti aspek yang membina asas kepengarangan. Perkara ini membolehkan pembaca rapat dengan pengarang dan mengetahui selok-belok kepengarangan pengarang dan bukan hanya melihat aspek struktural teks atau karya semata-mata. Maka, setelah meneliti dan membuat analisis terhadap aspek keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* telah memberi kesan positif kepada pengkaji dan penyelidik serta pembaca sebagai masyarakat dalam menjelaskan aspek yang mengungguli karya.

5.3 Cadangan Kajian

Pada peringkat ini, beberapa cadangan boleh menjadi suatu rujukan oleh pelbagai pihak sebagai langkah untuk menjadikan proses kepengarangan sebagai suatu perkara penting dalam menentukan keberkesanan dan mutu sesebuah novel. Maka, pengarang akan dijadikan

objektif utama kajian dengan melihat beberapa aspek kepengarangan yang digunakan dalam berkarya. Berikut adalah cadangan yang dikemukakan sebagai rujukan pelbagai pihak.

5.3.1 Peranan Pengarang Membentuk Kepengarangan Unggul

Pengarang memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan setiap karya yang dihasilkan benar-benar berkesan dan memberi kesedaran kepada masyarakat. Bagi mencapai hasrat dan cita-cita tersebut, mereka perlu mencontohi karya-karya yang sudah dibuktikan unggul bagi mempelajari setiap aspek yang membina dan mempengaruhi pembentukan sebuah karya yang baik. Aspek-aspek yang telah dibincangkan seperti sumber pengalaman, keberanian, pengukuhan karya dan stailistik perlu menjadi daya penggerak utama sebelum memulakan proses kepengarangan agar tampil dengan idealisme yang unggul. Pengarang perlu terlebih dahulu merujuk kepada hasil-hasil kepengarangan yang telah diakui dan dibuktikan unggul agar setiap peristiwa yang diketengahkan dapat mencerminkan keperibadian mereka. Langkah ini bukan sahaja bermanfaat kepada diri mereka malah turut memberi manfaat berguna kepada masyarakat sebagai pembaca.

Kesungguhan pengarang melakukan penyelidikan terhadap proses kepengarangan daripada pengarang yang unggul turut menjadi cerminan dan model dalam membina kerangka idea agar karya yang dihasilkan turut mencapai tahap kemuncak idealismenya. Kebiasaannya, pengarang baharu kini sering menjadikan proses kepengarangan daripada tokoh-tokoh ulung sastera sebagai rujukan dan panduan seperti tokoh Sasterawan Negara Usman Awang, Shahnnon Ahmad dan A. Samad Said. Ketokohan pengarang tersebut memang tidak boleh disangkalkan lagi dalam membentuk idealisme yang memberi manfaat nesar kepada perkembangan dunia sastera tanah air. Pengarang perlu menganalisis dan mengkaji proses kepengarangan tokoh-tokoh berkenaan dengan membawa idea yang baharu mengikut

acuan sendiri yakni tidak pula menjadikan idealisme mereka semata-mata untuk meniplak atau mengikut jejak langkah mereka. Oleh yang demikian, pengarang hari ini harus meneladani tokoh-tokoh kepengarangan unggul, namun tidak pula meniru gaya dan setiap aspek yang diketengahkan oleh mereka.

Pengarang perlulah memiliki sifat keberanian, jati diri dan bebas daripada terikat dengan konvensi sedia ada selain turut memperkayakan hasil karya mereka ke arah suatu perkara yang bermanfaat. Kebebasan dan keberanian ini sering kali diabaikan oleh sebahagian pengarang yang dibelenggu dengan gaya dan kepengarangan sekadar untuk memberi hiburan tanpa mengkaji terlebih dahulu proses-proses yang membina keunggulan kepengarangan. Maka, ditegaskan lagi bahawa novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* relevan dijadikan panduan kepada pengarang hari ini sebagai karya yang dapat membimbing ke arah mencapai kepengarangan unggul. Kedua-dua novel ini telah membentuk identiti kepengarangan Ramee Awang Murshid dengan memperincikan segala bentuk sumber dan idea pengalaman beliau sebagai suatu bentuk kehadiran bermakna. Demikian juga aspek-aspek keberanian Ramlee Awang Murshid turut dapat dijadikan ukuran kepada pengarang hari ini bagi membina suatu pembaharuan selain aspek pengukuhan yang membantu mengungguli novel-novel tersebut.

5.3.2 Peranan Institusi Pendidikan

Bagi menjadikan kepengarangan sebagai cabang ilmu yang wajib diketengahkan oleh masyarakat, maka institusi pendidikan merangkumi pendidikan peringkat sekolah dan pendidikan tinggi melalui peranan pihak universiti perlu mewujudkan pembelajaran proses kepengarangan. Langkah ini bukan sahaja dapat menjadikan tokoh pengarang dikenali hingga menjadi antara ikon yang boleh dibanggakan, malah turut memberi suntikan kepada para

murid sekolah dan pelajar universiti untuk mengetahui proses kepengarangan yang dilakukan pengarang. Di sekolah, aspek sastera diselitkan dalam pengajaran Bahasa Melayu sebagai komsas atau dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dikenali sebagai seni bahasa adalah perlu juga menitikberatkan aspek kepengarangan sebagai langkah mengenali pengarang dan mengetahui proses kepengarangan selain turut menimbulkan minat dan dorongan untuk menjadi pelapis dalam dunia kepengarangan. Peranan pengajaran guru juga penting selain perlu mahir dalam pengajaran dan mendorong murid meneroka aspek kepengarangan sebelum mengkaji aspek struktural novel.

Subjek Kesusasteraan Melayu tingkatan empat dan lima juga wajar diwajibkan untuk murid tingkatan empat dan lima di semua sekolah agar mereka dapat pendedahan awal dan menarik minat mereka dalam dunia sastera. Aspek kepengarangan dalam kurikulum Kesusasteraan Melayu tingkatan empat dan lima sememangnya jelas memperlihatkan usaha memperkembang dunia kepengarangan sebagai cara mendidik murid mengenali dan mengetahui pengarang serta proses kepengarangan. Oleh yang demikian, wajarlah guru sastera di sekolah menjadikan kandungan ini sebagai suatu pengajaran yang menarik agar dapat mendorong murid mengenali pengarang sekaligus minat dalam dunia sastera.

Melalui institusi pendidikan sama ada peringkat sekolah mahupun institusi pendidikan tinggi dapat mencorakkan lagi aspek kepengarangan sebagai salah satu cabang ilmu sastera yang harus diberi perhatian. Hasil karya unggul tokoh kepengarangan seperti Ramlee Awang Murshid juga perlu dijadikan sebagai salah satu contoh untuk mengukur tahap keunggulan sesebuah karya agar sastera terus diwarnai dengan imej yang dapat memanfaatkan masyarakat ke arah kebaikan melalui seni bahasa yang disampaikan dengan stailistik yang tersendiri.

5.3.3 Peranan Penerbit Karya Kesusasteraan Melayu

Jika dilihat pada hari ini, corak penerbitan karya sastera telah sedikit tersasar daripada tujuan asal sastera untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat. Novel-novel berunsurkan hiburan dan cinta atau novel picisan banyak terdapat di kedai buku hingga mendapat tempat dalam kalangan masyarakat terutama golongan remaja. Berbeza pula dengan karya yang telah dibuktikan unggul sukar didapati di mana-mana kedai buku malah dipinggirkan oleh penerbit kerana difikirkan tidak mendatangkan keuntungan dan mendapat kehendak pasaran. Oleh yang demikian, pihak terlibat seperti penerbitan karya, pengarang, pelukis ilustrasi dan penerbit perlu mencari formula dalam usaha mengangkat karya-karya yang dibuktikan unggul sebagai karya yang harus dimiliki dan dibaca untuk mendapat manfaat daripada hasil kepengarangan tersebut.

Demikian juga pengarang-pengarang yang menghasilkan karya bercorak ilmiah haruslah berusaha bekerjasama dengan pihak penerbitan buku dengan mengadakan pelbagai langkah dalam usaha menambat hati peminat atau pembaca. Turut memainkan peranan ialah pengarang karya-karya bercorak picisan perlu berfikir secara kreatif dan kritis selain mengkaji segala aspek yang dapat membina keunggulan kepengarangan mereka agar karya yang dihasilkan selain berfungsi sebagai alat hiburan, juga dapat memberi manfaat, kebaikan selain kaya dengan falsafah kehidupan. Sebelum penerbitan karya pula, perlulah melalui tapisan agar tidak terpesong dengan matlamat asal sastera sebagai alat untuk memberi kesedaran dan mendidik masyarakat. Justeru, pihak penerbit perlu peka dengan idealisme, persoalan dan struktur karya sebelum diterbitkan agar dapat memenuhi kriteria sebuah karya yang berkesan dan bukan sekadar memikirkan publisiti dan mengaut keuntungan sahaja.

Sebagai langkah untuk meningkatkan penerbitan karya-karya yang bermutu pula, pihak bertanggungjawab seperti pihak kerajaan perlu menubuhkan agensi khas badan

penerbitan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka bagi tujuan menapis dan mengenal pasti karya-karya yang baik untuk dibaca. Langkah ini penting bagi memastikan kebebasan kepengarangan tidak dimanipulasikan oleh pengarang baharu hari ini yang hanya mengejar publisiti yang bercorakkan hiburan semata-mata. Agensi khas penerbitan relevan ditubuhkan untuk membuka jalan kepada pengarang baharu mempersembahkan karya mereka selain turut diberi pengiktirafan yang dapat membangkitkan keinginan dan semangat untuk mendidik masyarakat melalui karya-karya sastera. Kursus-kursus khas berkaitan aspek kepengarangan unggul turut disarankan agar menjadi platform sebagai langkah meningkatkan kualiti karya-karya yang dihasilkan. Justeru, pengarang dan penerbit haruskan menganalisis idealisme kandungan karya terlebih dahulu sebelum dipasarkan agar kandungan tersebut sesuai dan mudah didekati pembaca dengan turut menekankan kesedaran dan kaya dengan nilai dan pengajaran hidup.

5.4 Kesimpulan

Kesimpulan hasil kajian yang dijalankan ini telah menyarankan agar pengarang perlu berusaha mengkaji segala aspek kepengarangan bagi membolehkan karya yang dihasilkan unggul dan meninggalkan kesan kepada pembaca. Segala aspek keunggulan yang dibuktikan dalam kepengarangan Ramlee Awang Murshid melalui kedua-dua novelnya iaitu *Tombiruo* : *Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* juga dapat membantu para pengkaji dan pengarang lain dalam usaha melihat kekuatan yang dijadikan sumber dan idealisme dalam pengkaryaan. Kebanyakan pengarang hari ini terdedah dengan persekitaran penulisan yang mengutamakan hiburan semata-mata boleh meruntuhkan kegemilangan dan fungsi sastera. Sebaliknya pengarang harus menanam sifat untuk berusaha meninggikan aspek idealisme dan berani

menampilkan pembaharuan dengan peristiwa yang dikukuhkan dengan jati diri serta keinginan untuk memberi kesedaran dan mendidik masyarakat.

Aspek keberanian dituntut oleh seorang pengarang yang berusaha menjadikan karya mereka tampil unggul. Keberanian menampilkan idea dan pemikiran baru sebagai satu usaha pembaharuan yang ditampilkan dapat membantu pengarang mencapai tahap keunggulan. Oleh itu, pengarang perlu berusaha mengkaji keberanian yang ditonjolkan oleh pengarang-pengarang unggul sebagai panduan untuk menampilkan kelainan dan membina identiti karya yang dihasilkan. Dalam mencapai hasrat tersebut juga, pengarang tidak seharusnya meniru atau meniplak gaya, persembahan, identiti dan gaya kepengarangan karya unggul lain sebaliknya membuat pengukuhan terhadap karya sendiri dan karya orang lain agar pengarang tampil matang melalui hasrat dan keinginan bagi melahirkan sebuah karya yang unggul. Dengan demikian, pengarang akan berusaha memperbaiki kelemahan dalam proses kepengarangannya.

Turut menjadi faktor keunggulan kepengarangan yang berperanan sebagai puncak mencapai tahap idealisme adalah individualisme sebagaimana diperjelaskan dalam teori Teksdealisme melalui prinsip Individualisme. Pengarang baharu hari ini perlu melihat individualisme sebagai pembentukan karya unggul kerana dapat mempengaruhi hasrat mereka menghasilkan sebuah karya yang luar biasa. Jika proses kepengarangan dipandang enteng, maka tahap dan aspek keunggulan tidak dapat dikenalpasti selain menyukarkan para pengkaji dan pembaca mendapat maklumat tepat proses pengarang menghasilkan sesebuah karya hingga tampil unggul.

Semua pihak haruslah memainkan peranan penting dalam mengangkat dunia kepengarangan sebagai salah satu cabang ilmu sastera yang penting untuk diteroka. Bidang ini dapat membantu pengkaji, pembaca dan lebih utama mampu menarik minat generasi

muda dalam dunia kepengarangan. Kajian ini turut memberi sumbangan kepada koleksi bahan ilmiah untuk dikongsi kepada para pengkaji kepengarangan akan datang untuk meneruskan kajian sekaligus membuktikan bahawa bidang ini sangat penting untuk diteroka. Masih banyak lagi aspek keunggulan kepengarangan perlu diselongkar dan dikaji oleh pelbagai pihak. Kunci utama keunggulan sesebuah karya adalah melalui aspek-aspek kepengarangan serta daya kreatif mereka mengolah tema, persoalan dan tekstual serta pengaruh luaran yang memberi daya penggerak pengarang mencapai tahap puncak idealisme. Karya ini pula telah berjaya menyampaikan didikan dan memberi kesedaran sebagai sebuah karya yang benar-benar unggul.

Tuntasnya, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk memenuhi segala objektif yang diinginkan bagi mengenalpasti dan menganalisis aspek-aspek keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* melalui empat prinsip yang mendasari Teori Teksdealisme. Segala aspek keunggulan telah jelas dibuktikan melalui empat prinsip Teori Teksdealisme merangkumi prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Ditegaskan lagi bahawa kajian ini penting bagi mengenalpasti dan menganalisis keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Murshid dalam novel *Tombiruo : Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* yang akhirnya dapat memanfaatkan kepada para pengkaji, pengkarya dan pembaca.

BIBLIOGRAFI / RUJUKAN

- Novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah: *Kajian intertekstualiti / Nursham Abdul Aziz. (2015)*. Retrieved June 30, 2021, from Universiti Putra Malaysia, UPM.
- Mansor, M., Ibrahim, N. H., & Hassan, H. (2017). *PEMIKIRAN DALAM NOVEL SEBALIK YAMASHITA DAN PERCIVEL. Proceedings of the ICECRS, 1(1)*.
- Margaretha Erwina Sipayung. (2016). *KONFLIK SOSIAL DALAM NOVEL MARYAM KARYA OKKY MADASARI: KAJIAN SOSIOLOGI SASTRA. Sintesis, 10(1), 22–34*.
- Mohd Nazri , Zainuddin. (2012). *KEPIMPINAN DAN KEUNGGULAN WANITA MENERUSI NOVEL DOA INSAN BERKASIH - IAB Institutional Repository*.
- Asmiaty Amat. (2011). *Ngayau Sebagai Sebuah Novel Berwarna Tempatan: Satu Kajian Sosiologi Sastera*. Retrieved June 30, 2021.
- View of *PERSAINGAN ANTARA SPESIES DALAM NOVEL SARAWAK*. (2021).
- Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad, & Muhammad Zaid Daud. (2018). *ANALISIS STILISTIK MELALUI PENGGUNAAN BAHASA DALAM NOVEL SASTERA INDIE: KARYA AZWAR KAMARUZAMAN. Jurnal Kesidang, 3(1), 106–121*.
- Ibrahim, N., & Omar, A. (2017). *Analisis Pengarang Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa Karya Abdul Latip Bin Talib. Sains Humanika, 9(3)*.
- Rosmah Derak. (2020). *Pemikiran Dalam Novel-Drama Bila Tuhan Berbicara Karya Faisal Tehrani. PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 11(2), 44–54*.
- Yaacob, M. (2017). *Unsur tarbiah dalam novel Komsas - Universiti Putra Malaysia Institutional Repository, UPM*.
- Ali, Madiawati Mamat@Mustaffa, Madiawati Mamat@Mustaffa, & Fauzi Hasan. (2017). *NOVEL-NOVEL FAISAL TEHRANI DARI PERSPEKTIF TEKSDEALIMSE: FAISAL TEHRANI'S NOVELS FROM TEKSDEALIMSE PERSPECTIVE. Jurnal Pengajian Melayu / Journal of Malay Studies (JOMAS), 28(1), 262–287*.
- ABDUL HALIM ALI. (2011). *Proses Kreativiti A.Samad Said Berasaskan Teori Teksdealisme. Jurnal Melayu, 6(0)*.

- Beden, S. (2019). Prinsip kehadiran dalam novel-novel Jong Chian Lai: Analisis teksdealisme. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 36–56.
- Abu Samah, Ruziwati. (2019). *GAYA KEIBUBAPAAN DALAM NOVEL KOMSAS SUKAR MEMBAWA TUAH DAN MERENANG GELORA BERDASARKAN ANALISIS TEKSDEALISME*.
- Roselena Mansor, & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2015). Kepimpinan Berkualiti: Perspektif mengenai Kompetensi yang Diperlukan untuk Memimpin dengan Berkesan. *Jurnal Pengurusan (UKM Journal of Management)*, 45(0).
- Fauzi Hasan, Ali, & Madiawati Mamat@Mustaffa. (2018). INDIVIDUALISME FAISAL TEHRANI DALAM KEPENGARANGAN BERDASARKAN NOVEL-NOVEL TERPILIH : *RUMPUN JURNAL PERSURATAN MELAYU*, 6(1), 31–60.
- Faizah Jalal, & Ani Hj Omar. (2015). Pelayaran Inderaputera II Karya Ismail Kassin Analisis Daripada Perspektif Teksdealisme. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 6, 274–293.
- View of NOVEL-NOVEL FAISAL TEHRANI DARI PERSPEKTIF TEKSDEALISME. (2021). Retrieved June 30, 2021, from Universiti Malaya, UM.
- Description: Keunggulan Kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel-novel terpilih. (2021). Retrieved June 30, 2021, from Universiti Putra Malaysia, UPM.
- Ghazali Din, Abdul Halim Ali, & Mohd Azam Sulong. (2015). KONSEP KOMUNIKASI DAN KEPENGARANGAN MUHAMMAD HAJI SALLEH BERASASKAN MODEL TEKSNALURI : *RUMPUN JURNAL PERSURATAN MELAYU*, 3(1), 166–186.
- NORAZIMAH ZAKARIA. (2018). *DARIPADA INTROSPEKSI DIRI KEPADA NARATIF MERENTASI ZAMAN DAN SEMPADAN DALAM KARYA A. HALIM ALI*. *Jurnal Melayu*, 2(17).
- Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din, & Phaosan Jehwae. (2020). Keunggulan kepengarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(1), 68–87.
- Norazimah Zakaria. (2014). KONSEP KEPENGARANGAN MELAYU TRADISIONAL DAN PERANAN PENCERITAAN. *Jurnal Pengajian Melayu / Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 25(1), 159–179.

DEFINISI THRILLER - PERBENDAHARAAN KATA - 2021. (2021). *DEFINISI THRILLER - PERBENDAHARAAN KATA - 2021.*


Mansor, M., Ibrahim, N. H., & Hassan, H. (2017). PEMIKIRAN DALAM NOVEL SEBALIK YAMASHITA DAN PERCIVEL. *Proceedings of the ICECRS, 1*(1).



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN